

Harga: (260) Rial

KATA - KATA SPIRITUAL


KATA - KATA SPIRITUAL

Oleh:
Ayatullah Murteza Mutahhari



Organisasi Tablighat Islami

277



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

THE
RECORD
OF
THE
PROCEEDINGS
OF
THE
LEGISLATIVE
COUNCIL
OF
THE
STATE
OF
NEW
YORK
IN
THE
YEAR
1891
PUBLISHED
BY
THE
CLERK
OF
THE
LEGISLATIVE
COUNCIL
ALBANY:
J. B. LEECH, STATE PRINTER.
1892.

KATA _KATA SPIRITUAL

Oleh:
Ayatullah Murteza Mutahhari



Organisasi Tablighat Islami

277

گفتارهای معنوی

شهید مطهری



Edisi Pertama 1987-1407

Diterbitkan Oleh:

Propagasi Tablighat Islami

Peti Surat 14155/1313

Tehran-Republik Islam Iran

Dicetak oleh

Sepehr, Tehran - Iran

Isi Kandungan

Pengenalan

Perbincangan Pertama:

Kriteria Kemanusiaan

Perbincangan Kedua:

Maktab Kemanusiaan

Perbincangan Ketiga:

Kebebasan Spiritual (I)

Perbincangan Keempat:

Kebebasan Spiritual (II)

Perbincangan Kelima:

Kehormatan dan Ketinggian Jiwa

Perbincangan Keenam:

Ibadah dan Salat (I)

Perbincangan Ketujuh:

Ibadah dan Salat (II)

Perbincangan Kelapan:

Taubat (I)

Perbincangan Kesembilan:

Taubat (II)

Perbincangan Kesepuluh:


Hijrah dan Jihad (I)

Perbincangan Kesebelas:

Hijrah dan Jihad (II)

Perbincangan Kedua Belas:

Beriman Kepada yang Ghaib



Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Di dalam zaman kegemparan dan yang merisaukan ini yang patut dipanggil, 'Zaman tekanan dan kacau bilau bagi manusia,' manusia telah, disebabkan oleh pemberian perhatian yang banyak kepada kehidupan material, melupai dirinya yang sebenar dan telah menyibukkan dirinya sendiri dengan ni 'mat-nimat' material yang tidak berguna lagi fana. Spiritualiti dan jiwa ugama telah dilenyapkan daripada pandangan kehidupan manusia dan masyarakat manusia telah bertukar kepada kilang-kilang industri di mana manusia hanyalah merupakan rintangan-rintangannya sahaja. Manusia-manusia masa kini, mencari ideal-idealnya semata-mata di dalam kepuasan kehendak-kehendak fizikal seperti makanan, tidur, perumahan dan pada dasarnya tidak membuat sebarang cubaan untuk mencari ideal sebenarnya yang telah hilang.

Adalah tidak dapat dipertikaikan lagi yang kolonial barat dan timur telah memainkan peranan yang tekun dalam membawa keadaan yang menyedihkan ini. Kolonialisma timur, dengan merompak ugama dan spiritualiti manusia manakala imperialisma barat pula menerusi penyebaran kapitalisma dan jiwa materialistik dan dengan mendidik naluri-naluri tamak dan keinginan besar, telah saling bermuafakat dan telah membawa manusia ke tahap malang di mana manusia sedang berada hari ini.

Di dalam situasi yang ada ini, keadaan penduduk-

penduduk dunia ketiga yang menderita dengan hebatnya daripada dominasi sial kedua-dua kuasa demonik ini adalah begitu berkesan dan dirasa dengan teruk sekali. Agen-agents kolonialis di dalam dunia ketiga tidak putus-putus berusaha untuk merampas sumber-sumber spiritual dan material orang-orang yang tertindas ini dan untuk membuat mereka memerlukan tetek-tetek kolonialis-ibu-ibu yang zalim ini, hanyalah seperti bayi-bayi yang lemah.

Sebagai jawapan kepada keadaan-keadaan yang genting ini, Revolusi Islam Iran telah muncul di dalam kawasan itu, untuk menjadi cahaya, menerangi **jalan-jalan** orang-orang yang terpinga-pinga dalam zaman ini dan untuk menjadi bahtera Nuh buat menyelamatkan orang-orang yang tertindas dan dipukul beliung dalam dunia hari ini.

Terjemahan Kata-Kata Spiritual ini telah, ditulis oleh Dr. Morteza Mutahhari, seorang ahli falsafah Islam yang telah syahid, membongkarkan sebahagian daripada dimensi spiritual Islam. Ianya telah ditawarkan dengan harapan yang ia dapat mengingatkan orang ramai akan kenyataan spiritual yang telah dilupakan dan membangkitkan spiritualiti di dalam diri manusia yang tidak sedar dan untuk memelihara pengikut-pengikutnya yang telah sedar.

Sebagai kesimpulan, adalah perlu untuk diingatkan yang isi kandungan buku ini telah semuanya ditulis daripada keset-keset ucapan Syahid Mutahhari dan kemudian telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris, terjemahan ini bukanlah satu tugas yang mudah dan sedikit perubahan telah dibuat dalam ayat-ayat dan rangkai kata-rangkai katanya. Walaupun begitu, **usaha besar** telah dibuat untuk mengekalkan, sesempurna yang boleh, idea-idea dan pandang-timbang ajaran-ajaran yang mendalam oleh ahli falsafah yang terkemuka ini. Adalah diharapkan agar Allah yang Maha Kuasa dengan begitu pemurah akan menerima khidmat yang tidak seberapa ini dan memberikan kita kejayaan yang lebih besar di dalam jalan khidmat untuk Islam dan orang-orang Islam.

Organisasi Tablighat Islami
Bahagian Hubungan Luar

Perbincangan Pertama

Kriteria Kemanusiaan

Saya telah diminta untuk membincangkan persoalan darihal kriteria kemanusiaan. Sekiranya kita membincangkannya dari sudut biologi, sudah tentu ia merupakan satu subjek yang sangat mudah kerana kita hanya akan menyentuh tentang tubuh badan manusia dan kedudukannya di dalam alam haiwan, di mana dari segi ini tiada terdapat perbezaan antara satu individu dengan individu yang lain. Dengan taraf anatomi (Kaji tubuh badan), perubatan malah hingga ke satu tahap ilmu jiwa (psikologi) yang tertentu, tidak terdapat perbezaan-perbazaan yang besar di antara dua individu ataupun lebih dari itu.

Tetapi adakah kemanusiaan ini hanya terhad kepada tubuh badan? Adakah kesempurnaan dan pergerakan manusia hanya terbatas kepada aspek fisikalnya sahaja?

Di dalam ilmu kemanusiaan terdapat perbincangan dari hal kesempurnaan dan ketidaksempurnaan manusia; dari sudut darjat yang tinggi ataupun rendah. Dari kaca mata moral dan sosial, jenis manusia yang macam manakah yang bernilai untuk dihormati disebabkan oleh kesempurnaannya ataupun layak menerima penghinaan disebabkan oleh ketidaksempurnaannya? Topik ini bukan sahaja telah menarik perhatian di dalam pengetahuan manusia tetapi juga di dalam berbagai ugama. Sebagai contoh: Al Quran juga bercakap mengenai manusia-manusia yang tinggi

daripada para malaikat dan patut menerima bia'ah daripada mereka (malaikat-malaikat). Ia juga menyebut darihal manusia yang lebih rendah dari binatang-binatang.

Apakah kriteria yang mengukur perbezaan di dalam manusia? Persoalan ini bukan sahaja berkaitan dengan agama. Ahli-ahli falsafah materialistik, yang tidak mempercayai akan Tuhan dan agama, juga membincangkan persoalan tentang manusia, kemanusiaan dan ketinggian serta kerendahan manusia.

Menurut pendapat ahli-ahli falsafah ini, apakah kriterianya? Bolehkah kita **katakan** yang manusia adalah sama secara genetik tetapi berbeza di **dalam** ilmu. Iaitu, sesuatu yang dituntut, bukannya warisan. Oleh itu adakah seseorang yang mempunyai lebih ilmu pengetahuan adalah lebih tinggi dari seseorang yang kurang ilmu pengetahuan? Adakah ini bersangkutan dengan ilmu akademik yang memberikan ketinggian mengikut darjah dan tingkat pembelajaran seseorang? Adakah kita **menghormati** seseorang hanya dengan mengikuti kadar pembelajarannya? Adakah Abudhar dihormati kerana beliau lebih terpelajar daripada orang-orang yang sezaman dengannya? Adakah Muawiyah tercela dan dibenci kerana kekurangan ilmu pengetahuan?

Saya tidak percaya yang pelajaran adalah merupakan kriteria untuk kemanusiaan. Sekiranya ini adalah benar, kita patut berkata yang Einstein lah yang paling banyak dianugerahi dengan kualiti-kualiti kemanusiaan kerana beliaulah yang paling terpelajar sewaktu zamannya.

Satu **pandangan** yang lain ialah; walaupun ilmu adalah salah satu daripada syarat awal kepada kemanusiaan, dan walaupun kepentingan kesedaran terhadap diri sendiri, masyarakat dan dunia tidak dapat dinafikan, tetapi ianya adalah tidak memadai. Pendapat ini menuntut yang kemanusiaan adalah diukur menerusi keperibadian dan akhlak. Seseorang itu mungkin berilmu, tetapi sekiranya dia mempunyai keperibadian yang buruk, patutkah dia dikira sebagai manusia yang sebenarnya.

Seekor haiwan berkelakuan menurut naluri dan ia tidak

mempunyai kehendak untuk memerintah nalurinya. Apabila kita memanggil anjing sebagai seekor binatang yang setia, kesetiaan ini adalah fitrahnya. Seekor semut juga bijak menerusi nalurinya. Di dalam dunia ini terdapat juga manusia-manusia yang pergerakannya menyerupai binatang. Mereka mempunyai naluri yang natural, tetapi tidak melakukan satu pembaharuan pun, dan hanya mengikut fitrah sahaja.

Kesedaran seekor binatang adalah terbatas mengikut waktu dan tempatnya, manakala kesedaran manusia membenarkannya untuk mengetahui hal yang lampau dan mempunyai idea untuk masa depan dan boleh menjejak keluar daripada daerahnya, malah dia juga boleh keluar daripada planetnya sendiri. Tetapi persoalan keperibadian adalah hal yang berbeza. Ilmu adalah berkaitan dengan apa yang diajarkan kepada seseorang, sementara keperibadian adalah bersangkutan dengan latihan dan pembentukan tabiat-tabiat.

Saya tidak fikir yang ilmu ialah kriteria kemanusiaan yang boleh diterima dan kemudian saya akan menerangkan jenis manusia yang macam **manakah** yang menyokong pendapat ini. Pandangan yang kedua yang mengambil akhlak sebagai kriteria kemanusiaan mempunyai lebih ramai penyokong. Tetapi di sini kita boleh bertanya, jenis akhlak dan keperibadian yang dimaksudkan? Salah satu daripada jawaban-jawaban kepada soalan ini yang diinginkan sebagai kriteria ialah cinta, cinta yang menjadi ibu kepada lain-lain keperibadian yang baik. Oleh itu jika seseorang mengasaskan kepribadiannya di atas dasar cintakan manusia, dia memiliki kemanusiaan yang sebenarnya. Orang yang sebegini akan meminati orang lain sebagaimana dia meminati dirinya sendiri ataupun lebih menggemari orang lain.

Di dalam ugama, perbuatan sebegini dipanggil 'pengorbanan diri sendiri.' Terdapat satu kenyataan di dalam sebuah buku yang mengatakan bahawa semua ugama menyuruh kita mencintai orang lain sebagaimana kita mencintai diri kita sendiri. Ini juga tercatat di dalam hadis-

hadis kita.¹ Ini adalah merupakan logik kepada cinta. Seperti mana yang kita ketahui, di dalam ugama Hindu dan Kristian penekanan yang banyak diletakkan ke atas rasa cinta. Tetapi mereka ini telah pergi begitu jauh sekali sehingga mereka menjadi buta dan tetap mengekalkan yang cinta adalah sebab kepada setiap perbuatan di dalam setiap situasi. Dengan itu rasa cinta dari sudut kefahaman kedua-dua ideologi ini adalah sesuatu yang menakjubkan dan yang mengatakan bahawa cinta sahaja adalah memadai sebagai kriteria kemanusiaan haruslah diperbincangkan.

Tetapi sekiranya kita menerima cinta kepada manusia sebagai kriteria, isu ini dapat diselesaikan dengan lebih mudah daripada mengambil ilmu sebagai kriterianya. Sebagai contoh, bersangkutan dengan kecenderungan kita terhadap Abudhar yang melebihi Muawiyah, kita berada di kedudukan yang lebih baik untuk mengadili mereka berdua dari dasar cinta. Muawiyah adalah seorang yang kikir dan inginkan nama, yang telah mengeksploit orang lain dengan paksaan. Manakala Abudhar pula adalah sebaliknya, walaupun beliau mempunyai kemungkinan dan mahupun Muawiyah telah bersedia untuk menawarkannya banyak keutamaan, tetapi beliau lebih membimbangkan nasib orang lain, terutamanya mereka-mereka yang ditindas oleh Muawiyah. Itulah sebabnya beliau bangun menentang orang yang buruk ini dan menghabiskan beberapa tahun yang terakhir di dalam pembuangan di mana beliau akhirnya meninggal dunia. Dengan itu, kita memanggil Abudhar manusia kerana beliau mencintai orang lain dan kita menganggap Muawiyah sebagai bukan manusia kerana dia hanya meminati dirinya sendiri.

Ataupun, sama juga seperti hal yang tadi, mengapakah kita menganggap Hadrat Ali (a.s.) sebagai manusia yang sempurna? Disebabkan beliau merasai kesakitan masyarakat dan 'saya' nya bertukar menjadi 'kami'. Personalitinya menarik orang lain. Beliau bukanlah seorang individu yang terpisah dari orang lain. Beliau sendiri berkata yang kesakitan di dalam masyarakat adalah menyerupai kesakitan yang ditanggung di dalam satu badan, yang menyebabkan

bahagian-bahagian lain juga merasai kesakitan itu, salah satu daripadanya ialah beliau sendiri. Ali telah pun mengumumkan hal ini lebih awal daripada ahli-ahli falsafah kemanusiaan abad ke dua puluh yang menuntut bahawa ini adalah satu ideal.

Apabila beliau mendengar bahawa gabenor yang dilantiknya telah menghadiri satu majlis, beliau pun menuliskannya sepucuk surat bantahan yang ada tercatat di dalam Nahj ul-Balagha.² Tidak pun disebut majlis yang bagaimana, samaada terdapat minuman keras ataupun judi ataupun tari menari. Gabenor itu dikira bersalah oleh Hadrat Ali kerana dia telah mengambil bahagian di dalam majlis orang-orang atasan yang tidak dihadiri oleh orang-orang miskin.

Beliau berkata, "Aku tidak percaya yang seorang gabenor dan wakilku akan menghadiri sebuah majlis yang begitu terhormat." Beliau seterusnya menggambarkan kehidupannya sendiri dan berkata yang beliau merasai kesakitan orang lain lebih daripada kesakitannya sendiri dan kesakitan mereka menghalangnya dari merasai kesakitannya sendiri. Kata-katanya ini menunjukkan yang beliau adalah seorang yang terpelajar dan waras. Tetapi sebab mengapa kita menghormatinya dengan begitu dalam sekali bukanlah kerana pengetahuannya yang luas, tetapi kerana beliau adalah seorang yang berperni kemanusiaan.³ Beliau sedar akan destinasi yang lain.

Mazhab-mazhab lain menganggap resolusi dan kemahuan sebagai kriteria kemanusiaan. Ia menuntut yang sekiranya seseorang itu boleh mengawal dirinya, nalurinya, sarafnya dan hawa nafsunya dengan kemahuan dan alasan dan tidak dikuasai oleh kecenderungan-kecenderungan dan nafsu-nafsunya, dia adalah manusia yang sebenarnya.

Terdapat perbezaan di antara keinginan dan kemahuan. Keinginan adalah merupakan satu tarikan dari luar, kaitan antara manusia dan objek-objek luar seperti seorang yang tertarik dengan makanan ataupun tarikan sex. Malah tidur juga adalah satu tarikan. Begitu juga dengan keinginan untuk memperolehi kedudukan dan pangkat. Tetapi resolusi

adalah sesuatu dari dalam yang membebaskan seseorang daripada desakkan-desakkan hawa nafsu (keinginan). Ia meletakkan nafsu di bawah kawalan kemahuan untuk mempergunakannya dengan cara yang dikira bermanfaat. Kebanyakan daripada ahli-ahli moral kita yang lalu menekankan resolusi sebagai kriteria kemanusiaan. Manusia, tidak seperti binatang yang diperintah oleh nalurinya, boleh mengambil keputusan untuk bertindak menentang **kecenderungan-kecenderungannya**. Oleh itu seorang yang beresolusi adalah lebih berperni kemanusiaan daripada seorang yang tidak dapat mengawal dirinya sendiri ('naf' nya).

Kriteria lain untuk kemanusiaan ialah kebebasan. Apakah yang dimaksudkan dengan ini? Ini beerti yang sesiapa saja sampai ke satu tahap di mana dia tidak dapat **menahan** paksaan lagi, dan tidak terperangkap oleh sebarang kuasa dan boleh memilih dengan bebas, seseorang itu adalah manusia. Di dalam mazhab yang moden, banyak tekanan diletakkan ke atas kebebasan sebagai kriteria kemanusiaan. Adakah pendapat ini benar ataupun salah? Ianya adalah secara serentak benar dan salah. Sebagai syarat awal kepada kemanusiaan, ianya adalah benar, tetapi sebagai semata-mata kriteria untukkemanusiaan, ia adalah salah.

Islam telah meletakkan tekanan yang banyak ke atas kawalan diri sendiri. Saya akan menyampaikan sebuah cerita yang berkaitan dengan ini. Telah diriwayatkan yang Rasulullah sedang melintasi suatu tempat di Madinah di mana terdapat ramai anak-anak muda yang sedang mengadu kekuatan dengan mengangkat seketul batu yang besar. Apabila mereka melihat Rasulullah, mereka pun menyuruh baginda menjadi hakim. Rasulullah bersetuju, dan di akhir peraduan itu baginda pun berkata, "Tahukah kamu siapakah yang paling kuat? Dia adalah seorang yang dapat mengawal rasa marahnya dan tidak membenarkannya (rasa marah) untuk mengatasinya. Dia tidak boleh menggunakan kemarahannya bertentangan dengan kepuasan Allah dan mesti boleh mengawal nafsunya."

Pada hari itu, Rasulullah telah mengubah peraduan

kekuatan fisikal kepada sesuatu yang spiritual. Apa yang dimaksudkan oleh baginda ialah, kekuatan fisikal menunjukkan kejantanan, tetapi ia bukanlah semata-mata tandanya. Kejantanan yang sebenarnya ialah kekuatan kuasa kemahuan.

Kita memanggil Hadrat Ali 'Singa Allah' kerana beliau lebih bersifat kejantanan dari semua yang lain melalui dua cara: Dari luar, di dalam masyarakat dan di medan perang beliau boleh menewaskan lawannya yang terkuat, dan yang lebih penting lagi ialah, dari dalam, beerti yang beliau dapat mengawal dirinya dengan sempurna dari setiap kemahuan dan olakan.

Jalal al-din Rumi telah menceritakan sebuah cerita di dalam Mathnawi dari hal Hadrat Ali sebagai anak muda dalam lengkungan usia dua puluh empat atau dua puluh lima tahun di mana di dalamnya beliau menggambarkan kejantanan yang baik. Beliau telah menjatuhkan musuhnya di dalam medan perang dan sedang duduk di atas dadanya, kira-kira untuk membunuhnya. Lelaki itu meludah ke muka beliau. Dengan marah, Hadrat Ali meninggalkan lelaki itu untuk sementara waktu dan berjalan-jalan buat seketika. Lelaki itu bertanya mengapa dia ditinggalkan bersendirian. Hadrat Ali menjawab, "Sekiranya aku membunuhmu tadi, perbuatan ini sudah tentu di dalam kemarahanku, bukannya menjalankan tugasku dengan tujuan **semata-mata** kerana Allah." Ini adalah merupakan satu contoh kawalan diri sendiri yang sangat baik.

Di dalam wasiatnya kepada Imam Hussain (a.s.), Hadrat Ali berkata, "Anggaplah dirimu dan kehidupanmu lebih tinggi daripada setiap perhuatan yang kejam. Kamu tidak akan memperolehi sesuatu apa pun ganjaran kepada perhatian yang kamu berikan kepada nafsu-nafsu sewaktu hayatmu. Jangan jadikan dirimu hamba kepada yang lain, kerana Allah menciptamu bebas."⁴ Persoalan kebebasan adalah merupakan sesuatu yang diterima oleh mazhab-mazhab yang ujud sekarang ini sebagai kriteria kemanusiaan.

Kriteria lain untuk kemanusiaan ialah persoalan tugas

dan tanggungjawab yang bermula dari Kant dan telah ditekankan di dalam zaman kita ini. Ini beerti, merasai tanggungjawab terhadap masyarakat, diri sendiri dan keluarga sendiri. Bagaimanakah caranya untuk seseorang memperoleh perasaan ini dan apakah dasarnya? Adakah ianya dicipta di dalam kesedaran seseorang?

Maktab-maktab yang lain, termasuk Plato, menganggap kecantikan sebagai kriteria kemanusiaan. Setiap **maktab** mengakui dan mengesahkan keadilan. Satu **maktab** mengesahkan keadilan dari sudut keadaban. Yang lain mengesahkannya kerana terdapat kaitan di antara keadilan dan kebebasan, sementara Plato berfikir yang keadilan adalah baik untuk individu dan masyarakat, kerana ia memimpin ke arah ketenangan dan kecantikan. Sudah tentu, kecantikan yang dimaksudkannya ialah kecantikan rohani.

Di dalam perjumpaan yang lain kita akan menghakimi semua **maktab-maktab** ini dan kita akan mengkaji pendapat Islam mengenai isu ini.

Perbincangan Kedua

Maktab Kemanusiaan

Tajuk perbincangan kita ialah "**maktab** Kemanusiaan." Mengikut pengetahuan kita, manusia adalah satu-satunya makhluk yang mempunyai perasaan ingin tahu, dan sentiasa menjadi hal untuk siasatan dan perbincangan.

Perkataan 'kemanusiaan' sentiasa dikaitkan dengan perasaan ketinggian dan kesucian sebagai makhluk yang lebih tinggi daripada binatang-binatang dari berbagai sudut seperti ilmu, keadilan, kebebasan, keinsafan moral dan lain-lain lagi. Walaupun banyak objek-objek suci manusia telah menjadi satu hal yang membawa kepada keraguan dan penafian, nyata bahawa tiada mazhab yang telah pergi begitu jauh sekali sehingga menganggap hina kehormatan manusia yang khas dan ketinggiannya daripada makhluk-makhluk yang lain.

Kenyataan ini telah digambarkan dengan halus di dalam sajak-sajak Rumi dan Sa'adi dan lain-lain penyajak-penyajak kita. Topik ini juga menjadi tema kepada kebanyakan sastera-sastera dunia, baik pun yang berbentuk keugamaan mahu pun tidak, di mana persoalan kemanusiaan dan pujiannya telah dilukiskan. Di dalam sastera Islam, di dalam bahasa Farsi dan Arab, kita menemui banyak kenyataan-kenataan begini.

Di dalam dua abad kebelakangan ini, dengan perkembangan sains yang hebat, kemanusiaan telah jatuh secara mengejut daripada alas kesucian yang telah diberikan

kepadanya. Ia jatuh dengan keremokkan yang sebenarnya, kerana lebih tinggi seseorang itu disanjung maka lebih hebatlah pula kerosakan yang dialami akibat daripada kejatuhannya. Di masa lampau, manusia telah diangkat ke pangkat separuh tuhan seperti yang dapat disaksikan di dalam sajak-sajak Hafiz dan penyajak-penyajak yang lain.

Penemuan manusia yang pertama adalah di dalam bentuk cakerawala yang telah memperbaharui idea-ideanya. Sebelum itu, bumi dipercayai sebagai pusat kepada cakerawala di mana semua planet dan bintang-bintang mengelilinginya. Sains telah membuktikan yang bumi adalah sebuah planet yang kecil yang mengelilingi matahari dan sistem solar adalah sebahagian kecil daripada cakerawala.

Pada waktu inilah kedudukan manusia sebagai pusat kepada setiap kemungkinan dan sebagai tujuan ciptaan menjadi suatu hal yang diragui dan dinafikan, dan tidak seorang pun yang berani untuk menuntut dari hal kedudukannya yang tinggi. Kemudian satu lagi tamparan yang hebat yang telah ditempuhi ialah pendapat yang mengatakan bahawa manusia bukan lagi makhluk ilahi dan khalifah Allah di muka bumi.

Penyelidikan biologi berkenaan dengan perkembangan dan asal-usul spesis dengan serentak menunjukkan kaitan antara manusia dengan binatang yang mereka hina dan keji. Ia membuktikan yang mereka (manusia) berkembang daripada monyet ataupun binatang-binatang lain dan dengan itu mereka pun kehilangan asal-usul mereka.

Tamparan lain yang hebat ialah penentangan terhadap rekod-rekod yang bijak dari hal aktiviti-aktiviti manusia secara zahirnya, iaitu, ia boleh bertindak dengan satu cara yang hanya mempamirkan kebaikan dan kebajikan yang motifnya hanyalah kecintaan Allah, dan kekurangan semua aspek-aspek binatang. Tesis yang baru ini mengatakan bahawa tuntutan manusia terhadap semua kesucian dan kelebihan itu adalah tidak benar dan semua aktiviti-aktiviti yang telah dinamakan seperti cintakan ilmu, seni, kecantikan, moraliti dan fikiran, do'a dan penyerahan dan segala-gala yang luar biasa adalah bersamaan seperti apa

yang boleh diperolehi di dalam binatang, kecuali di dalam bentuk-bentuk yang lebih kompleks dan makanisma. Mereka berkata bahawa perut adalah merupakan sumber dan akibat kepada semua aktiviti. Setengah-setengahnya pula pergi begitu jauh sekali sehingga mereka berkata yang perutlah juga yang merupakan dasar kepada fikiran-fikiran dan perasaan-perasaan seseorang. Terdapat juga orang-orang lain yang menganggap posisi ini sebagai sesuatu yang begitu tinggi dan menuntut bahawa manusia adalah lebih rendah dari itu.

Akhirnya kesimpulan pun diambil yang makhluk ini yang pada awalnya menuntut asal-usul yang suci dan tinggi mesti dikaji dengan hati-hati untuk membuka fitrahnya yang sebenar. Satu teori lain telah ditawarkan iaitu tidak terdapat sebarang perbezaan di antara manusia, tumbuh-tumbuhan dan malah objek-objek yang tidak bernyawa. Sudah tentu terdapat perbezaan di dalam susunan dan bentuk tetapi tiada terdapat perbezaan dari sudut zat ciptaan mereka. Adalah ditulis yang roh dan nafas ilahi tidak ujud kerana manusia adalah sebuah mesin yang lebih rumit daripada mesin-mesin yang lain seperti kereta-kereta, kapal terbang-kapal terbang dan satelit-satelit; iaitu, hanya sejenis makhluk mekanikal.

Ini adalah merupakan tamparan yang hebat kepada kemanusiaan tetapi nilai-nilai manusia tidak dikondem keseluruhannya kecuali di dalam setengah-setengah pendapat di mana idea-idea seperti keamanan, kebebasan, keruhanian, keadilan dan kemurahan diambil kira sebagai sesuatu yang melucukan.

Tetapi sejak pertengahan abad yang ke sembilan belas, manusia telah memenangi perhatian yang segar di dalam maktab-maktab falsafah seperti maktab-maktab kemanusiaan dan juga ibadat manusia. Dalam masa yang lampau, manusia hanyalah merupakan tanda keruhanian dan Al Quran berkata dari hal manusia sebagai makhluk yang sangat bernilai di mana Allah dapat difahami menerusinya.

Sekarang manusia sedang cuba untuk mengembalikan kehormatan dan kesuciannya yang lalu dan menjadi cita-cita

dalam dirinya sendiri tetapi tanpa menerima kriteria-kriteria yang dahulu dan tanpa memperdulikan aspek-aspeknya yang sangat baik ataupun tidak, ataupun fakta-fakta yang terdapat di dalam Al Quran iaitu Allah telah menjadikan segala-galanya yang ada di atas muka bumi ini untuknya dan Allah telah meniupkan rohnya ke dalam benda itu supaya ia menjadi manifestasiNya sendiri.⁵

Tidak lagi terdapat sebarang percakapan berkenaan dengan hal-hal yang di atas ataupun diskusi-diskusi tentang motif batin manusia, tetapi hanya satu kepercayaan di dalam kesucian kemanusiaan dan kebijaksanaannya. Sekarang kita boleh lihat yang semua mazhab-mazhab dan malah pengumuman hak-hak manusia memulakan tuntutan mereka dengan 'kehormatan kepada hak maruah manusia.' Mereka berkata begini untuk mengasaskan pelajaran-pelajaran mereka di atas dasar-dasarnya dan walaupun setiap individu boleh melanggar hak-hak orang lain, kehormatan maruah dan kesucian kemanusiaan akan berkhidmat sebagai pemeriksa bagi pelanggaran-pelanggaran ini.

Kebanyakan daripada mereka yang mengikuti falsafah kemanusiaan mempunyai kriteria yang berbeza dari mereka yang dahulu. Tetapi kesulitannya bersandar kepada pertentangan yang sama di dalam hidup, fikiran dan logik manusia hari ini, logik yang kekurangan dasar.

Saya tidak fikir yang terdapat sebarang maktab di dalam dunia ini yang akan mentafsir kemanusiaanisma sebagai keamanan yang universal. Sudah tentu, terdapat orang-orang biasa yang berfikir bahawa semua manusia di dalam dunia ini adalah sama. Tetapi ini adalah salah. Seorang adalah terpelajar, yang lainnya pula jahil, seorang baik, seorang lagi pula tidak suci, seorang kejam, yang lain pula tertindas, seorang penyayang manakala yang lain pula buruk hati. Patutkah kita mengatakan yang mereka semua adalah sama dari sudut peri kemanusiaan, dengan tidak memandang ilmu, iman, kehormatan dan kebajikan mereka ataupun sebaliknya.

Jika kita berkata demikian ini beerti yang kita telah

berpaling tadah dari kemanusiaan. Biarlah saya memberikan satu contoh. Kedua-dua A dan B adalah manusia yang sama secara biologikal. Sekiranya kamu membenci satu daripada mereka, ini tidak berkaitan dengan kumpulan darahnya. Tetapi jika kamu adalah seorang yang mengikuti fahaman kemanusiaanisma, kamu tidak boleh memiliki sikap yang berbeza terhadap mereka berdua dan selepas itu menuntut yang mereka adalah manusia yang sama; kalau tidak mereka berdua mesti disukai dengan sama banyak ataupun dibenci dengan sama banyak juga. Tetapi ia bukanlah begini kerana perbezaan asas di antara manusia dan binatang ialah: manusia mempunyai lebih potensi daripada binatang dan kurang realitinya. Apakah ertinya ini? Seekor kuda sewaktu dilahirkan memiliki semua keganjilan yang patut dimiliki oleh seekor kuda dan jika ia mempunyai kurang dari itu, ia boleh memperolehnya melalui latihan. Tetapi manusia hanya berpotensi sewaktu lahir. Tidaklah diketahui apa yang akan terjadi kepadanya di masa hadapan. Dia berbentuk manusia, tetapi orang itu sebenarnya mungkin menjadi seekor serigala ataupun biri-biri ataupun manusia.

Mulla Sadra, seorang ahli falsafah Iran yang terkemuka, dalam menunjukkan kesalahan orang ramai yang berfikirkan bahawa manusia adalah sama dalam segala-galanya, berkata bahawa terdapat banyak jenis individu-individu seperti adanya individu-individu. Beliau sudah tentunya memandang manusia dari sudut falsafah dan bukannya biologikal. Seorang ahli biologi memberikan perhatian kepada orang-orang dan daging-daging manusia manakala seorang ahli falsafah memusatkan pemerhatiannya kepada kualiti-kualiti manusia dan dengan itu dia tidak dapat mempercayai yang semua manusia adalah dari jenis yang sama. Inilah sebabnya mengapa nilai manusia adalah berpotensi. Setengahnya memperolehi darjat kemanusiaan manakala yang lain gagal untuk berbuat demikian. Seperti mana yang dikatakan oleh Hadrat Ali, "Bentuknya adalah manusia tetapi fikirannya mungkin menjadi seekor binatang buas."⁶ Tidak semua individu mempunyai batin yang selari dengan lahirnya.

Seperti yang telah saya katakan dengan begitu banyak sebelum ini, dunia ini sekali lagi sedang kembali ke pendapat kemanusiaan, ini beerti yang falsafah-falsafah kemanusiaan telah muncul, dan yang paling pelik sekali di kalangan mereka ialah kepercayaan kemanusiaan yang diasalkan oleh Auguste Comte dalam pertengahan abad yang ke sembilan belas. Lelaki ini bergetar di antara kebijaksanaan dan fikiran di suatu pehak hatinya dan di pehak yang lain pula ialah suara hatinya, dan beliau mengambil keputusan yang manusia memerlukan kepercayaan, ketidakhadirannya mengakibatkan berbagai jenis korupsi sosial. menurutnya, agama yang lalu (Katolik) adalah tidak memadai untuk manusia moden. Beliau menggambarkan tiga peringkat bagi ugama: peringkat keghaiban Ilahi, peringkat alasan yang berfalsafah dan peringkat saintifik yang positif. Beliau berkata yang Katolisma terpulang kepada fikiran manusia yang ghaib dan ini tidak dapat diterima oleh manusia yang berada di dalam zaman sains. Ugama yang ditemuinya, walaupun, kekurangan akar yang tersembunyi, tetapi beliau telah menerima kesemua istiadat dan upacara-upacara yang ujud sebelumnya, dan juga mencadangkan untuk mengadakan rahib di dalam kepercayaan yang baru ini, mengemukakan dirinya sendiri sebagai nabi, malangnya seorang nabi tanpa Tuhan. Mereka berkata yang beliau telah memperolehi cara-cara ibadatnya daripada Katolisma dan beliau telah dikritik kerana tidak mempercayai akan ugama itu tetapi meniru dan mengambil istiadat-istiadat serta upacara-upacaranya. Walau bagaimanapun beliau adalah benar di dalam satu hal iaitu manusia memerlukan ibadat dan penyerahan dan perlu menjalankan beberapa acara.

Kelihatan yang beliau telah mempunyai sejumlah besar pengikut-pengikut di Eropah, Amerika dan rumahnya telah menjadi pusat ziarah untuk mereka. Menurut setengah-setengah buku di dalam bahasa Arab, beliau telah jatuh cinta dengan seorang wanita yang suaminya telah dipenjarakan untuk seumur hidup, tetapi wanita itu meninggal dunia sebelum beliau sempat memenangnya dan dengan itu beliau berpaling dari dunia intelek ke dunia sentimen dan akhirnya

memulakan kepercayaannya tentang kemanusiaan. Pengikut-pengikutnya menganggap wanita yang dicintainya seperti Maryam yang suci, ibu kepada Isa. Tetapi pendapat kemanusiaan ini telah melalui beberapa perubahan yang telah memberikan bentuknya sekarang.

Satu persoalan yang berkaitan dengan manusia ialah kebebasan dan tanggungjawab. Adakah manusia sebenarnya bebas dan independen atau adakah ia mempunyai tanggungjawab dan misi yang perlu dijalankan? Menurut Al Quran, manusia tidak dipaksa di hadapan Tuhan. Tetapi sebaliknya, manusia dicipta bebas dengan tanggungjawab dan misi yang telah ditetapkan. Al Quran merujuk kepada manusia sebagai khalifah Allah, sementara tiada terdapat kitab suci yang lain yang telah memberikan kesucian yang sedemikian rupa kepada manusia.

Di dalam Al Quran Allah berfirman: *"Ingatlah apabila Tuhan berfirman kepada para malaikat: 'Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.' Mereka berkata: 'Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di muka bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah pada hal kami sentiasa bertasbih dan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?' Tuhan berfirman, 'Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu tidak ketahui.'" (2:30)*⁷

Semua itu, adalah bukti kepada kebolehan-kebolehan dan potensi-potensi manusia. Kemudian kamu dapat melihat yang Islam, satu maktab kemanusiaan, percaya akan kedudukan manusia yang tinggi dari sudut falsafah. Al Quran sekali lagi berkata yang Allah mengajarkan manusia akan nama-nama semua benda.⁸ Selepas itu ia menunjukkan dirinya lebih tinggi daripada malaikat di dalam pengetahuan ini dan Allah mencela malaikat tentang hal yang mereka tidak ketahui dari hal manusia, sementara mereka mengagak yang manusia adalah makhluk yang keras dan bersahwat, mereka telah mengeneipikan sifat manusia yang sebaliknya. Para malaikat mengakui kejahilan mereka memohon keampunan dariNya. Kemudian Allah menyuruh malaikat untuk sujud di hadapan makhlukNya itu.⁹

Tafsiran yang utama yang dapat diberikan kepada perintah ini untuk menunjukkan misi, kebebasan dan pilihan manusia bahwa Allah melantiknya sebagai khalifah dan penggantinya. Allah adalah Pencipta dan di sini Dia memberikan setengah daripada kuasa-kuasanya yang kreatif kepada manusia untuk faedah mereka.¹⁰

Persoalan lain yang bersangkutan dengan manusia ialah kegembiraan dan kenikmatannya. Saya berkata dengan ringkas yang manusia sentiasa mencari kenikmatan. Di manakah ianya boleh ditemui? Adakah ia terdapat di dalam diri seseorang ataupun di luar ataupun dari kedua-duanya, dalam dan luar, dan di dalam bahagian apa? Orang-orang yang memfokuskan perhatian mereka kepada benda-benda luar, menyalah anggap ini sebagai seluruh kegembiraan hidup, tidak berdaya untuk mengenali diri mereka sendiri sebagai manusia. Mereka tidak boleh mengambil kira yang kehidupan di dalam diri mereka sendiri adalah merupakan sumber kegembiraan dan kenikmatan. Kerianan mereka bersandar kepada gelas wain yang terdapat di kabaret.

Rumi telah memberikan gambaran yang baik tentang seorang penagih minuman keras dan telah memimpinnya ke arah kebenaran dan jauh dari kejahatan dengan berkata:

“Kamu adalah simbol keujudan, untuk apa kamu mencari kebinasaan?”

“Kamu ialah sebuah lautan, apakah cita-citamu?”

“Kenapakah kamu membuatkan dirimu terhutang pada wain?”

“Beliau terus berkata yang manusia adalah intinya manakala dunia ini adalah acuannya.”

Kesalahannya adalah sama saja jika kita menolak kesemua benda-benda luar dan pergi ke arah lain dengan berlebihan sambil berfikir yang kesemua kegembiraan perlu dicari dari dalam. Dalam setengah-setengah sajak yang ditulis Rumi kita akan dapat menemui kelebihan-kelebihan begini apabila beliau berkata,

“Anggaplah yang jalan kegembiraan semuanya datang dari dalam,

bukannya dari luar

“Dan berfikirilah yang ianya adalah bodoh untuk meniggalkan

adat-resam dan kebudayaan.

“Ada seorang yang gembira dan khayal di ceruk sebuah penjara,

“Dan yang lainnya diliputi kesedihan di kebunnya sendiri.”

Beliau tidak bermaksud yang semua benda-benda luar patut diketepikan saja, tetapi, pada waktu yang sama, kita tidak boleh berfikir yang semua kegembiraan boleh ditemui menerusi benda-benda material. Diri sendiri adalah merupakan pusat kegembiraan dan patut terdapat perseimbangan di luar dan di dalam diri seseorang.

Terdapat banyak hal untuk diperkatakan dari hal manusia. Mazhab yang menganggap dirinya sendiri adalah manusia mesti boleh menjawab **beberapa soalan khusus** agar ianya dapat diterima sebagai **maktab kemanusiaan yang sebenar**. Manusia itu dianggap sebagai pintu spiritual, iaitu, seseorang boleh menjumpai alam spiritual melalui inti pati dirinya sendiri. **Spiritualiti dan kemanusiaanisma** ataupun ugama dan kemanusissnisma adalah merupakan dua hal yang tidak dapat dipisahkan. Kita tidak boleh menerima satu daripada mereka lalu mengenepikan yang lain. Perbalahan, yang ditimbulkan oleh kita, yang terdapat di dalam berbagai sekolah kemanusiaan yang sebenarnya bergantung kepada fakta yang manusia menanggung kejatuhan, walaupun salah, iaitu melalui perubahan ptolemik kaji bintang, ia tidak boleh membuatkan kita ragu dari hal kedudukan manusia sebagai tujuan kepada penciptaan. Samaada bumi adalah pusat alam semesta ataupun tidak, manusia adalah merupakan tujuan kepada alam semesta. Apakah yang dimaksudkan dengan rangkaian ‘tujuan alam semesta?’ Ini beerti yang fitrah bergerak di dalam arah tertentu mengikut evolusinya. Samaada kita menganggap yang manusia dicipta secara serentak ataupun sambungan kepada spisis-spisis binatang yang lain. Tidak terdapat perbezaan di dalam proses ini samaada kita berfikir yang ia memiliki roh Ilahi ataupun

tidak.

Allah telah berfirman, "*Kami telah me niupkan ke dalamnya rohKu.*"¹¹ Ia tidak berkata bahawa bahan yang digunakan untuk mencipta manusia telah di bawa dari dunia yang lain, maka oleh itu manusia akan menjadi makhluk yang tinggi dan suci.

Kepada mereka-mereka yang berfalsafahkan peri kemanusiaan, kita berkata, adakah terdapat satu sentimen di dalam manusia samaada dipanggil penyayang, kebaikan atau kebajikan ataupun tidak? Sekiranya kamu berkata tidak, dengan itu untuk memberikan kualiti-kualiti ini kepada manusia akan menjadi sia-sia sama sahaja seperti memanggilnya batu ataupun binatang. Tetapi manusia mempunyai sentimen. Apakah ia? Seseorang mungkin berkata yang perasaan khidmat di dalam diri kita adalah merupakan satu gantian. Apakah yang dimaksudkan dengan ini? Apabila kita menyaksikan sesuatu dan menaikkan perasaan peri kemanusiaan kita untuk pergi dan mengarah, membantu dan menyelamatkan orang-orang yang tertindas, kita telah diberitahu yang jika kita berfikir dari halnya, kita sebagai manusia sedang meletakkan diri kita sendiri di tempat mereka, berfikir dari hal mereka sebagai tergulung di dalam kumpulan kita ataupun kumpulan kita ini adalah berkaitan dengan mereka dan kita menggantikan diri kita sendiri untuk mereka. Dengan itu, perasaan mementingkan diri sendiri yang membuatkan kita mempertahankan diri kita sendiri akan bangun untuk menentang orang-orang yang tertindas, kalau tidak, tidak akan terdapat satu sentimen yang asli untuk secara langsung mempertahankan orang-orang yang tertindas.

Maktab-maktab kemanusiaan terlebih dahulu mesti menjawab samaada di dalam diri manusia terdapat sentimen ataupun tidak? Kita berkata yang manusia mempunyai sentimen berasaskan kepada perlantikan mereka untuk menjadi 'Khalifatullah'¹² dan sebagai manifestasi kemurahan dan kesayangan Ilahi. Ini beerti yang sementara manusia itu berada di dalam sifat mementingkan dirinya sendiri, adalah menjadi tugasnya juga untuk menunjukkan aktiviti untuk

keselamatannya, kejujudannya secara keseluruhan adalah tidak mementingkan diri sendiri. Manusia juga mempunyai rasa penyayang, kemanusiaan, membina-dunia dan kesedaran moral.

Beberapa lama dahulu, ketika saya berada di Shiraz, satu organisasi yang dipanggil Organisasi Gembira telah diperkenalkan kepada saya. Ia meliputi individu-individu yang mempunyai sentimen dari luar dan kepercayaan personal dan pengumpulan orang-orang yang pekak dan bisu. Saya telah melawati satu daripada kelas-kelas mereka. Bagi kita orang-orang yang memilih, adalah meletihkan untuk menghabiskan masa walaupun hanya selama satu jam sahaja di dalam kelas sebegini dan melihat mereka serta perlakuan mereka yang pelik. Guru mereka ialah seorang Sayyid yang diberi nama mengikut **anak** lelaki yang pertama bagi Imam dan beliau menunjukkan minat dan simpati yang begitu dalam sekali kepada budak-budak itu walaupun gajinya adalah kurang daripada gaji seorang guru sekolah rendah kerana organisasi ini kekurangan kewangan. Beliau telah mencurahkan tenaga yang banyak untuk mengajar mereka menulis dan membuatkan mereka faham akan kata-kata.

Apakah sentimen yang terdapat di dalam manusia? Ia adalah menifestasi kepada kemanusiaan dan kebenarannya. Umumnya, apakah dia perasaan untuk memuji kebaikan dan membenci keburukan, walaupun ia terjadi di masa yang lampau? Apabila kita mendengar nama Yazid dan Shimr dan mengenangi kekejaman dan jenayah-jenayah yang telah mereka lakukan dan di satu **pehak** lagi apabila nama para syuhada Karbalā disebut, kita mempunyai perasaan benci kepada kumpulan yang pertama dan satu perasaan takjub dan hormat kepada kumpulan yang akhir. Apakah sebabnya kita berperasaan begini? Ia adalah merupakan satu perasaan berkelas yang membuatkan kita berfikir akan diri kita sendiri sebagai salah seorang daripada kumpulan para syuhada Karbala dan membenci Yazid dan Shimr seperti mana kita membenci musuh-musuh kita? Adakah kita menunjukkan rasa simpati dan benci kita kepada setiap kumpulan secara

respektif, sementara sebenarnya kedua-duanya adalah berkaitan dengan diri kita sendiri? Sekiranya begini orang yang kamu anggap sebagai musuh adalah tidak berbeza dengan diri kamu sendiri. Manakala pada gilirannya pula dia mempunyai hak untuk memuja mereka-mereka yang dibenci oleh kamu dan membenci mereka-mereka yang dipuji oleh kamu.

Sebaliknya kamu boleh melihatnya melalui sudut yang lain yang bukan personal dan individu tetapi bersangkutan dengan seluruh makhluk di mana tidak akan timbul persoalan benci kerana diri sendiri melainkan kerana kebenaran. Di sana kaitan kamu dengan para syuhada dalam pujian-pujian kamu, dan rasa benci yang kamu lahirkan kepada musuh-musuh mereka adalah tidak personal tetapi general dan universal.

Maktab-maktab kemanusiaan mesti menyumbangkan satu jawapan kepada: Apakah perasaan ini dan bilakah ianya timbul dan kepada masalah manusia yang cintakan kehormatan dengan jujur, kepada seorang yang telah melakukan kebaikan. Apabila keaslian nilai-nilai manusia ditemui, kemudian persoalan manusia pun merangkak naik. Adakah manusia yang memiliki kualiti-kualiti yang asli ini sama seperti orang-orang yang bercakap dari hal benda-benda material? Adakah orang itu sebuah mesin ataupun satelit? Sebuah mesin walaupun besar, hanyalah besar semata-mata. Sekiranya sebuah mesin dibuat seribu kali, kita berkata yang ianya adalah sangat baik, menghairankan dan pelik tetapi tidak mulia ataupun suci. Walaupun ia dibuat se biliun kali lebih besar, memiliki sebilian keping, sekali lagi ia hanya boleh dipanggil menakjubkan dan luar biasa tetapi tidak mulia, suci dan terhormat. Bagaimanakah mungkin yang pengumuman hak-hak manusia dan falsafah-falsafah komunis yang menyokong keaslian manusia di dalam berbagai bentuk, berkata dari hal maruah dan kesucian manusia tanpa memberikan perhatian kepada firman Allah, *"Kami hembuskan sebahagian daripada roh kami ke dalamnya."* Apabila mereka telah menyiasat mengenai keaslian nilai-nilai ini, kemudian barulah mereka boleh sedar

akan keaslian manusia itu sendiri.

Seandainya sekarang kita menyadari akan keaslian manusia ini. Adakah hanya manusia sahaja yang ujud di dalam alam yang berada di dalam kegelapan yang tak kunjung habis ini. Seperti mana kata seorang Eropah, adakah manusia itu hanya setitik peluh di dalam lautan racun yang dicipta dengan tidak sengaja? Atau adakah manusia ini setitik air yang manis di dalam lautan yang manis? Adakah cahaya yang kecil ini mewakili cahaya yang universal?

Di sini, kaitan tentang keaslian manusia dengan Tuhan akan menjadi terang kerana kedua-dua mereka tidak dapat dipisahkan. Di dalam kalimat Al Quran Nul Karim, "Allah memberi cahaya langit dan bumi,"¹³ perkataan Allah bukanlah apa yang dipanggil oleh Aristotle sebagai Sebab yang pertama kerana itu adalah berbeza dengan Tuhan orang-orang Islam. Tuhannya adalah berasingan dan luar daripada alam semesta. Tetapi Tuhan orang-orang Islam, apabila kalimat, "*Dialah yang awal, Dialah yang akhir yang Lahir dan yang Batin,*" (57:3)¹⁴ kedengaran, ia dengan serentak memberikan kamu pandangan yang berbeza dengan alam semesta. Kemudian kamu memahami maksud kesemua kualiti-kualiti asli di dalam diri kamu sendiri dan sedar yang di sana terdapat satu tujuan. Sekiranya kamu adalah sinaran cahaya, kamu akan dapat melihat keujudan cahaya seluruh dunia dan jika kamu adalah setitik air yang manis, ia adalah disebabkan oleh keujudan lautan manisan yang tak berakhir dan pancaran CahayaNya berada di dalam kamu.

Islam adalah merupakan satu sekolah kemanusiaan yang berasaskan kepada kriteria manusia. Tidak terdapat sesuatu pun di dalamnya yang berasaskan kepada diskriminasi yang salah di antara manusia. Di Dalam Islam tiada terdapat negara, bangsa, darah, zon dan bahasa. Benda-benda ini bukanlah bukti dan kriteria keutamaan manusia. Kriteria-kriteria itu di dalam Islam ialah nilai-nilai manusia. Sekiranya ia menghormati nilai-nilai itu, ini adalah kerana ia percaya di dalam keaslian manusia dan alam

semesta, *iaitu*, ia percaya akan Tuhan yang Maha Kuasa.¹⁵ Inilah sebabnya mengapa Islam ialah satu-satunya **maktab** kemanusiaan yang mempunyai logik yang sempurna sebagai dasar dan tidak terdapat **maktab** yang lain di dalam dunia ini.

Perbincangan Ketiga

Kebebasan Spiritual

"Katakanlah: 'Hai Ahli Kitab, marilah kepada suatu kalimat (Ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahwa tidak kita sembah kecuali Allah dan tidak kita persekutukan Dia dengan sesuatu pun dan tidak (pula) sebahagian kita menjadikan yang lain sebagai Tuhan selain daripada Allah.'" (3:64)¹⁶

Tajuk perbincangan kita ialah kebebasan spiritual. Fakta-fakta yang ingin saya berikan kepada perhimpunan malam ini ialah seperti berikut: Pertama, fitrah kebebasan, kedua, terdapat beberapa jenis kebebasan walaupun saya akan membataskan diri saya hanya kepada dua jenis sahaja, iaitu, kebebasan spiritual dan kebebasan sosial dan yang ketiga, kaitan di antara kedua-dua jenis kebebasan ini dan tahap di mana kebebasan spiritual adalah mungkin tanpa kebebasan sosial dan sebaliknya. Perbincangan ini akan khususnya berpusat di sekitar fakta yang akhir, iaitu, kaitan di antara kedua-dua jenis kebebasan ini.

Saya memulakan perbincangan saya dengan satu fakta yang selari dengan upacara ini, sambutan ulang tahun Hadrat Ali, Ketua (Mawla) kepada mereka-mereka yang baik, semoga rahmat Allah bersamanya. Salah satu daripada perkataan-perkataan yang sentiasa kita gunakan dalam hubungan dengan personalitinya ialah perkataan Ketua (Mawla) dan ketua kepada orang-orang yang baik dan ketua kepada sekalian ketua. Apabila kita memetik kata-katanya

kita akan menggunakan salah satu daripada gantinama-gantinama di atas sebagai ganti kepada namanya.

Gantinama ini buat pertama kalinya telah digunakan oleh Rasulullah (saw) di dalam kata-katanya yang terkenal, "Ali adalah mawla bagi sesiapa yang menerimaku sebagai mawlanya,"¹⁷ (Apabila baginda mengangkatnya untuk dipersembahkan kepada pengikut-pengikut baginda), dan kata-kata ini telah dengan sebulat suara dipersetujui oleh kedua-dua Shia dan Sunni. Perkataan ini juga telah muncul di dalam Al Quran, "*Jika kamu berdua bertaubat kepada Allah, maka sesungguhnya hati kamu berdua telah condong (untuk menerima kebaikan); dan jika kamu berdua bantu-membantu menyusahkan Nabi, maka sesungguhnya Allah adalah Pelindungnya dan (begitu pula) Jibril dan orang-orang mu'min yang baik, dan selain dari itu malaikat-malaikat adalah penolongnya pula.*" (66:4)¹⁸

Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan mawla? Malam ini saya tidak ingin untuk menyelami hal ini dengan lebih dalam tetapi hanya dengan ringkas saja. Maksud asalnya ialah 'kehampiran' dua benda yang dekat antara satu sama lain. Dengan itu, ini adalah sesuatu yang digunakan dengan dua maksud yang berlawanan. Sebagai contoh, Tuhan dikatakan sebagai mawla kepada hamba-hambaNya. Ia juga digunakan untuk membawa maksud mawla kepada hamba-hamba sahya. Maksud yang lain baginya ialah pembebas dan dibebaskan.

Rasulullah (saw) mengutarakan perkataan 'mawla, menurut erti yang manakah, dalam maksud kata-kata baginda, "Sebagaimana aku adalah mawla dan sahabat kepada seseorang, maka Ali adalah mawla dan sahabatnya."¹⁹ Saya tidak mempunyai sebarang niat untuk mengatakan maksud yang manakah, menurut pendapat saya telah digunakan di sini. Tetapi dalam kaitan dengan perbincangan saya ini saya boleh mengatakan yang penyajak Jalal ul-din Rumi telah menggunakan perkataan ini di dalam Mathnavi dan mengambil makna pembebas. Perkataan ini muncul di dalam bab enam, hasil karyanya yang terkenal, sebuah cerita yang masyur dari hal seorang wanita dan

seorang hakim yang khianat. Di dalam cerita ini, hakim itu cuba untuk bersembunyi di dalam dada. Dia tersembunyi di dalamnya dan dada itu diberikan kepada seorang kuli pemikul barang. Hakim tersebut meminta kuli pengangkut barang itu untuk membawanya pergi dan mencari penolongnya untuk datang dan membeli dada itu dan menjanjikan pegangkat barang itu hadiah yang besar. Penolongnya pun datang lalu membeli dada itu. Di sini penyajak itu melentur sambil berkata, 'Kita semua adalah terbatas di dalam dada sebuah badan yang bershahwat dengan tidak menyedari akannya dan kita memerlukan para Nabi dan Rasul untuk menyampaikannya dan menyelamatkan kita.' Kemudian beliau terus berkata:

"Atas sebab inilah maka Rasulullah (saw) yang tekun,

"Telah menggunakan perkataan Mawla untuk dirinya dan Ali

"Sambil berkata yang barang siapa mengambilkmu sebagai Mawla dan sahabat

"Mesti mengambil Ali, sepupuku, sebagai Mawlanya juga.

"Siapakah dia Mawla? Dia ialah seorang yang membebaskan kamu.

"Dan membuang belunggu dari kaki-kakimu. '

Ini adalah sebenarnya betul samaada kata-kata Rasulullah (saw) "Barang siapa mengambilkmu sebagai Mawla mesti mengambil Ali sebagai Mawlanya juga."²⁰ mempunyai maksud yang sama ataupun tidak, iaitu, samaada baginda menggunakan perkataan Mawla dengan maksud yang baginda dan Ali adalah pembebas atau pun tidak. Kenyataannya tetap kekal yang setiap Rasul yang benar adalah dihantar untuk membebaskan manusia dan setiap Imam yang sebenar juga memiliki kualiti yang sama.

Sekarang marilah kita perhatikan pula apakah erti kebebasan dan kemerdekaan. Kebebasan adalah merupakan syarat untuk hidup dan evolusi serta salah satu daripada kehendak makhluk yang terbesar, samaada mereka ialah tumbuh-tumbuhan, binatang-binatang ataupun manusia-

manusia. Perbezaan kebebasan mereka bersandar kepada perbezaan bentuk mereka. Kebebasan yang diperlukan oleh manusia adalah melebihi daripada yang diperlukan oleh tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang. Setiap benda-benda hidup mesti membesar dan mencari kesempurnaan. Ia tidak boleh kekal tidak bergerak. Benda solid tidak membesar jadi ia tidak memerlukan kebebasan. Tetapi benda-benda hidup memerlukan tiga hal untuk pembesaran dan evolusi mereka: pemeliharaan, keselamatan dan kebebasan.

Pemeliharaan benda-benda hidup untuk pembesaran mereka memerlukan tanah dan air serta cahaya dan kepanasan supaya ia boleh membesar. Seekor binatang memerlukan makanan dan lain-lain benda. Keperluan manusia adalah sama seperti apa yang diperlukan oleh tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang termasuk beberapa siri keperluan yang akan datang di bawah tajuk pemeliharaan, kesemuanya ialah seperti makanan untuknya. Bagaimanakah mungkin bagi seorang untuk hidup tanpa makanan? Fakulti pemeliharaan adalah merupakan satu aset yang sangat-sangat diperlukan oleh benda-benda hidup.

Syarat kedua untuk benda-benda hidup ialah keselamatan. Apakah yang dimaksudkan dengan ini? Ia adalah kemampuan untuk menyimpan cara-cara dan benda-benda yang diperlukan untuk hidup. Ia tidak boleh disekat daripada mereka oleh seorang musuh ataupun kuasa luar. Disamping pemeliharaan ia juga memerlukan keselamatan untuk menjamin kehidupan, kekayaan dan kesihatan serta benda-benda miliknya dari dicabuli.

Keperluan yang **ketiga ialah kebebasan**. Apakah erti kebebasan. Ia beerti ketidakhadiran halangan-halangan di jalan pembesarnya. Sebagai contoh, dalam membesarkan satu tumbuhan, sebagai tambahan kepada syarat-syarat lain, kamu mestilah menyediakan situasi yang sesuai untuknya dan membuang semua halangan-halangan. Sekiranya kamu menanam pokok di bawah atap, kamu sedang menghalangnya daripada kawasan yang bebas untuk ia memperoleh pembesaran yang sempurna. Dengan itu, setiap

benda hidup memerlukan kebebasan untuk pembesaran dan evolusinya. Apakah kebebasan ini? Ia adalah ketiadaan rintangan. Orang-orang yang bebas ialah mereka-mereka yang menentang semua halangan yang terdapat di jalan kehidupan dan kesempurnaan mereka. Mereka tidak menyerah kepada rintangan.

Sekarang perlulah pula kita perhatikan kepada jenis-jenis kebebasan yang boleh diperolehi. Manusia adalah merupakan makhluk yang khusus dan kehidupan yang lelaki ataupun yang wanita adalah dari jenis sosial, sebagai tambahan kepada menjadi makhluk yang kompleks di dalam kehidupan individu mereka. Manusia adalah agak berbeza daripada tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang. Mereka memerlukan beberapa keperluan lain yang boleh dibahagikan kepada dua jenis. Salah satu daripadanya ialah kebebasan sosial. Apakah yang dimaksudkan dengan kebebasan sosial? Ia beerti mempunyai kebebasan berhubungan dengan individu-individu lain di dalam masyarakat, agar pembesaran mereka tidak dihalang, tidak memenjarakan mereka untuk memeriksa aktiviti-aktiviti mereka, tidak mengeksploit ataupun memperhambakan mereka, tidak mengeksploit kesemua kuasa fizikal dan mental mereka menurut minat mereka sendiri. Inilah apa yang dinamakan kebebasan sosial yang pada gilirannya pula terdapat beberapa jenis.

Salah satu daripada masalah-masalah besar manusia di dalam sejarah ialah salah penggunaan kuasa oleh elemen-elemen yang berkuasa dalam menakluki orang-orang yang lain dan mempertahankan mereka untuk menikmati hasil kehidupan dan pekerjaan mereka.

Adakah kamu tahu apakah yang dimaksudkan dengan eksploitasi? Ia beerti memetik hasil orang lain. Untuk setiap individu ini pati mereka adalah merupakan pokok yang berbuah manakala pekerjaan dan pemikiran-pemikiran mereka adalah hasil daripada pokok ini. Tumbuhan ini mesti menjadi milik mereka. Tetapi apabila orang lain dengan salah satu cara ataupun yang lain merampas buah-buah ini, kita berkata yang seorang telah dieksploit oleh orang lain. Di

sepanjang sejarah, satu individu telah dieksploit oleh individu yang lain atau seorang oleh seorang yang lain ataupun memperhambakan mereka. Ataupun sekurang-kurangnya mereka telah dihalang daripada peluang untuk memberikan kepada orang-orang yang mengeksploit peluang yang lebih besar untuk menjamin keuntungan yang maksimum. Contohnya, andaikata sekeping tanah dimiliki oleh dua orang tetapi seorang daripada mereka yang lebih kuat mengambil milik keseluruhan tanah itu dan menolak yang seorang lagi ataupun mempergunakan ia sebagai buruh, ini akan menjadi satu bentuk perhambaan.

Di dalam Al-Quran, salah satu daripada tujuan yang nyata bagi kedatangan para rasul ialah untuk memberikan manusia kemerdekaan sosial dan membebaskan mereka dari perhambaan di antara satu dengan yang lain. Quran adalah merupakan sebuah buku yang sangat cantik. Setengah-setengah idea berkembang di dalam masa yang tertentu dan kemudian kehilangan kebijaksanaannya di masa yang lain. Tetapi hal ini adalah berbeza dengan Al Quran kerana idea-ideanya dan perkataan-perkataannya memiliki cahaya yang kekal dan ini adalah merupakan satu epik dan mujizat. Satu contohnya ialah idea berkenaan dengan kemerdekaan sosial. Saya tidak percaya yang kamu boleh mencari satu ayat pun yang begitu segar dan bergelombang di tempat yang lain dari hal ini melainkan kamu hanya boleh menemuinya di dalam Al Quran. Ia sudah menjadi tiada bandingan lagi untuk keseluruh tiga abad apabila ahli falsafah dengan mantap telah memilih kemerdekaan sebagai motto mereka. Ayat ini ialah seperti berikut, "*Katakanlah: 'Hai Ahli Kitab, marilah kepada satu kalimat (ketetapan).'*" (3:64)²¹

Apakah kalimat ini? Kalimat ini mengandungi dua ayat: Yang pertama ialah "Dan tiada kita sembah kecuali Allah, bukan Isa ataupun hantu-hantu yang lain yang patut disembah. Hanya Tuhan."²² Yang kedua ialah "Dan tidak kita mempersekutukan Dia dengan sesuatu pun dan tidak (pula) sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai Tuhan selain daripada Allah."²³ Ini beerti pemansuhan perhambaan dan sistem eksploitasi oleh yang

mengeksploit dan dieksploit, mengenyepikan perasaan tidak setaraf dan membuang hak-hak perhambaan. Ini bukanlah satu-satunya ayat di dalam Al Quran yang berkenaan dengan hal ini. Terdapat banyak ayat-ayat yang sebegini, tetapi kerana saya ingin meringkaskannya, saya hanya akan meyebut beberapa dari mereka. Al Quran memetik Musa di dalam perbalahannya dengan Firaun, memetik yang Firaun berkata; *"Dan kamu telah berbuat sesuatu perbuatan yang telah kamu lakukan itu dan kamu termasuk golongan orang-orang yang tidak membalas guna."* (26:19)²⁴ Berkata Musa; *"Budi yang telah kamu limpahkan kepadaku adalah disebabkan perbudakan darimu kepada Bani Israil."* (26:22)²⁵

Firaun berkata kepada Musa, "Kamu adalah lelaki yang diasuh di dalam rumah kami dan di meja kami dan apabila kamu dewasa kamu telah melakukan jenayah dengan **membunuh** seorang lelaki." (Kesemua ini bermaksud untuk membuatkan Musa merasa rendah dan bertanggungjawab.) Tetapi Musa menjawab, "Patutkah aku berdiam diri terhadap orang-orangku semata-mata kerana aku telah dibesarkan di dalam rumah kamu? Aku telah datang untuk menyelamatkan hamba-hamba ini."

Ayatullah Na'ini berkata di dalam bukunya Tanzih ul-Ummah, "Setiap orang tahu yang kaum Musa tidak menyembah Firaun seperti mana yang dilakukan oleh orang-orang Mesir tetapi sambil Firaun menggunakan mereka sebagai hamba, Al Quran menggunakan perkataan perhambaan sebagai mana yang diucapkan oleh Musa." Kita pasti tahu yang salah satu daripada tujuan para nabi ialah untuk mendirikan kebebasan sosial dan menentang setiap bentuk perhambaan dan pemecatan sosial.

Dunia hari ini, juga menganggap kebebasan sosial sebagai sesuatu yang suci dan sekiranya kamu telah membaca pengumuman universal hak-hak manusia, kamu akan dapat melihat yang sebab terbesar kepada peperangan, pertumpahan darah dan kecelakaan di dalam dunia ini ialah kerana individu tidak menghormati kebebasan orang-orang yang lain. Sejauh ini adakah logik para nabi selaras dengan logik moden? Adakah kemerdekaan itu sesuatu yang suci.

Ya, ia begitu suci sekali.

Rasulullah (saw) sentiasa menakuti Bani Umaiyyah dan risau dari hal masa depan mereka berkaitan dengan ummah Islam. Dengan itu beginda (menurut riwayat yang banyak) bersabda, "Sekiranya keturunan Ibn Aas sampai ke jumlah tiga puluh orang, mereka akan menganggap kepunyaan Allah sebagai milik mereka sendiri dan hamba-hamba Allah sebagai hamba-hamba mereka sendiri dan akan memperkenalkan bid'ah mereka sendiri ke dalam ugama Allah."²⁶

Tatkala ini adalah benar yang kemerdekaan sosial adalah suci. Kebebasan sosial adalah merupakan sejenis kemerdekaan yang lain. Perbezaan di antara **maktab-maktab** para nabi dan **maktab-maktab** manusia yang lain ialah kedatangan para nabi bertujuan untuk **menyumbangkan** kebebasan spiritual dan kebebasan sosial, kebebasan spiritual memiliki nilai yang lebih dari segala-galanya. Kemerdekaan sosial dan kebebasan spiritual, kedua-duanya adalah suci dan kemerdekaan sosial adalah tidak mungkin tanpa **kehadiran** kebebasan spiritual. Masalah yang dihadapi oleh masyarakat manusia moden ialah ia cuba untuk melindungi kemerdekaan sosial tanpa mencari kebebasan spiritual. Sebenarnya ia tidak memiliki kemampuan untuk berbuat demikian kerana kebebasan spiritual hanya boleh diperolehi menerusi nubuwat dan Para Nabi dan melalui iman dan Kitab-kitab Suci.

Sekarang marilah kita lihat apakah yang dimaksudkan dengan kebebasan spiritual. Manusia adalah satu makhluk yang kompleks dengan berbagai kuasa dan naluri, dengan kekuatan, keinginan, kemarahan, kelubaaan, cita-cita dan cintakan berlebihan. Di samping ini, ia telah dilimpahi dengan akal, mental dan kesedaran moral. Batin dan rohani manusia boleh merasa kebebasan ataupun perhambaan dirinya. Ia boleh menjadi hamba kepada kelubaaan, nafsu, kemarahan dan cintakan berlebihan **ataupun ia mungkin** bebas dri segala keburukan ini. Seperti mana kata penyajak,

"Aku berkata benar dan dengan itu berasa gembira."

“Akulah hamba kepada cinta dan bebas di kedua-dua alam.”

Seseorang boleh menjadi begitu kemanusiaan yakni orang itu adalah bebas secara sosial dan menolak kehinaan dan perhambaan dan mengekalkan kemerdekaan sosial dengan begitu etikal, orang itu juga menjaga kebebasan kesedarannya, rohnya dan kebijaksanaannya. Kebebasan ini adalah dipanggil ‘tazkiyah bin naf’ ataupun kebajikan di dalam agama.

Bolehkah manusia mempunyai kebebasan sosial tanpa kebebasan spiritual. Iaitu, bolehkah mereka menjadi hamba kepada shahwat, kemarahan dan kelubaaan mereka sendiri dan pada waktu yang sama menghormati kebebasan orang lain? Hari ini mereka berkata, ya, dan mereka khususnya menerima setiap individu untuk menjadi hamba kepada kelubaaan, kemarahan dan shahwatnya dan pada waktu yang sama untuk menghormati kebebasan sosial. Ini adalah salah satu contoh pertentangan pendapat dikalangan banyak contoh-contoh lain di mana manusia menderita.

Pada zaman yang lampau manusia tidak menghormati kebebasan dan memijak-mijaknya. Kenapa? Adakah kerana kejahilan mereka membuatkan mereka menghalang kebebasan orang lain? Adakah ini bersamaan dengan persoalan kesakitan. Berhadapan dengan kesakitan mereka jarang sekali dapat mencari dadah yang secara tidak sengaja ditemui begitu mujarab tetapi sekarang dengan peningkatan ilmu, mereka mampu untuk mencampakkan perlakuan yang kuno dan berteduh di bawah perlakuan yang baru dan yang lebih mujarab.

Kita ingin mengetahui samaada perbuatan orang-orang di zaman lampau yang menghalang kebebasan orang lain adalah semata-mata disebabkan oleh kejahilan mereka? Tidak. Ia langsung tidak berkaitan dengan kejahilan dan ilmu. Manusia secara keseluruhannya sedar akan tanduk mereka yang menepati minat mereka. Adakah kurang penghormatan yang mereka berikan kepada hak-hak dan kemerdekaan orang lain adalah disebabkan oleh bentuk yang diambil oleh undang-undang? Sekiranya ya,

adakah perubahan undang-undang boleh membawa kepada perubahan tingkah laku? Contohnya, adakah penghapusan perhambaan di Amerika betul-betul menamatkan perhambaan? Atau pun adakah ia hanya menukar bentuk perhambaan itu tanpa menukar konteksnya? Adakah pengenebian kebebasan orang lain diakibatkan oleh cara berfikir dan falsafah mereka?

Tidak satu pun daripada ini semua, ia tidak lain kecuali minat diri sendiri. Sebagai individu, manusia hanya mencari jalan untuk menyelamatkan keuntungan buat dirinya sendiri dan memperolehi keuntungan dengan apa cara yang mungkin. Manusia lain adalah merupakan satu cara baginya dan dia menggugurkan mereka dengan cara yang sama seperti mana dia menggunakan kayu, batu, besi dan binatang-binatang ternak. Apabila seseorang menanam pokok ataupun memotongnya, hal yang paling akhir yang difikirkan olehnya ialah pokok itu sendiri. Dia hanya memikirkan akan cara-cara pokok itu boleh membawa keuntungan untuknya. Apabila dia menggempukkan seekor biri-biri dan kemudian menyembelihnya, apakah tujuannya melainkan minat diri sendiri? Apabila dia memperhambakan manusia lain dan menghalang mereka dari hak-hak mereka, ianya ialah untuk membawa keuntungan kepada dirinya sendiri. Oleh itu kesemua perbuatan ini termasuk memijak kemerdekaan orang lain adalah berasakan minat diri sendiri. Adakah dia sama dengan hari ini? Ya. Dia masih dan tetap tidak berubah. Sebaliknya, patut dikatakan yang mulutnya ternganga dengan lebih luas untuk menelan dengan banyak lagi.

Sains ataupun undang-undang kedua-duanya tidak berdaya memeriksa kelubaaan. Apa yang telah mereka lakukan ialah menukar rupa bentuknya. Isi kandungannya adalah sama tetapi dengan kulit yang baru. Manusia zaman lampau ialah manusia yang berterus-terang dan tidak sampai ke tingkat bermuka-muka. Apabila Firaun memperhambakan orang ramai, dia dengan terang mengumumkan kepada Musa, "*Apakah jawapan kamu wahai Musa? Ini adalah orang-orang yang memperhambakan diri*

kepada kita." (23:47)²⁷

Firaun tidak menyembunyikan perbuatan-perbuatannya yang mengeksploit dan memperhambakan orang ramai. Tetapi dewasa ini manusia menghalang hak dan kebebasan orang lain dengan nama dunia yang bebas dan di bawah dalih untuk mempertahankan keamanan dan kemerdekaan. Kenapa begini? Kerana manusia kekurangan kebebasan spiritual dan tidak baik serta terkongkong di dalam roh-roh mereka. Hadrat Ali mempunyai kata-kata dari hal kebajikan, yang seperti mana kata-katanya yang lain, ianya begitu bernilai, walaupun untuk setengah-setengah orang ianya kelihatan kuno. Beliau berkata, "*Kebajikan yang baik adalah merupakan kunci untuk setiap kebenaran, perlengkapan untuk hari Kiamat, faktor yang melepaskan dari perhambaan dan menyelamatkan dari sebarang sebab kepada keruntuhan.*"²⁸

Rangkai kata ini menunjukkan yang kebajikan menyelamatkan manusia dari sebarang jenis perhambaan dan membebaskannya secara spiritual dan membolehkannya untuk memberikan kebebasan kepada orang lain. Dengan itu, siapakah pemberi kemerdekaan yang sebenarnya di dalam dunia ini? Ia adalah orang yang seperti Ali Ibn Abi Talib, semoga rahmat Allah bersamanya, sesiapa yang berdiri sepangkat dengannya ataupun dilatih di dalam madrasahnyanya. Kerena mereka, pada awalnya, telah dimerdekakan daripada ikatan diri sendiri. Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, berkata, "Patutkan Aku memuaskan diriku dengan berpangkat 'Amir ul-muminin (Amir kepada orang-orang yang beriman) dan bagaimanakah aku boleh menindas orang lain untuk kepentingan diriku sendiri?"²⁹

Hanya seorang yang menyerupai Ali sahajalah yang boleh bebas dengan sebenarnya dan pemurah pada setiap waktu ataupun sekurang-kurangnya pengikut-pengikutnya dan memanggil fikiran dan rohnya untuk dihisabkan. Ketika Ali berada di atas mimbar, sambil menghurut janggutnya, beliau berkata: "*Oh! benda-benda dunia, Oh! emas dan perak. Pergilah dan tipulah orang lain kecuali Ali, kerana dia telah*

menceraikan kamu untuk selama-lamanya." Hanya orang-orang yang mana di dalam hatinya dan kesedarannya terdapat panggilan ketenangan akan dapat menghormati hak-hak dan kemerdekaan orang lain dengan baik tanpa bermuka-muka walaupun sedikit. Apabila manusia yang memiliki kehormatan dan kerohanian yang sedemikian serta takut kepada Allah, memiliki pangkat gabenor, dia tidak akan merasai dirinya sebagai seorang manusia yang berkuasa dan orang-orang lain adalah di bawah takluknya. Walaupun istiadat membuatkan manusia jauh daripadanya, tetapi dia akan memujuk mereka untuk tidak berbuat demikian dan untuk datang lebih hampir kepadanya. Apabila Ali memulakan kempennya untuk peperangan Siffin, beliau sampai ke bandar Anbar yang sekarang ini sebahagian daripada Iraq tetapi pada asalnya merupakan bandar tua Iran. Beberapa orang penduduknya yang terkemuka seperti datuk bandar dan pembantunya telah menuju ke depan untuk menyambut kedatangan Khalifah dengan cara yang bersesuaian, kerana mereka memikirkan Ali sebagai pengganti Raja Sasanid. Sebaik sahaja beliau tiba dengan kudanya, mereka mula berlari ke arahnya. Ali memanggil mereka dan bertanya maksud perbuatan mereka itu. Mereka menjawab yang itu adalah merupakan cara untuk menunjukkan Pengnormatan mereka kepada raja-raja mereka dan orang-orang yang terkemuka. Imam Ali memberitahu mereka agar jangan berkelakuan demikian kerana ini beerti merendahkan diri mereka sendiri di hadapan khalifah mereka. Beliau berkata, "Aku adalah salah seorang dari kamu dan dengan perbuatan demikian kamu telah melayanku dengan buruk kerana kamu mungkin (semuga dijauhi Allah) memenuhiku dengan kebanggaan dan mengakibatkanku menganggap diriku lebih tinggi daripada kamu."³⁰

Inilah apa yang diertikan dengan insan yang pemurah yang memiliki kebebasan spiritual dan telah menyambut panggilan Al Quran, "Untuk menyembah tidak lain kecuali Allah." Tidak ada satu pun dari sifat-sifat lelaki, batu, syurga, bumi atau manusia yang bernilai untuk disembah

melainkan Allah. Saya akan membaca kepada kamu satu khutbah yang disampaikan Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, agar kamu boleh mempunyai idea dari hal kemurahan dan kerohaniannya.

Khutbah ini adalah agak panjang dan berkaitan dengan hak satu sama lain, di antara gabenor dan orang-orang yang di bawah kuasanya. Ali sebagai seorang pemerintah telah menasihati orang ramai untuk berasa bebas dengannya dan tidak menganggap gabenor-gabenor mereka lebih tinggi daripada diri mereka sendiri. Beliau berkata, "Janganlah digunakan kepadanya kata-kata yang digunakan kepada penindas-penindas mereka yang mana dengan ini mereka akan merendahkan diri mereka sendiri dan meninggikan mereka (gabenor-gabenor tadi)."³¹ Beliau juga berkata, "Sekiranya mereka mendapatinya berperasaan marah dan panas baran, mereka tidak boleh kehilangan semangat tetapi patut menyatakan bangkangan-bangkangan mereka dengan bebas."³² Beliau menyambung yang mereka tidak patut menegaskan dan menyatakan persetujuan mereka terhadap setiap perkataan dan perbuatannya. Beliau berkata yang mereka tidak boleh menganggap bahawa kata-kata mereka yang benar ini kelinatan terlalu berat untuk diterima olehnya."³³ Sebaliknya, dia patut berasa sangat gembira untuk mendengar kebenaran dan kritik-kritik yang sempurna. Beliau terus berkata yang walaupun dia adalah pemerintah dan khalifah mereka, dan mereka adalah subjek-subjeknya, mereka tidak patut memuji dan mumujuknya.³⁴ Kemudian beliau memberikan satu undang-undang yang general dengan berkata bahawa seorang manusia yang tidak boleh mendengar kebenaran akan mendapati yang ianya adalah lebih sukar untuk bertindak dengan benar.³⁵

Khristensen menulis yang Anushiravan, Raja Sasanid telah mengumpulkan beberapa orang untuk membincangkan suatu hal. Beliau mengemukakan pendapatnya sendiri dan setiap orang bersetuju dengannya. Seorang setiausaha yang hadir di situ, sekiranya perhimpunan ini adalah merupakan satu perbincangan kumpulan yang sebenarnya, telah tertipu dalam kebenaran untuk menyatakan pendapatnya sendiri.

Beliau pun berbuat demikian dan mengkritik pendapat raja itu. Raja itu dengan marah memanggilnya gila dan serentak dengan itu mengarah agar beliau dihukum. Dengan menggunakan kotak pensilnya, mereka mengetuk kepalanya dengan begitu teruk sekali sehingga mengakibatkan kematiannya.

Sebagai kesimpulan., Ali telah membuat satu permintaan. Beliau meminta mereka agar jangan teragak-agak dalam mengatakan perkataan-perkataan mereka yang benar dan membangkang serta berijma dengannya.³⁶

Ini adalah contoh seorang manusia yang sempurna yang memiliki kebebasan spiritual sementara beliau menikmati pangkat pemerintah dan dengan cara ini beliau memberikan kebebasan sosial kepada orang lain. Saya berdo'a kepada Tuhan agar menjadikan kita pengikut-pengikut Ali, semuga rahmat Allah bersamanya.

Kebebasan spiritual (II)

"Dan membuang dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka." (7:157)³⁷

Minggu lalu saya telah pun menyebutkan yang perbincangan kita ini terbahagi kepada tiga bahagian: erti kebebasan, kedua-dua jenis kebebasan iaitu kebebasan sosial dan spiritual dan penggantungan kedua-dua jenis kebebasan ini terhadap satu sama lain, terutamanya penggantungan kebebasan sosial ke atas kebebasan spiritual.

Malam ini, saya ingin menyerahkan diri saya kepada subjek kebebasan spiritual, ertinya dan keperluannya untuk manusia. Ini adalah sangat-sangat penting, kerana, dewasa ini sangat sedikit perhatian diberikan kepada kebebasan spiritual oleh masyarakat-masyarakat manusia yang mengakibatkan banyak kepayahan. Adalah nyata yang ramai orang menganggap kebebasan spiritual sebagai sesuatu yang telah dihapuskan, walaupun keperluannya di masa ini adalah lebih utama dari masa lalu. Apakah yang dimaksudkan dengan kebebasan spiritual? Kebebasan memerlukan dua pihak agar satu pihak menjadi bebas daripada ikatan yang satu lagi. Dalam kebebasan spiritual, manusia perlu bebas daripada apa? Kebebasan spiritual ialah kebebasan diri seseorang yang berlawanan dengan kebebasan sosial iaitu kebebasan daripada ikatan orang lain. Seseorang mungkin ditanya samaada manusia boleh diperhambakan oleh 'naf' nya.

Bolehkah manusia dengan serentak menjadi hamba dan tuannya? Jawabannya ialah yang menyetujui. Di dalam alam binatang hal ini tidak mungkin benar, tetapi bagaimana pula dengan makhluk pelik ini yang dipanggil manusia? Bagaimanakah mungkin baginya untuk menjadi hamba dan tuan dalam waktu yang serentak? Sebabnya ialah kerana manusia adalah merupakan satu makhluk yang kompleks dan itu adalah merupakan satu kenyataan yang telah ditetapkan oleh ugama dan falsafah oleh ahli-ahli sains dan pakar-pakar ilmu jiwa dan tentang hal ini tiada terdapat sebarang keraguan.

Biarlah saya mulai dengan tafsir Al Quran dari hal ciptaan yang berkata, "*Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniupkan ke dalamnya ruh (ciptaan) Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud.*" (15:29)³⁸ Adalah tidak perlu untuk mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan roh suci ini, tetapi adalah memadai untuk mengetahui yang makhluk bumi ini telah dianugerahi dengan sesuatu yang tidak kebendaan. Menurut sebuah hadis, Rasulullah berkata yang Allah mencipta malaikat dan menganugerahkan mereka hanya kebijaksanaan (akal). Dia mencipta binatang dan hanya memberikan mereka nafsu dan Dia mencipta manusia dengan memberikan kedua-duanya iaitu akal dan nafsu; kata-kata Rasulullah yang telah digunakan di dalam sebuah sajak yang ditulis oleh Rumi. Sekarang di samping ayat-ayat Quran dan hadis-hadis ini dan apa yang telah dipersetujui oleh ahli-ahli falsafah dan ahli-ahli ilmu jiwa, dengan menggunakan bahasa yang mudah, apakah yang terkandung di dalam kebebasan spiritual. Kita akan mulai dengan sesuatu yang dapat difahami oleh setiap orang. Tanpa ragu-ragu kita memerlukan makanan untuk hidup dan lebih banyak adalah lebih baik, dan kita memerlukan pakaian dan yang lebih indah adalah lebih baik dan kita mengkehendaki rumah untuk berdiam dan yang lebih elok adalah lebih baik. Kita menginginkan isteri-isteri dan anak-anak, kemewahan, wang dan benda-benda material. Tetapi di satu titik kita mungkin sampai ke satu persimpangan di mana kita perlu

menyimpan kehormatan dan kemuliaan kita dan pada waktu yang sama terpaksa menahan kemiskinan, memakan roti kering, memakai pakaian yang compang-camping, tinggal di rumah pondok yang miskin dan tidak mempunyai wang serta tinggal di dalam tekanan. Sekiranya kita mengeneipkan kehormatan dan kemuliaan lalu menyerah kepada perhambaan, kemudian semua keuntungan material akan disediakan untuk kita. Kita lihat yang ramai orang tidak sanggup menderita kehinaan semata-mata kerana benda-benda material sementara yang lainnya pula dengan rela menerima tukaran ini, mahu pun merka dan kesedaran mereka malu terhadap diri mereka sendiri.

Di dalam Gulistan, Sa'di menggambarkan dua orang saudara, satu daripadanya adalah seorang hartawan dan yang satu lagi miskin. Yang kaya berkhidmat dengan kerajaan manakala yang miskinnya pula adalah seorang buruh biasa yang menyelamatkan kehidupannya dengan kerja tangannya sendiri. Pada suatu hari saudara yang kaya ini berkata kepada saudaranya yang miskin, "mengapakah kamu tidak mahu berkhidmat dengan kerajaan agar kamu jauh daripada kesulitan dan tekanan?" Saudara yang miskin itu pun menjawab, "Mengapakah kamu tidak bekerja untuk lepas daripada perhambaan."

Khidmat yang sedemikian yang ditemani oleh kekayaan beerti kekurangan kebebasan, kerana, ia melibatkan tunduk kepada orang lain dan merendahkan diri sendiri. Sa'di terus berkata yang menurut orang-orang yang waras, duduk sambil makan roti sendiri adalah jauh lebih baik daripada memakai tali pinggang emas dan berdiri berkhidmat untuk orang lain.

Kamu mungkin begitu fasih di dalam subjek ini tetapi saya ingin kamu membuat analisa dari sudut ilmu jiwa. Perasaan apakah yang membuatkan manusia memilih kesakitan dan kesulitan, pekerjaan dan kemiskinan daripada menyerahkan dirinya dihadapan orang lain? Beliau memanggilnya kurungan untuk berkhidmat buat orang lain dan ianya bukanlah dari jenis perhambaan material. Bukan tenaga tetapi jiwanyalah yang diperhambakan. Ini adalah

merupakan suku yang diberikan kepada Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, berkata, "*Sekiranya kamu ingin untuk hidup bebas, bekerjalah seperti seorang hamba, bekerja dan menderita kesakitan dan tutuplah matamu daripada keturunan Adam, siapa sahaja ia mahupun Hatam Ta'i (seorang hero yang terkemuka di zaman Arab sebelum Islam). Janganlah kamu menaruh sebarang harapan kepada orang-orang yang kejam dan juga kepada mereka yang pemurah.*"³⁹

Beliau terus berkata yang apabila satu pekerjaan ditawarkan kepada seseorang, orang itu menganggap yang ia adalah di bawah kehormatannya untuk menerima pekerjaan itu. Dia berfikir yang setiap jenis pekerjaan dan buruh adalah lebih baik daripada menghulurkan tangan kamu, mengemis untuk sesuatu. Beliau berkata, "*Tiadalah yang lebih buruk daripada pergi mengemis untuk memperoleh sesuatu dari orang lain.*"

Tidak memerlukan orang lain beerti menjadi lebih tinggi dari mereka. Pada satu ketika saya terjumpa dengan kata-kata penyajak Hafiz, seorang insan yang luar biasa kefasihannya dan mempunyai penghormatan yang dalam terhadap Ali, semoga rahmat Allah bersamanya. Beliau memetik sembilan kata-kata Hadrat Ali yang selari dengan diskusi kita ini, satu daripadanya ialah, "kamu mungkin memerlukan tetapi ingatlah yang sekiranya kamu memerlukan seseorang kamu masih menjadikan dirimu hambanya. Tetapi sekiranya kamu membuang keinginan itu, kamu akan sama dengannya, tetapi sekiranya kamu menunjukkan kemurahan kepada seseorang, kamu akan menjadi tuannya."⁴⁰

Ini menunjukkan yang kehendak kamu boleh menjadikan kamu hamba kepada seseorang. Jenis perhambaan yang manakah ini? Perhambaan jiwa. Kata-kata ini adalah sangat baik tetapi hari ini ianya telah diketepikan kerana manusia lebih memilih untuk membincangkan masalah-masalah lain dan memberikan sedikit perhatian kepada yang etikal.

Sekali lagi Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, berkata, "*Kelubaaan beerti perhambaan yang abadi.*"⁴¹

Dengan itu beliau menganggap kelubaan sebagai sesuatu yang lebih buruk daripada perhambaan. Di sini, telah disebutkan yang perhambaan jiwa adalah lebih buiuk daripada perhambaan fisikal. Terdapat juga perhambaan kepada kekayaan yang telah diingatkan oleh semua moralis kepada manusia.

Kata-kata Ali yang lain ialah, "*Dunia ini adalah pengembaraan dan bukannya tempat tinggal.*" Sekali lagi beliau berkata, "*Di dalam dunia ini terdapat dua kumpulan manusia.*" Beliau menyambung, "*Salah satu daripada kumpulan-kumpulan ini datang dan menjual serta memperhambakan diri mereka sendiri lalu pergi dan yang lainnya pula datang dan membeli kebebasan mereka dan pergi.*"⁴² Kedua-dua sifat ini juga boleh dipergunakan untuk kekayaan, samaada menjadi hamba kepada kekayaan ataupun bebas daripadanya. Seseorang patut berkata yang dia boleh menjadi hamba kepada kekayaan, dia patut berkata, "Aku adalah manusia. Mengapakah aku perlu menjadikan diriku hamba kepada benda-benda yang tidak hidup seperti emas dan perak, tanah dan lain-lain lagi.

Tetapi kebenarannya ialah apabila seseorang berfikir yang dirinya adalah hamba kepada kekayaan, orang itu pada hakikatnya adalah seorang hamba kepada perwatakan, hamba kepada kelubaan dan fitrah binatang. Kerana benda-benda tidak bernyawa seperti wang, tanah, mesin dan binatang tidak mempunyai kuasa untuk memperhambakan seseorang. Apabila seseorang memikirkan dengan dalam akan hal ini, seseorang akan mendapati yang sumber kepada perhambaan bergantung kepada pengkhususan seseorang seperti kelubaan, shahwat, kemarahan dan kehendak nafsu.

Al Quran berkata, "Maka pernahkah kamu melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai Tuhannya."⁴³ Kekayaan itu sendiri bukanlah sesuatu yang patut dipersalahkan apabila seseorang diberi amaran terhadap kehendak-kehendaknya sendiri. Dengan itu jika seseorang memerdekakan dirinya daripada ikatan nafsunya yang kikir, seseorang akan sedar yang dia tidak berkhidmat untuk kekayaan.

Kemudian barulah seseorang itu menemui nilainya dan memahami kelebihan ayat Quran ini, "*Segala apa yang Kami ciptakan di atas muka bumi adalah untuk kamu.*"⁴⁴ Dengan itu, kekayaanlah yang berkhidmat untuk manusia dan bukan sebaliknya. Jika begini, jadi, dengki dan kikir tidak mempunyai makna dan sekiranya seseorang melibatkan diri dengan mereka, ini beerti yang ia sedang memperhambakan dirinya sendiri. Terdapat dua peringkat untuk manusia: yang rendah, tahap binatang dan yang lebih tinggi, tahap manusia.

Para nabi dihantar untuk mengekalkan kebebasan spirituali kemanusiaan. Apakah ertinya ini? Ia beerti menghalang kehormatan manusia, kemanusiaan, kebijaksanaan dan kesedaran daripada ditawan oleh nafsu dan shahwat sendiri serta cintakan keuntungan. Sekiranya kamu dapat menawan hawa nafsumu dan tidak sebaliknya, kamu adalah bebas. Sekiranya kamu berada di dalam kedudukan untuk memperoleh keuntungan yang haram, tetapi iman dan kesedaran serta akal kamu menghalangmu daripada berbuat demikian, kamu telah mengatasi nafsumu dan kemudian barulah kamu boleh dikatakan benar-benar memiliki kebebasan spiritual.

Sekiranya kamu melihat seorang wanita, tetapi kamu memeriksa nafsumu dan menuruti kesedaranmu, kemudian barulah kamu seorang manusia yang bebas. Tetapi sekiranya mata, telinga dan perutmu memberansangkanmu untuk memuaskan mereka dengan apa cara sekali pun, dengan itu kamu adalah hamba mereka. Manusia diperintah oleh dua jenis ego: ego binatang dan ego manusia. Kenyataan dan perbandingan ini telah digambarkan dengan baik sekali oleh Rumi di dalam cerita Majnun (menurut sastera Timur Majnun adalah bersamaan dengan Romeo dan Laila pula adalah bersamaan dengan Juliet.) dan unta.

Cerita itu menceritakan yang Majnun sedang menunggang seekor unta dengan niat untuk menziarahi rumah Laila. Unta itu pula mempunyai seekor anak dan Majnun, untuk menunggang dengan lebih cepat ke destinasiya, mereng kukkan anak unta itu di kandangnya. Dia berfikir dengan begitu dalam sekali akan hal kekasihnya

sementara unta itu pula risau akan keadaan anaknya. Setiap ketika bila Majnun terlupa lalu melepaskan tali untanya, unta itu pun berpaling ke arah rumah. Hal ini berulang beberapa kali sehingga unta itu rebah. Penyajak ini ingin mengatakan yang manusia mempunyai dua jenis kecenderungan: Jiwa dan badan.

Sekiranya kamu ingin bebas dalam jiwamu, kamu tidak boleh menjadi pelahap, penyembah wanita, pencinta wang, manusia yang bernafsu kegairahan. Saya telah menemui sebuah riwayat di dalam Nah ul-Balagha yang berkata: pada suatu hari Rasulullah pergi di kalangan para sahabat. (orang-orang Ansar yang merupakan pengikut-pengikut Rasulullah yang miskin di Madinah yang telah berhijrah ke sana. Rasulullah pada awalnya membenarkan mereka tinggal di dalam masjid, tetapi arahan Ilahi telah dikeluarkan untuk baginda mencari rumah yang lain bagi mereka kerana masjid bukanlah tempat yang sesuai buat dijadikan tempat kediaman dan mereka pun mentaati perintah ini. Akhirnya mereka menetap di suatu tempat berteduh yang besar berhampiran dengan masjid). Salah seorang daripada mereka berkata kepada Rasulullah, "Aku rasa seolah-olah keseluruhan dunia ini adalah tidak bernilai di hadapan matakmu." Dia tidak bermaksud yang dia menggunakan batu dan emas dengan cara yang sama tetapi apa yang dimaksudkan ialah, tidak satu pun di antara mereka mempunyai kuasa untuk menarik minatnya. Rasulullah melihat kearahnya sambil berkata, "Sekarang bolehlah aku katakan yang kamu adalah seorang yang bebas." Dengan itu bolehlah diketahui yang kebebasan spiritual adalah sesuatu yang benar.

Kita boleh memberikan alasan-alasan lain untuk menunjukkan yang personaliti manusia adalah kompleks dan seseorang itu samaada bebas secara spiritual ataupun menjadi hamba. Allah yang Maha Kuasa telah menganugerahkan kuasa kepada setiap individu untuk menjadi hakim kepada dirinya sendiri. Di dalam masyarakat, seorang hakim berdiri agak jauh daripada peguam bela dan pendakwa. Pernahkah kamu mendengar

akan seorang yang menjadi peguam bela, pendakwa dan hakim untuk dirinya sendiri, semuanya dengan serentak.

Seorang dipanggil adil. Apakah yang dimaksudkan dengan manusia yang adil? Adakah ini beerti yang seseorang boleh menghakimi dengan adil akan masalah-masalah dan mengeluarkan fatwa-fatwa terhadap kesalahannya sendiri? Tidakkah ini menunjukkan fitrah manusia yang kompleks? Banyak kali kamu dapat melihat orang-orang yang menghakimi diri mereka sendiri dengan adil dan mementingkan orang lain daripada mereka. Sayyid Hussain Kuh Kamari yang merupakan seorang pembesar agama dan bapa saudara kepada Ayatullah Hujjat Kuh Kamari yang merupakan guru kami adalah orang yang demikian. Telah diriwayatkan tentangnya yang beliau memiliki kelas agama di Najaf yang masih tidak memiliki reputasi yang dimilikinya sekarang, terutamanya kerana beliau tidak tinggal dengan lama kerana telah menjadi tabiatnya untuk mengembara dan memperolehi keuntungan daripada ajaran-ajaran guru-guru yang terkemuka di bandar-bandar yang berbeza seperti Mashad, Isfahan dan Kashan.

Syaikh Ansari yang berpakaian buruk dan matanya menderita sakit, juga mengajar di dalam masjid yang sama seperti Sayyid Hussain dengan giliran masing-masing. Giliran yang pertama ialah Shaykh dan diikuti oleh Sayyid Hussain, tanpa bertemu antara satu sama lain. Pada suatu hari Sayyid Hussain tiba sejam lebih awal dari biasa. Oleh kerana sudah ketiadaan masa untuk pulang ke rumah dan kembali, beliau pun berfikir untuk menanti ketibaan penuntut-penuntutnya. Beliau terlihat akan seorang Shaykh yang agak pelik sedang duduk sambil mengajar dua atau tiga orang pengikut. Beliau duduk di satu sudut dan boleh mendengar kata-kata Shaykh itu. Beliau mendapati yang pengetahuan mereka adalah dalam dan waras. Ini adalah merupakan satu pengalaman yang pelik bagi seorang terpelajar yang terkemuka seperti beliau untuk bertemu dengan seorang yang tidak dikenali tetapi merupakan seorang guru yang terpelajar. Beliau mengambil keputusan untuk pergi ke masjid lebih awal sekali lagi untuk memerhatikan perjalanan hal seterusnya.

Lawatan yang kedua terbukti berfaedah seperti yang pertama dan beliau mendapati yang Shaykh itu sangat terpelajar malah lebih terpelajar darinya sendiri. Dalam mengulangi pengalaman ini untuk kali ketiga, beliau pun yakin akan kedalaman ilmu Shaykh tersebut. Dengan itu, beliau pun mengambil keputusan untuk menghadiri kelas yang kecil itu dan apabila pelajar-pelajarnya tiba, beliau pun berkata, "Saya mempunyai berita untuk kamu. Saya telah mendapati yang Shaykh itu adalah lebih terpelajar dari saya dan saya menasihati kamu untuk menemani saya buat menghadiri kelasnya." Mereka pun bangun bersama-sama lalu menghadiri kelas Shaykh itu.

Apakah implikasi kepada keadilan yang sebegini? Sayyid Hussain menjadikan dirinya pelajar kepada Ansari dan melepaskan tuntutan sebagai seorang yang berkuasa. Beliau pasti sudah merasai, seperti mana kita juga telah merasai, apakah dia penghormatan dan ketuanan dan merasa gembira berada di dalam kuasa. Tetapi jiwanya yang mulia dan bebas telah membenarkannya untuk menghakimi dengan adil di antara dirinya dan orang tadi, dan mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengan dirinya sendiri. Ini membuktikan akan personaliti manusia yang kompleks. Seorang melakukan maksiat dan menyalahkan dirinya sendiri? Cucukan kesedaran apakah ini? Kerajaan yang mengeksploit melatih individu-individu dengan cara di man mereka membunuh kesedaran mereka. Akan tetapi apabila kesedaran itu sebenarnya patut mati, cahaya yang kecil kelihatan menyebarkan sinarnya pada waktu yang betul. Juru terbang kapal terbang yang meletupkan Hiroshima telah sebenarnya dilatih untuk jenayah yang demikian tetapi apabila beliau menjatuhkan bomnya dan telah menyaksikan bandar itu terbakar dan lelaki, wanita serta kanak-kanak yang tidak bersalah dari hal peperangan itu, dimalukan, beliau merasa sakit jiwa. Di Amerika, mereka memberikannya sambutan yang meriah tetapi mereka tidak boleh memeriksa kesedarannya yang tersiksa dan akhirnya membawa beliau ke rumah orang-orang gila. Al Quran berkata, "*Dan Aku bersumpah dengan jiwa yang*

amat menyesali” (75:2)⁴⁵

Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, berkata, “*Dia yang tidak diberikan satu pengkhutbah di dalam dirinya oleh Allah tidak akan dipengaruhi oleh khutbah-khutbah orang lain.*”⁴⁶ Janganlah menipu diri kamu dengan berfikir yang kamu akan dipengaruhi oleh orang lain jika kamu tidak dapat dipengaruhi oleh kesadaran kamu sendiri. Salah satu daripada ajaran ugama kita ialah untuk menghakimi diri kita sendiri dan mengeluarkan fatawa yang menentang diri kita apabila ianya diperlukan. “*Panggillah diri kamu sendiri untuk dihisab sebelum kamu dihisab.*”⁴⁷ “Timbanglah dirimu sendiri sebelum kamu ditimbang pada hari perhitungan untuk perbuatan-perbuatan kamu.”⁴⁸

Kesemua ini menunjukkan personaliti manusia yang kompleks yang memiliki tahap rendah binatang dan tahap tinggi manusia. Kebebasan spiritual beerti bahawa pehak yang tinggi adalah bebas dari yang rendah.

Berkaitan dengan menghukum diri sendiri, saya teringat akan satu peristiwa yang berhubung dengan Hadrat Ali. Seorang lelaki datang kepadanya untuk bertaubat, menganggap iaitu dengan berkata ayat taubat, segala-galanya akan menjadi baik. Ali dengan tegas memberikan amaran kepadanya, “*Semuga ibumu berkabung untukmu. Tahukah kamu apa yang dimaksudkan dengan taubat? Ianya adalah jauh lebih tinggi daripada hanya berkata satu ayat.*”⁴⁹ Kemudian beliau pun memberitahu lelaki itu yang taubat adalah berasaskan kepada beberapa benda; dua prinsip, dua syarat untuk penerimaan dan dua syarat untuk penyempurnaan. Dan jumlah semuanya ialah enam.

Beliau kemudian menerangkan ini sambil berkata, “Prinsip yang pertama ialah seseorang itu patut benar-benar bertaubat (kesal) akan perbuatan buruknya yang lalu. Yang kedua ialah mengambil keputusan untuk tidak melakukan maksiat itu di masa hadapan. Yang ketiga ialah untuk memberikan hak orang lain kepada mereka sekiranya kita berhutang dengan mereka. Yang keempat ialah menjalankan ibadah-ibadah fardu yang mungkin telah dilupai oleh seseorang.” Kedua-dua fakta yang akhir yang dinyatakan

oleh Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, adalah yang paling selaras dengan perbincangan kita ini. Mereka ialah: yang kelima, meleburkan daging yang telah dibesarkan mengikut nafsumu menerusi dukacita dan kesedihan yang konstant, dan yang akhir sekali ialah untuk memberikan badan ini yang pada waktu lalu telah ditagihi oleh kenikmatan maksiat, kesakitan beribadat dan penyerahan.

Terdapatkah manusia di waktu lalu yang telah sampai ke peringkat ini? Ya. Hari ini kita mungkin lupa akan keujudan taubat. Tetapi kita boleh memperoleh contoh yang baik darinya dengan menyebut Mullah Hussain Quli Hamadani yang merupakan seorang moralis zaman moden yang terkemuka dan penuntut Mirza Shirazi dan Shaykh Ansari, terpelajar yang sangat terkemuka. Seorang yang melakukan maksiat pergi kepadanya untuk dipimpin. Apabila orang itu kembali kepadanya dalam beberapa hari selepas itu, beliau amat susah untuk dikenali disebabkan oleh kecenderungannya yang luar biasa. Mulla itu tidak menggunakan rotan ataupun senjata mahupun ugutan. Tetapi beliau boleh memberikan pimpinan spiritual yang sebenar. Beliau berjaya menyedarkan kesedaran orang itu untuk menentang nafsu dan shahwatnya.

Program para nabi yang paling penting ialah untuk memberikan kebebasan spiritual. 'Tazkiyah bin naf' ialah kebebasan spiritual. Al Quran berkata, *"Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya."* (91:9-10)⁵⁰

Kerosakan yang terbesar di masa kita ini ialah bercakap dari hal kebebasan dan membataskannya kepada kebebasan sosial. Kebebasan spiritual tidak pernah diperbualkan, dan akibatnya, kebebasan sosial tidak pernah terselamat. Jenayah terbesar yang telah dilakukan dalam masa kita ini telah dilakukan oleh maktab-maktab falsafah dan filosofikal yang mengenegipikan manusia, personalitinya, kehormatan jiwanya dan wahyu Allah, "Aku menghembuskan ke dalamnya rohku,"⁵¹ telah agak dilupakan. Mereka menafikan yang manusia mempunyai dua aspek, pehak

binatang dan manusia. Mereka menuntut yang manusia adalah tidak berbeza dari binatang-binatang dan adalah di bawah kawalan yang paling segar. Ini beerti yang tenaga setiap individu ialah untuk minat dirinya sendiri. Bolehkah kamu fikirkan berapa banyak kerosakan yang telah diadakan oleh sifat ini kepada manusia? Mereka berkata yang hidup ini adalah peperangan dan dunia ini adalah sebuah medan perangan. Mereka juga berkata yang hak ialah sesiapa yang merampas, bukannya yang memberi. Tetapi yang sebenarnya, hak itu patut diberi dan diambil, bukanlah hanya sesuatu yang dirampas dengan paksa.

Para rasul tidak datang untuk membuat kenyataan yang hal patut dirampas secara paksa. Mereka datang untuk memujuk orang-orang yang tertindas untuk menyelamatkan hak-hak mereka. Mereka juga memaksa orang-orang yang menindas untuk bangun menentang perbuatan-perbuatan mereka yang buruk dan memberikan hak-hak orang lain kepada mereka.

Sebagai kesimpulan saya berdoa kepada Tuhan untuk memerdekakan kita semua daripada keinginan hawa nafsu seperti mana yang telah Dia lakukan kepada insan-insan yang pemurah dan untuk memberikan kita kebebasan sosial dan rahmat di dalam dunia ini dan dunia akan datang, untuk mendekatkan kita dengan kenyataan Islam, untuk memberikan kehendak-kehendak kita yang halal dan menganugerahkan keselamatan kepada sekalian ar-marhum kita.

Kehormatan Dan Ketinggian Jiwa

"Hai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diredaya. Maka masuklah ke dalam jama'ah hamba-hamba Ku dan masuklah ke dalam syurgaKu."
(89:27-30)⁵²

Sempena sambutan hari ulang tahun Imam Hussain, semuga rahmat Allah bersamanya, hari Isnin yang lalu saya memulakan perbincangan dengan berkata yang barang siapa memiliki jiwa yang tinggi mesti menderita keridakselesaian fizikal sementara hanya mereka-mereka yang memiliki jiwa yang tidak tenang berada di dalam keselesaan, tidur dengan nyenyak dan menikmati hidangan yang lazat dan lain-lain faedah.

Malam ini, saya ingin membincangkan dari hal kemuliaan dan kehormatan jiwa dan menunjukkan perbezaan di antara mereka berdua. Kemuliaan jiwa ialah satu hal tetapi kehormatan adalah merupakan kualiti yang lebih tinggi. Dengan lain perkataan, kemuliaan bukanlah kehormatan tetapi setiap kehormatan adalah juga kemuliaan.

Kesungguhan adalah jelas merupakan satu tanda kemuliaan jiwa dan terdapat peringkat yang berbeza bagi kesungguhan. Seseorang itu terbatas untuk menyelamatkan diploma sementara yang lain tidak mengenali sebarang batasan untuk menuntut ilmu dan tujuannya ialah untuk menggunakan kehidupannya dengan sepenuhnya dan

memperolehi sebanyak ilmu yang dia mungkin.

Kamu mungkin telah mendengar sebuah cerita yang sangat terkenal dari hal Abu Rayhan Biruni, menurut terpelajar-terpelajar nilai beliau tidaklah begitu diketahui. Beliau adalah seorang ahli hisab, sosiolog dan ahli sejarah yang sangat luar biasa sehingga setengah-setengahnya menganggap yang beliau adalah lebih tinggi dari Abu Ali Sina.

Kedua-dua mereka ini adalah sezaman. Abu Rayhan sangat cintakan ilmu, penyelidikan dan penemuan. Sultan Mahmud mengarahnya untuk menghadiri mahkamah baginda dan beliau terpaksa mematuhi panggilan itu. Beliau menemani Raja tersebut dalam penaklukan India dan menemui khazanah ilmu yang sangar besar di negara itu. Tetapi beliau tidak mengetahui bahasa Sanskrit, dengan itu, beliau pun mula mempelajarinya. Di samping usianya yang tua, beliau mempelajarinya ke peringkat yang tinggi dan setelah mempelajarinya untuk banyak tahun, beliau menerbitkan sebuah buku yang di panggil Tahiq mal al-Hind min Maqulihi Marzulah fi al-aql wa maqbulat⁵³ yang merupakan satu sumber rujukan yang sangat bernilai kepada Indianologia dunia.

Beliau berada di saat akhir kematiannya apabila beliau dilawati oleh seorang faqih iaitu jirannya sendiri, setelah mengetahui yang beliau sakit tenat, yang pergi untuk menziarahinya. Abu Rayhan masih sedar, melihat kehadiran faqih itu, beliau bertanya kepada faqih itu satu soalan figh berkenaan dengan masalah warisan dan lain-lain isu. Faqih itu amat hairan kerana seorang yang hampir mati masih menunjukkan minat di dalam bidang tersebut. Abu Rayhan berkata, "Saya ingin bertanya kepadamu yang manakah lebih biak. Mati dengan ilmu ataupun tanpanya?" Lelaki itu pun berkata, "Sudah tentu adalah lebih baik untuk tahu dan kemudian mati." Abu Rayhan berkata, "Itulah sebabnya saya bertanya soalan yang pertama." Sekejap sahaja selepas faqih itu sampai ke rumahnya, tangisan ratapan memberitahu yang Abu Rayhan telah meninggal dunia. Ini menunjukkan kesungguhan walaupun di saat akhir

kematiannya.

Seorang itu sangat terkemuka dalam mengumpul harta, contohnya, apabila orang lain tidak menonjolkan begitu banyak usaha dan terbatas hanya untuk memperolehi kehidupan yang sederhana dengan apa cara sekali pun yang mereka boleh, samaada dengan berkhidmat untuk orang lain, mengemis ataupun memperhambakan diri sendiri. Adakah dua jenis usaha ini sama sahaja? Tidak sama sekali.

Kadang kala kamu menyaksikan orang ramai yang kekurangan resolusi untuk menjadi kaya, semata-mata kerana kelemahan mereka dan orang lain pula akan menghina dan mengetawakan mereka. Mereka membaca ayat-ayat Quran dari hal pertapaan, berasaskan kepada alasan yang salah. Tetapi mereka silap. Orang yang mengejar kekayaan, dengan segala penderitaan, dengan semua penyerahannya kepada dunia, adalah lebih baik daripada mereka-mereka yang memiliki kesungguhan yang lemah ataupun tiada kesungguhan langsung, yang menyerupai pengemis dan dengan itu, dia mempunyai lebih keperibadian. Orang ini adalah tidak bersalah dihadapennya.

Orang ini hanya boleh dianggap bersalah di hadapan seorang petapa yang sebenar yang merupakan seorang manusia yang berkesungguhan. Seperti Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, beliau boleh mengumpul kekayaan, bukan kereana kehendaknya sendiri, tetapi untuk dibelanjakan ke atas orang lain dan untuk membantu mereka-mereka yang memerlukan. Beliau adalah di dalam kedudukan untuk mencela orang lain yang mengumpul dan menyembunyikan kekayaan sebagai satu tujuan, dan bukannya satu cara.

Begitu juga, seseorang itu boleh mencari pangkat dan kedudukan. Alexander yang terkemuka adalah merupakan seorang yang ingin memerintah dunia. Beliau adalah lebih tinggi daripada manusia yang merendahkan diri dan tidak memiliki kesungguhan perasaan kehormatan. Nadir Shah ialah satu contoh lain bagi ketinggian fikiran. Lelaki ini mempunyai jiwa yang besar tetapi ia tidak boleh dikatakan

yang mereka mempunyai jiwa yang terhormat. Alexander adalah merupakan satu contoh manusia yang bercita-cita besar dan kebesarannya hanya berkembang di dalam satu arah, dalam cita-cita, nama dan pengaruh, dalam menjadi manusia yang paling berkuasa di dunia. Jiwanya adalah terhormat hanya kepada tahap itu. Tetapi adakah dia mengalami kesenangan dan keselesaan? Bolehkah Nadir memiliki kesenangan hidup dengan kezaliman dan menara yang dibinanya dengan tengkorak-tengkorak mereka yang telah dibunuhnya, orang yang mencabut mata-mata manusia daripada lekuk mata mereka, manusia yang sangat bercita-cita? Kadang kala dia langsung tidak mempunyai waktu walaupun untuk mengeluarkan kasut untuk sepuluh hari. Sebuah cerita memberitahu tentangnya yang pada suatu malam musim sejuk yang sangat sejuk dia sampai ke sebuah kereta yang dipakai sebagai rumah dengan berseorangan diri. Penjaganya tersedar oleh ketukan yang sangat kuat, dan apabila melihat seorang lelaki yang agam sedang menunggang seekor kuda. Dia bertanya penjaga rumah itu makanan apakah yang dia ada, dan penjaga itu berkata yang dia hanya mempunyai telur-telur. Dia dengan tajam sekali diarah untuk menggoreng telur-telur itu dan membawa mereka kepadanya bersama-sama dengan sedikit roti, sedikit makanan ternak serta barli untuk kudanya. Penjaga itu pun berbuat seperti yang disuruh dan Nadir berehat di situ untuk sejam atau dua lamanya dan selepas mengikat kudanya, dia melambungkan sedikit wang emas ke atas riba penjaga itu sambil berkata, "Tidak lama lagi satu angkatan tentera akan tiba di sini. Beritahu mereka yang Nadir telah pergi ikut arah itu dan mereka mesti menyusuliku dengan segera." Mendengar nama Nadir, penjaga itu sangat takut sehingga syiling-syiling emasnya terjatuh. Nadir mengarahnya untuk pergi ke atas bumbung dan melaung kepada tentera-tenteranya apabila sampai untuk jangan lengah walaupun untuk sesaat tetapi menyusulinya dengan cepat. Tentera-tentera itu bersungut apabila mendengar khabar tersebut tetapi tidak seorang pun yang berani untuk tinggal mahupun selama satu minit untuk menyegarkan badan.

Seorang boleh menjadi Nadir, tetapi dia tidak boleh menikmati katil yang selesa, makanan yang baik dan beratus-ratus kesenangan yang lain. Tubuhnya tidak langsung dapat berehat. Dan akhirnya dia akan mati. Siapa saja yang mempunyai azam yang besar, dalam apa saja bidang, tidak akan memperolehi kesenangan fizikal. Tetapi tidak satu pun dari manusia ini yang memiliki kehormatan jiwa. Jiwa mereka adalah mulia tetapi tidak terhormat. Sekiranya seorang itu adalah manusia mulia yang berpelajaran tanpa sebarang kualiti yang baik. Beliau mempunyai fikiran-fikiran yang tinggi dari hal ilmu kemanusiaan. Yang lainnya pula adalah sangat mahir dalam mengumpul harta. Seseorang yang lain adalah dipenuhi dengan dendam, iri hati ataupun cita-cita. Kesemua mereka adalah sangat-sangat mementingkan diri sendiri tetapi tidak seorang pun dari mereka adalah terhormat dan memiliki ketinggian jiwa.

Kenyataan ini adalah dari sudut ilmu jiwa dan falsafah, terdapat kemuliaan dari jenis yang lain yang tidak bergantung kepada kepentingan diri sendiri dan ianya dipanggil kemanusiaan.

Saya masih tidak melihat bagaimana materialis menjelaskan aspek ini. Apakah yang membuat manusia atau sekurang-kurangnya, menjadi setengah individu, mempunyai perasaan terhormat di dalam jiwa-jiwa mereka, sesuatu yang melebihi dan tinggi daripada kepentingan diri sendiri? Manusia begini berkeinginan untuk menjadi terhormat dan mulia, tetapi bukan di atas perbelanjaan orang lain. Jiwa seseorang tidak membenarkannya untuk menipu. Kehormatan adalah berlawanan dengan kehinaan dan manusia menjauhkan diri daripada kehinaan secara total.

Mussolini, diktator Itali yang terkenal, telah dilaporkan berkata kepada seorang kawan yang dia lebih ingin hidup sebagai seekor singa untuk setahun daripada hidup sebagai seekor biri-biri untuk seratus tahun. Dia berkeras yang kawannya ini tidak boleh memetik kata-katanya kepada sesiapa pun kerana kehidupannya sebagai seekor

singga mesti berti yang orang lain adalah biri-biri dan jika orang lain tahu apa yang diinginkan oleh Mussolini, nescaya mereka juga ingin menjadi singa-singa dengan itu diktator tidak boleh kekal sebagai singa lagi. Tidak terdapat sebarang kehormatan di dalam kelakuan yang demikian.

Tetapi bagaimanakah rupa seorang yang terhormat? Ia adalah seorang yang inginkan semua orang di dunia ii menjadi singa-singa dan bukannya biri-biri. Rasulullah telah berkata, "Aku telah dilantik untuk menyempurnakan moral-moral yang terhormat,"⁵⁴ bukannya "Aku telah dilantik menyempurnakan moral-moral yang baik." Yang akhir bulanlah maksud yang sebenar. Setiap orang yang memulakan maktab yang baru menuntut kebenaran ajaran-ajarannya. Malah Nietzsche yang percaya dalam kuasa dan tiada paksaan bagi orang-orang yang lemah, menganggap maktabnya sebagai salah satu daripada etik-etik yang benar. Kata-katanya beerti kehormatan dan bukannya penguasaan ke atas yang lain.

Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, berkata kepada anak lelakinya, Imam Hussain, semuga rahmat Allah bersamanya, "Angkatlah jiwa kamu di atas setiap perbuatan yang kejam dan ingatlah yang jiwamu adalah lebih bernilai daripada dicemarkan oleh kekejaman."⁵⁵ Beliau menasihatkan anaknya untuk berfikir yang dirinya adalah lebih terhormat daripada berkelakuan menipu ataupun merendahkan dirinya sendiri di hadapan orang lain. Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, berkata yang seorang yang terhormat tidak pernah melakukan zina dan ini adalah dengan tidak memandang kepada kenyataan yang ia adalah dilarang oleh undang-undang Ilahi dan dihukum di kedua-dua dunia. Di dalam epik Nahj ul-balagha telah dikatakan yang di dalam penemuan Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, dengan Muawiyah, di dalam peperangan Siffin, Imam Ali tidak mempunyai keinginan untuk berperang dan berharap agar penyelesaian boleh dicapai menerusi surat-surat dan wakil-wakil. Tetapi apabila Muawiyah merampas keperluan air di Sungai Euphatis untuk menghalang tentera Ali daripada sampai kepadanya, berharap untuk

mengenakan kekalahan ke atas mereka dengan kekurangan air, beliau menulis sepucuk surat kepada Muawiyah untuk berhenti daripada meneruskan strategi yang demikian kerana peperangan masih belum bermula dan terdapat kemungkinan untuk memperolehi persefahaman.

Muawiyah enggan untuk melepaskan kelebihanannya dan apabila Ali mendapati yang desakannya adalah sia-sia, beliau pun mengumpulkan orang-orangnya dan menyampaikan ucapannya, "*Orang-orang ini mencari peperangan seperti makanan. Sekiranya demikian, tahukah kamu apa yang patut dilakukan. Kamu sedang dahaga dan hanya tinggal satu jalan sahaja, iaitu membasahi pedang-pedang kamu dengan darah mereka demi untuk memuaskan diri mereka sendiri. Sekiranya kamu mati dengan jayanya, kamu masih hidup tetapi jika kamu hidup dalam kekalahan, kamu adalah mati.*"⁵⁶

*Inilah caranya bagaimana Ali meniup kehormatan jiwa dan kehormatan diri sendiri ke dalam diri pengikut-pengikutnya. Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, percaya bahawa setiap kejahatan adalah disebabkan oleh kerendahan akhlak. Contohnya, beliau berfikir yang menyindir adalah perbuatan seorang yang lemah. Seorang yang berani adalah sangat terhormat dan tinggi sehingga dia mengatakan tentangan-tentangannya kepada orang lain berhadapan dengan muka mereka atau sekurang-kurangnya mendiamkan diri. Seorang yang bersikap luba terhadap yang lain sedang membuatkan dirinya congkak. Seorang yang meratap akan nasib malangnya di hadapan orang lain sedang merendahkan dirinya sendiri.*⁵⁷

Seorang datang kepada Imam Sadiq, semuga rahmat Allah bersamanya, meratap akan tekanan dan kemiskinannya. Imam tersebut menyuruh seorang pelayan untuk pergi dan memberikannya beberapa dinar. Sambil meminta maaf kepada Imam orang itu berkata, "Saya tidak bermaksud untuk meminta sesuatu apa pun." Imam berkata, "Saya tidak berkata yang kamu telah meminta sesuatu tetapi nasihatku ialah agar kamu berhenti daripada menceritakan kesulitan-kesulitan kamu di hadapan orang lain kerana kamu akan

kehilangan nilaimu, dan Islam tidak inginkan seseorang untuk merendahkan diri di hadapan orang lain."

Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, berkata, *"Sesiapa yang memaparkan kesusahannya kepada orang lain sedang merosakkan kehormatan diri dan maruahnya yang merupakan benda yang paling penting untuk orang-orang yang benar-benar beriman. Dan dia yang membenarkan hawa nafsunya untuk menaklusinya sedang merendahkan dirinya."*⁵⁸ Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, percaya yang setiap kelebihan adalah disebabkan oleh kehormatan jiwa. Menjadi benar, jujur, tekun dan menjauhi segala kejahatan adalah hasil daripada kehormatan itu. Sebagai contoh, meminum minuman keras mengakibatkan mabuk, walaupun untuk sementara waktu ia merompak akal dan menjatuhkan seseorang ke tahap seekor binatang yang bodoh.

Beliau juga berkata, *"Aku tidak mengasaskan kehidupanku ke atas berlebihan."*⁵⁹ Di dalam Ajaran-ajaran ahli Tasawuf dan Sufi terdapat banyak fikiran-fikiran yang tinggi. Satu masalah yang ditanggung oleh Islam menerusi ajaran-ajaran tasawuf dan sufi ialah kerana ia dipengaruhi oleh ajaran-ajaran Kristian, Buddha dan Manaiyat. Mereka telah kehilangan timbangan yang sebenar dalam apa yang mereka panggil sebagai melupakan diri sendiri (naf) dan membunuh diri sendiri (naf). Sekiranya mereka memberi perhatian kepada Islam, mereka akan sedar yang Islam menyokong pembinaan satu aspek daripada 'naf' dan mengekalkan aspek yang lain. Ia menasihatkan kamu untuk melupakan 'naf' kebinatangan kamu dan menguatkan jiwamu yang terhormat. Saya telah menemui dengan idea yang sama di dalam hasil kerja penyajak dan ahli-ahli falsafah, Iqbal lahouri.

Islam percaya yang salah satu daripada hukuman Ilahi ialah manusia di bawa hingga melupakan keseluruhan dirinya sendiri. Quran berkata, *"Dan janganlah kamu seperti orang-orang yang lupa kepada Allah, lalu Allah menjadikan mereka lupa kepada diri mereka sendiri."*⁶⁰ (59:19) Adakah kamu ketahui akan sesiapa yang seperti Ali memanggil orang

ramai untuk mengengapikan dunia? Ali berbuat demikian tetapi pada waktu yang sama menekankan kehormatan diri sendiri dan ketinggian jiwa. Beliau berkata kepada anak lelakinya, Hassan, semoga rahmat Allah bersamanya, *"Janganlah menjadi hamba kepada makhluk lain. Allah telah mencipta kamu bebas."*⁶¹ Bagaimanakah Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, sebagai insan yang paling merendahkan diri dalam dunia, menjemput orang ramai untuk memberi perhatian kepada diri sendiri? Diri sendiri yang dihormatinya ialah di pihak yang terhormat.

Terdapat banyak kata-kata Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, yang begini di dalam tangan kita, tetapi hanya terdapat sedikit petikan daripada kedua-dua anak lelakinya, ini adalah disebabkan oleh keadaan yang memaksa pada waktu mereka. Tetapi di dalam buku-buku yang mengandungi kata-kata Imam Hussain, semoga rahmat Allah bersamanya, persoalan dari hal kesempitan jiwa dapat dilihat dengan banyaknya, terutama sekali kata-katanya di saat akhir sebelum kesyahidannya, menyalahkan mereka-mereka yang telah menjualkan diri mereka kepada raja-raja yang zalim.⁶²

Beliau berkata, *"Sekiranya kamu tidak beriman dan tidak takut akan hari kiamat, sekurang-kurangnya jadilah manusia yang bebas di dalam dunia kamu."*⁶³ Di dalam perbincangan di Mekah, beliau berkata yang jiwanya tidak mengizinkannya untuk hidup dan menyaksikan keadaan yang memusnahkan, dibiarkan dengan begitu saja. Sekali lagi beliau berkata, *"Sesungguhnya aku menganggap yang kematian itu tiada apa-apa tetapi sangat baik pada tempatnya dan kehidupan dengan raja-raja yang zalim adalah juga tiada apa-apa melainkan sengsara."* Dengan ini beliau bermaksud yang ianya adalah terhormat baginya untuk tidak berada di kalangan orang-orang yang demikian yang tidak membawa sesuatu apa pun kecuali kelelahan dan duka cita kepada jiwanya.

Kepada mereka-mereka yang menasihatkannya untuk membengkalaikan peperangannya menentang raja yang zalim, beliau memetik satu ayat daripada sahabat Rasulullah

sebagai jawaban kepada sepupunya yang berkeinginan untuk menghalangnya daripada berperang. Ayat ini ialah, *"Tidak, aku akan tetap maju. Tidak aku akan tetap maju. Tidak terdapat kemaluan untuk mengikuti jalan yang benar dan berjihad. Mati dalam menegakkan kebenaran dan menentang kejahatan adalah satu penghormatan."*⁶⁴ Beliau terus berkata, *"Kamu yang melarangku, kemaluan ini adalah cukup untuk kamu hidup di dalam kehinaan. Tidakkah kamu lihat yang mereka tidak bertindak menurut apa yang benar dan tidak ada sesiapa pun yang melarang korupsi ini."*⁶⁵ Sekali lagi beliau berkata, *"Seorang yang beriman mesti mencari kematian."*⁶⁶ Apabila telah dilaporkan kepada Ali yang tentera Muawiyah telah menjarah bandar Ambar dan merampas pendapatan wanita-wanita Islam, beliau berkata, *"Demi Tuhan, sekiranya seorang Islam mati di dalam kesedihan akibat daripada kejadian begini, beliau tidak bersalah."*⁶⁷

Pada hari kesyahidannya (10 hb. Muharram), Imam Hussain, semuga rahmat Allah bersamanya, memberikan jawaban ini kepada pesuruh Ibn Ziad yang memaksa beliau untuk berbai'at, *"Aku tidak akan menyumbangkan tanganku di dalam kemaluan ataupun menyerah seperti seorang hamba (iaitu aku telah berada di dalam kesilapan)."*⁶⁸ Walaupun di saat akhir peperangannya apabila kesemua saudara-saudara dan sahabat-sahabatnya telah syahid dan beliau sendiri dalam berhadapan dengan mati, dan ahli keluarganya berada di dalam bahaya sebagai orang-orang tahanan, beliau mengumumkan tujuannya yang tinggi lagi terhormat dan kebebasan.

Dengan itu dapatlah kita lihat yang semua orang-orang yang mulia tidak terhormat tetapi semua orang-orang yang terhormat adalah mulia.⁶⁹ Dari hal Imam Hussain, semuga rahmat Allah bersamanya, kita mesti berkata yang beliau adalah mulia di dalam perbuatan-perbuatan baiknya, tidak memperdulikan harta, usahanya dalam amal maaruf nahi anil munkar, kekurangan cita-cita dan dendam, ketekunannya di dalam salat dan perhubungan sucinya dengan Tuhan dan di dalam penghidupan semula dirinya

yang terhormat dalam berjihad dan haq. Saya berdoa kepada Allah untuk menganugerahkan kita jiwa terhormat yang demikian dan untuk memberikan kita kesedaran terhadap destinasi kita.

Ibadah dan Salat

Kita kadang-kadang dapat memerhatikan fakta-fakta di dalam interpretasi Islam kita yang menimbulkan soalan-soalan kepada setengah-setengah daripada kita berkaitan dengan ibadah. Contohnya, kita diberitahu di dalam hal salat yang samaada Rasulullah ataupun Imam-Imam telah berkata, "Salat adalah tiang ugama," ataupun sekiranya kita menganggap ugama sebagai kemah, salat adalah tiang yang membuatnya berdiri. Kata-kata ini juga dipetik daripada riwayat Rasulullah, "*Syarat kepada penerimaan amal manusia yang lain ialah penerimaan salat.*"⁷⁰ Dalam lain perkataan, amal baik manusia akan menjadi batal dan kosong jika salatnya adalah salah dan dengan itu tidak diterima.⁷¹

Sebuah hadis lain berkata, "*Salat adalah cara bagi orang-orang yang baik untuk mendekatkan diri mereka dengan Tuhan.*"⁷² Sebuah hadis lain berkata yang syaitan selalu tidak senang dengan orang yang beriman dan mengelakkan diri daripada orang yang menyerah kepada salatnya. Al Quran juga menunjukkan kepentingan salat di dalam banyak ayat.

Tetapi kadang kala ianya dinyatakan oleh setengah-setengah orang yang semua hadis-hadis dari hal salat mesti telah dipalsukan dan tidak boleh dipercayai dan tidak disabda oleh Rasulullah dan pengganti-penggantinya tetapi oleh setengah-setengah orang yang sangat menyerah diri untuk memperolehi lebih ramai pengikut-pengikut, terutama

sekali di dalam abad ke dua dan ke tiga hijrah apabila hal ibadah telah pergi begitu berlebihan sehingga ia telah lebih kurang membawa kepada monotisma dan sufisma.

Kita dapati yang setengah orang menumpukan keseluruhan tenaga-tenaga mereka kepada perbuatan-perbuatan ibadah ke satu tahap sehingga mereka mengenyepikan tugas-tugas ugama. Contohnya, di kalangan sahabat-sahabat Ali terdapat seorang lelaki yang dipanggil Rabi' ibn Husain yang kemudiannya dikenali sebagai Khajah Rabi dan makamnya terdapat di Mashad. Beliau telah dikenali sebagai salah seorang daripada lapan orang yogi di dalam dunia Islam dan beliau pergi begitu jauh dalam yogisma dan penyerahan dan beliau telah menggali kuburnya sendiri lama sebelum kematiannya. (Telah dikatakan yang beliau tidak pernah bercakap dari hal keduniaan untuk selama 20 tahun.) Kadang-kadang beliau pergi dan berbaring di dalamnya, mengingatkan dirinya sendiri yang kubur adalah rumahnya. Perkataan-perkataan lain yang kedengaran dikatakan olehnya disamping salat ialah pada upacara kesyahidan Imam Hussain. Beliau berkata, "Celakalah ke atas orang-orang ini yang membunuh ahlul Bait Rasulullah yang tercinta." Telah dilapurkan yang selepas kejadian itu beliau bertaubat kerana telah berkata suatu ayat selain daripada do'a kepada Allah.

Beliau adalah seorang pahlawan di zaman Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, dan pada suatu hari beliau telah datang kepada Hadrat Ali lalu berkata yang mereka mempunyai keraguan tentang peperangan yang sedang mereka perangi,⁷³ ianya pada kaca mata mereka adalah haram, kerana mereka sedang berperang dengan mereka-mereka yang berkiblatkan Mekah ketika salat dan melafazkan formula-formula kepercayaan Islam.⁷⁴ Oran ini pada waktu yang sama tidak ingin untuk meninggalkan Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, dan dengan itu beliau meminta agar beliau diberikan tugas di mana tidak terdapat keraguan padanya.

Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, bersetuju lalu menghantarnya sekali lagi ke medan perang supaya di dalam

peperangan beliau akan berhadapan dengan orang-orang yang bukan Islam ataupun penzina-penzina. Lelaki ini adalah dari sejenis yogis tetapi apakah nilai yogisma dan ibadatnya? Adalah sia-sia untuk menjadi pengikut seorang seperti Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, dan pada waktu yang sama mempunyai keraguan akan jalan yang ditunjuknya di dalam jihad. Kadang-kadang orang ramai menggunakan rangkai kata, "Mengapakah seseorang itu patut berpuasa berasaskan kepada keraguan dan ketidakpastian. Ianya adalah sia-sia." Islam memerlukan pengertian dan dicantum dengan latihan tetapi Khajah Rabi tidak mempunyai pengertian. Beliau hidup dalam waktu Muawiyah dan anaknya Yazid. Beliau tidak ada kena mengena langsung dengan masalah-masalah sosial masyarakat Islam dan beliau sentiasa mengundurkan diri di satu sudut sambil berdoa siang dan malam dan tidak menyebut sesuatu apa pun kecuali Nama Allah dan menyesali kata-katanya sendiri dari hal kesyahidan Imam Hussain, semoga rahmat Allah bersamanya.

Hal yang begini tidak bersesuaian dengan ajaran-ajaran Islam dan seperti terdapat sebuah kata-kata, "Seorang yang jahil samaada bergerak terlalu laju ataupun terlalu perlahan." Setengahnya mungkin berkata yang rangkai kata itu iaitu "Salat itu adalah tiang ugama,"⁷⁵ adalah tidak seharmoni dengan ajaran-ajaran Islam kerana Islam lebih memberikan perhatian kepada hal-hal sosial lebih daripada segala-galanya. Islam berkata, "*Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan. (16:90)*"⁷⁶ Dan, "*Sesungguhnya kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka Al Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan.*" (57:27)⁷⁷ Ia menyuruh manusia kepada yang maruf dan mencegah dari yang munkar. (3:110)⁷⁸ Islam sebagai satu ugama yang mulia adalah kepercayaan aktiviti dan kerja. Jika hal ini adalah penting dalam Islam, kemudian perbuatan ibadah dan penyerahan tedaklah begitu beerti. Dengan itu, menurut orang-orang demikian, seorang patut mengikuti ajaran-

ajaran sosial dan meninggalkan perbuatan-perbuatan penyerahan dan do'a kepada orang-orang yang malas yang tidak mempunyai kerja yang lain untuk dijalankan.

Tetapi fikiran-fikiran begitu adalah salah dan sangat merbahaya. Islam patut dikenali seperti mana adanya ia. Saya memerlukan faktor-faktor ini kerana saya rasa yang masyarakat kita ini sedang menderita kesakitan. Malangnya mereka-mereka yang memiliki semangat keagamaan terbahagi kepada dua kumpulan: Satu kumpulan mengikuti jalan Rabi dan berfikir yang Islam hanyalah kepercayaan Salat, zikir dan haji dan merujuk kepada buku-buku agama yang khusus dan tertentu untuk memimpin mereka. Mereka tidak mempunyai sebarang kaitan dengan dunia ataupun undang-undang sosial ataupun prinsip-prinsip Islam dan pelajaran.

Reaksi kumpulan ini yang perlahan adalah kemunculan yang kedua yang pergi begitu cepat dan bergerak di atas jalan berlebihan. Mereka memberikan keseluruhan perhatian mereka kepada hal-hal sosial, yang merupakan satu sifat yang bernilai, tetapi mengenepikan perbuatan-perbuatan ibadah. Saya telah berjumpa dengan orang-orang yang sangat mampu untuk ke Mekah, satu ajaran yang dianggap sebagai hal yang paling penting dalam Islam. Mereka meninggalkan salat, dan mengenepikan hal-hal meniru ketua-ketua agama. Mereka percaya yang masalah-masalah yang berkaitan dengan ibadah harus diselesaikan oleh diri sendiri, tanpa memerlukan pimpinan orang lain. Dengan itu, setiap orang adalah dianggap sebagai bijak pandai agama ataupun faqih. Dia adalah doktornya sendiri dan tidak perlu untuk meminta nasihat doktor ataupun pakar. Terdapat setengah-setengah orang yang tidak berpuasa dan keadaannya dalam bermastautin ataupun dalam perjalanan dan tidak percaya dalam membetulkan dan menggantikan ibadah kerana kegagalan dalam melaksanakannya mengikut waktu dan tempat yang betul.

Ke dua-dua kumpulan menganggap diri mereka Muslim tetapi mereka tidak keseluruhannya Muslim. Islam tidak bersetuju dengan rangkai kata "Percaya di dalam setengah

hal dan tidak percaya dalam hal-hal yang lain." Ia tidak boleh bersetuju dengan penerimaan ibadah yang dipasangkan dengan penolakan persoalan moral dan sosialnya, ataupun sebaliknya. Kamu dapat perhatikan yang bila saja Al Quran berkata, "Tunaikanlah zakat."⁸⁰ Suruhan yang pertama berkaitan dengan hubungan di antara satu makhluk dengan makhluk yang lain. Dengan itu seorang Muslim yang sebenar mempunyai dua tanggungjawab iaitu kepada Tuhan dan kepada manusia serta kepada masyarakat mereka dengan cara yang berkekalan. Tiada masyarakat Islam yang dapat dibina tanpa ibadah dan do'a kepada Tuhan, salat dan puasa. Dengan jalan yang sama, masyarakat yang beriman tidak boleh ujud tanpa menyuruh kepada yang maruf dan mencegah dari yang munkar dan tanpa perhubungan yang mesra di antara individu-individu, walaupun seorang itu mungkin seorang yang beriman.

Kita melihat Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, sebagai seorang yang paling tinggi, paling beriman dengan begitu banyak sekali sehingga ibadahnya begitu terkenal, ibadah yang dipenuhi dengan rasa takut, cinta dan aliran air mata. Selepas kematiannya, seorang yang bernama Zirau, sahabatnya, bertemu dengan Muawiyah yang telah menyuruhnya untuk menggambarkan Ali, seuga rahmat Allah bersamanya, untuknya, Zirar meriwayatkan sesuatu yang telah disaksikannya dari hal Ali, semuga rahmat Allah bersamanya. Pada suatu malam saya telah melihatnya di tempat ibadahnya yang khusus. Beliau telah berputar-putar dengan ketakutan kepada Tuhan seperti seorang yang dipatuk ular dan menangis dengan duka cita yang amat dalam sambil berkata, "Oh! untuk api neraka!"⁸¹ mendengar peristiwa ini Muawiyah pun menangis.

Sebelum kematian Ali, Muawiyah berjumpa dengan Adass bin Hatam dan berniat untuk meransangkan tentangannya terhadap Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, dengan itu, dia pun bertanya kepada Adass dari hal ketiga-tiga orang anak lelaki yang terbunuh ketika berperang untuk Ali, semuga rahamt Allah bersamanya. Dia ingin mendengar Adass menyalahkan Ali, semuga rahmat

Allah bersamanya, dan dengan itu dia pun berkata, "Adakah adil baginya untuk menghalangmu dari ketiga-tiga anak lelaki kamu dan menyelamatkan anak lelakinya daripada mati di medan perang?"

Adass menjawab, "Sayalah yang tidak adil kepadanya. Saya tidak patut hidup sementara beliau dikebumikan di dalam tanah." Apabila Muawiyah menyaksikan yang dia telah gagal dalam tujuannya, dia pun menyuruh Adass untuk menggambarkan Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, dengan sepenuh untuknya, seperti yang telah dilakukan oleh Adass. Apabila beliau menamatkan riwayatnya, beliau melihat air mata mengalir turun membasahi janggut Muawiyah yang menyapu air mata itu dengan lengan bajunya, sambil berkata, Aduhai! masa telah terlalu mandul untuk menghasilkan orang seperti Ali." Kamu dapat lihat bagaimana kebenaran **menonjolkan** dirinya sendiri.

Tetapi adakah Hadrat Ali seorang yang hanya beriman di tempat pemujaannya? Tidak. Kita juga dapat melihatnya sebagai seorang manusia yang sangat sosial, begitu sedar akan keadaan orang-orang yang miskin dan tidak berkemampuan dan semua orang-orang yang mengeluh kepadanya. Walau pun beliau adalah seorang khalifah, beliau pergi di kalangan orang ramai, **mencampuri** urusan-urusan mereka. Apabila beliau bertemu dengan pedagang beliau akan menjerit, "Kamu terlebih dahulu patut pergi mempelajari soal-soal perdagangan Islam."⁸² Dalam lain perkataan, sebelum berdagang, mereka patut mengetahui perintah-perintah Ilahi tentang apa yang halal dan haram dalam menjual-beli. Telah dilaporkan yang beliau juga telah menggunakan satu rangkaian kata kepada seorang pengemis yang mengemis sesuatu darinya. Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, telah memandang kepada pengemis itu dan mendapati yang beliau mampu untuk bekerja tetapi telah memilih untuk mengemis sebagai jual-beli. Beliau memberikannya satu nasihat dan berkata, "Ikutilah kehormatan dan maruahmu," rangkaian kata yang sentiasa diucapkannya kepada setiap orang kerana pekerjaan membawa kepada penghormatan dan maruah.

Dengan itu, Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, adalah seorang Muslim yang sebenar: beriman dalam ibadah, seorang hakim yang adil di mahkamah, se-orang saldadu yang berani dan panglima di medan perang, pengkhutbah yang baik di mimber dan seorang guru yang menarik perhatian di kerusinya, dan satu contoh yang sangat cantik dan sempurna di dalam setiap kesempurnaan.

Islam tidak akan meluluskan penerimaan setengah suruhan-suruhan dengan separuh hati dan percaya dalam setengah-setengah daripada mereka dan tidak dalam yang lain-lainnya. Ini adalah jalan yang salah yang telah dipungut oleh setengah-setengah yogi yang menganggap bahawa Islam hanyalah do'a ataupun oleh orang-orang yang mengenyepikan perbuatan-perbuatan penyerahan secara keseluruhan.

Al Quran berkata, *"Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengan dia adalah keras terhadap orang-orang kafir, tetapi kasih sayang sesama mereka."* (48:29)⁸³

Di dalam ayat ini, gambaran tentang masyarakat Islam telah dipotretkan. Pada bahagian yang pertama, hal berkenaan dengan Iman dan Rasulullah telah dikatakan manakala di bahagian yang akhir persoalan dari hal tegas terhadap orang-orang kafir telah disebutkan. Dengan itu, penyerah-penyerah yang menjadikan masjid sebagai tempat tinggal dan berdiam diri, apabila mereka diusir oleh seorang tentera adalah bukan Islam, menurut Al Quran, Kualiti yang paling penting bagi seorang Muslim ialah menunjukkan kekerasan dan kekuatan dalam menentang musuh.

Al Quran berkata, *"janganlah kamu bersikap lemah dan janganlah kamu bersedih hati pada hal kamulah orang yang paling tinggi jika kamu orang-orang yang beriman."* (3:139)⁸⁴ Islam tidak membenarkan kelemahan dalam ugama. Will Durant berkata di dalam sejarah Tamadunya iaitu tiada terdapat ugama lain kecuali Islam yang memanggil pengikut-pengikutnya untuk menjadi begitu kuat dan tabah.

Membengkukkan leher degan tidakmampuan, untuk berpakaian dengan buruk dan dengan cara yang kotor,

untuk berjalan dengan malas dan untuk berpura-pura menjadi malang dan lalai kepada sekalian yang di sekitar kamu dan mengeluh dan mengerang kesakitan adalah berlawanan dengan Islam. Al Quran berkata, "*Dan terhadap ni'mat Tuhanmu maka hendaklah kamu menyebut-nyebutnya (dengan bersyukur).*"⁸⁵ (93:11) Allah telah memberikan kamu rahmat seperti kesihatan dan kekuatan. Kenapakah kamu menunjukkan diri kamu begitu daif. Ini tandanya yang kamu tidak bersyukur, Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, tidak pernah menjadi manusia yang demikian. Beliau berdiri dengan mampu dan gagah menentang musuh-musuh.

Bagaimana pula dengan menjadi mesra kepada orang lain? Kita kadang-kalanya bertemu dengan orang-orang yang tidak mesra dan selalunya bermuram serta tidak bergaul. Mereka tidak pernah ketawa dan jarang sekali tersenyum seolah-olah seluruh manusia terhutang kepada mereka dan akan tetapi mereka menganggap diri mereka berkait dengan Islam. Adakah memadai dengan berdiri tegas kepada musuh dan berkasih sayang sesama Muslim. Jawabannya ialah tidak. Al Quran berkata, "*Kamu lihat mereka ruku' dan sujud mencari kurnia Allah dan keridhaanNya.*" (48:29)⁸⁶ Ini berkata dari hal mereka-mereka yang memilih kedua-dua kualiti di atas iaitu ketegasan dan kemesraan dan ketika berdo'a dan sujud mereka tenggelam dengan dalam sekali dalam penyerahan sehingga kamu dapat melihat tanda-tanda kehormatan dan kesucian pada wajah-wajah mereka.

Telah diriwayatkan daripada Rasulullah yang pengikut Nabi Isa telah bertanya kepadanya dengan siapakah patut mereka bergaul dan beliau menjawab, "*Duduklah dengan seorang yang rupanya meningkatkan kamu kepada Tuham, percakapannya meningkatkan ilmunu dan perwatakannya memujukmu untuk berbuat kebaikan.*"⁸⁷ Ayat ini menyambung, "*Demikianlah sifat-sifat mereka dalam taurat dan sifat-sifat mereka dalam Injil, yaitu, seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya maka tunas itu menjadikan tanaman itu kuat lalu menjadi besarlah dia dan tegak lurus di atas pokoknya; tanaman itu menyenangkan hati penanam-*

penanamnya kerana Allah hendak menengkelkan hati orang-orang kafir.” (48:29)⁸⁸

Satu bangsa yang memiliki kesemua sifat-sifat di atas sudah tentu menjadi satu bangsa yang menarik perhatian. Sekarang beritahulah kepada saya mengapa orang-orang Islam menjadi begitu mundur, jinak dan sengsara? Kualiti yang mana satukah yang telah disebutkan tadi yang menjadi milik kita? Apakah yang boleh kita harapkan? Walaupun kita akui yang Islam adalah satu kepercayaan sosial, mengapakah kita patut **mencaci** ibadat dan do'a dan perhubungan dengan Tuhan? Biarlah saya memastikan kamu yang meringan-ringankan salat adalah satu dosa sepertimana mengeneplikannya juga adalah satu dosa.

Atas sebab kematian Imam Jaafar Sadiq, semuga rahmat Allah bersamanya, Abu Bassir datang untuk mengucapkan takziah kepada Ummu ul-Hamida, Ummu ul-Hamida menangis dan begitu juga dengan Abu Bassir. Ummu ul-Hamida kemudiannya meriwayatkan sesuatu yang terjadi di saat-saat akhir kehidupan Imam itu. Beliau berkata yang Imam itu sedang dalam keadaan khayal dan kemudian membuka matanya dan menyuruh saudara-saudaranya semua hadir. Selepas mereka berkumpul di sana, Imam itu pun berkata kepada mereka seperti berikut dan kemudian meninggal dunia. Beliau berkata, “Mereka yang meringan-ringankan sembahyang fardu tidak akan memperolehi syafaat kami.”⁸⁹ Kamu lihat yang beliau tidak bercakap dari hal orang-orang yang meninggalkan sembahyang fardu kerana akibatnya adalah jelas. **Apakah** yang dimaksudkan dengan ‘meringan-ringankan sembahyang fardu?’ Ini beerti yang di samping mempunyai masa dan peluang, seseorang itu masih menangguk-nangguk mereka dan hanya apabila waktu sudah begitu lewat, barulah salat dikerjakan dengan tergopoh-gapah dan tidak bersungguh-sungguh, tanpa memberikan ketenangan yang diperlukan kepada fikiran dan jiwa sebelum memulakan salat.

Pengalaman telah menunjukkan yang di dalam sebuah rumah di mana ahlinya meringan-ringankan sembahyang-sembahyang fardu, tiada minat ditunjukkan oleh ahli

keluarga itu untuk bersembahyang ataupun bersembahyang dengan betul. Seorang patut memiliki satu tempat berasingan di dalam rumah untuk mengerjakan perbuatan-perbuatan penyerahan ataupun jika boleh, sebuah bilik asing untuk mereka dan meneruskan dengan wudhu tanpa ragu-ragu dan membentangkan satu tikar sembahyang yang bersih diikuti oleh semua perbuatan-perbuatan awal dengan perkumpulan untuk Allah. Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, memulakannya dengan berkata: "Dengan nama Allah dan dengan bantuan Allah. Ya Allah tempatkanlah aku di kalangan mereka-mereka yang menyucikan diri."⁹⁰

Dua malam yang lalu saya bercakap dari hal taubat dan menerangkan yang taubat beerti menyucikan diri seseorang. Membasuh tubuh badan adalah permulaan kepada pembersihan jiwa, ia juga memberikan seseorang aspek yang suci. Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, di dalam wudhunya berdo'a kepada Tuhan untuk menerangi wajahnya pada hari perhitungan di mana banyak mukamuka adalah hitam dengan kemaluan dan dosa.⁹¹ Kemudian beliau berkata, "Ya Allah, pada hari perhitungan kelak, serahkanlah buku amalanku pada tangan kananku,"⁹² dan ketika membasuh tangan kirinya, beliau berkata, "Ya Allah, janganlah diserahkan buku amalankau pada tangan kiriku ataupun dari belakangku. Ya Allah, janganlah dibiarkanku dibelenggu hingga ke leherku. Aku memohon perlindunganmu daripada api neraka."⁹³

Kemudian sambil menyentuh kepalanya dengan air, beliau berkata, "Tenggelamkanlah aku di dalam rahmat dan rahimmu."⁹⁴ Kemudian ketika menyentuh kakinya beliau berkata, "Ya Allah, arahkanlah tenagaku kepada satu jalan kepuasanmu."⁹⁵

Wudhu yang sebegini yang diikuti oleh begitu banyak permohonan adalah berbeza nilai dan kelebihanannya daripada apa yang telah biasa kita lakukan. Kita tidak patut meringankan kesemua upacara-upacara ini dan membataskan diri kita sendiri hanya kepada bahagian yang wajib sahaja.

Marilah kita lihat apakah yang dikatakan oleh pehak berkuasa ugama dalam hal ini, Mestikah kita mengulangi **ayat** yang berikutnya ini untuk sebanyak tiga kali ataupun hanya sekali sahaja. "Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar."⁹⁶ Pehak berkuasa mungkin berkata, 'sekali sahaja sudah memadai kerana ia adalah wajib tetapi ulangan untuk kali kedua dan ketiga adalah sunat.' Patutkah kita berasaskan fatawa ini membataskan diri kita sendiri untuk mengucapkan do'a ini hanya untuk sekali saja?

Dalam cara yang sama, puasa juga boleh diringan-ringankan. Saya berkata hal ini sebagai satu jenaka, tetapi jika saya adalah Tuhan saya tidak akan menerima puasa-puasa yang demikian. Saya tahu setengah orang yang berjaga di malam-malam Ramadhad bukannya untuk beribadat dan berdo'a tetapi untuk meminum teh, merokok dan memakan buah-buahan. Pada waktu pagi, mereka bersembahyang dan kemudian terus tidur. Setengah-setengah daripada mereka tidur untuk **sepanjang** hari dan bangun ketika matahari hampir terbenam untuk mendirikan salat dengan tergopoh-gapah sebelum ianya terlambat dan dersiap-sedia untuk berbuka puasa. Jenis puasa apakah ini? Apabila kamu tidak memberikan dirimu peluang untuk merasai kesakitan berpantang? Ini adalah meringan-ringankan puasa dan ia adalah satu penghinaan untuk puasa.

Sekali lagi kita pergi ke Mekah tetapi menjalankan ibadah-ibadahnya dengan sambil lewa, sama seperti mengerjakan salat dan puasa. Sama juga dengan hal adzan, ia patut dilaungkan dengan melodi yang begitu baik untuk menjemput orang ramai menunaikan salat, dengan cara yang sama di mana Quran patut di baca dengan terang, lancar dan dengan suara yang baik. Setengah-setengah orang dianugerahkan dengan suara yang baik, tetapi jika kamu menyuruh mereka melaungkan adzan, mereka menganggap hina untuk menjadi seorang muizzin. Tetapi ia adalah sangat terhormat untuk menjadi seorang muizzin. Ali juga adalah seorang daripadanya, walaupun ketika ia menjadi khalifah. Tiada terdapat penghinaan yang dikaitkan dengan urusan ini

dan tiada penghormatan untuk meninggalkannya.

Dengan itu tiada satu pun ibadah yang patut diringankan. Kelebihan Islam ialah di dalam keseluruhannya, bukannya menyerap dalam penyerahan sehingga mengeneipkan tugas-tugas lain, tidak begitu bergiat di dalam hal-hal sosial sehingga melupakan perbuatan-perbuatan penyerahan. Walaupun salat ialah untuk kepentingan sendiri dan untuk pendekatan dengan Tuhan, jika kita menghina ibadah, kita sedang mengeneipkan tugas-tugas kita. Ibadah adalah eksekutif dan penjamin kepada suruhan-suruhan Islam yang lain.

Di sini saya mengakhiri perbincangan ini dan berdoa kepada Tuhan untuk menjadikan kita orang-orang yang benar-benar beribadat, untuk mengenalkan kita dengan keseluruhan Islam, untuk menjadikan kita **Muslim** dengan sepenuh hati, dan memberikan kita niat-niat yang suci, mengampunkan dosa-dosa kita dalam dalam malam yang berharga ini dan memberikan keselamatan kepada sekalian al-marhum dan al-marhamah kita.

Ibadah dan Salat (II)

Sesungguhnya salat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan munkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah adalah lebih besar (dari ibadat yang lain). (29:44)⁹⁷

Di dalam Islam, perlakuan peyerahan, sebagai tambahan kepada keutamaannya adalah sebahagian daripada program pelajarannya. Dengan keasliannya ia beerti menjadi tujuan ciptaan dengan tidak memandang kepada hal kehidupan manusia dalam sebarang sudut yang lain. Al Quran berkata, "*Dan aku tidak mencipta jin dan manusia melainkan untuk menyembah Aku.*" (51:56)⁹⁸

Ibadat ialah satu cara bagi manusia untuk dekat kepada Allah dan kesempurnaan seseorang yang sebenar. Iaitu, dalam menifestasi kepada kesempurnaan manusia terdapat tujuan di dalamnya. Ia berkeinginan untuk melatih individu-individu secara moral dan sosial, dengan ini satu cara yang paling berkesan terhadap moral dan jiwa manusia telah diambil. Ia membolehkan seseorang untuk melupakan dirinya dan minat dirinya sendiri.

Dalam hal-hal sosial, prinsip asasnya ialah keadilan, iaitu menghormati hak-hak orang lain. Inilah kesulitan utama manusia di dalam moral dan masyarakat. Tidak terdapat seseorang pun yang jahil dari hal moral dan keperluannya. Kesulitannya ialah dalam mempraktikkannya. Apabila manusia ingin mempraktikkan prinsip ini, ia terpaksa berhadapan dengan moral di satu pihak dan

kejujuran di satu pihak serta keuntungan di pihak yang lain. Seseorang itu patut samaada berlindung disebalik kesalahan dan kianat untuk memperolehi keuntungan. Di sini kita dapat melihat seorang manusia yang dari hal **keadilan** tetapi dalam praktiknya bertindak berlawanan dengan etik dan keadilan. Satu-satunya yang bertindak sebagai sokongan kepada moraliti, keadilan manusia dan membolehkan seseorang untuk mengenyepikan keuntungan ialah iman. Apakah iman? Ianya terdapat di dalam keadilan dan moraliti itu sendiri. Apabila seseorang percaya yang kedua-dua iaitu keadilan dan moraliti adalah suci? Apabila seseorang mempunyai iman di dalam asas kesucian, iaitu Allah. Dengan itu, seseorang adalah terbatas kepada keadilan dan moraliti kepada tahap yang sama sehingga seseorang itu terbatas kepada Allah dan beriman dengannya.

Inilah masalah masa kini: Sains sepatutnya memadai untuk manusia. Sekiranya kita mengenali keadilan dan moral **serta bertindak menurut mereka**, kita boleh menjadi adil dan bermoral. Tetapi sebenarnya telah ditunjukkan yang apabila ilmu dipisahkan daripada **iman**, **bukan sahaja** ianya tidak berguna untuk moraliti dan keadilan, malah ianya juga adalah merugikan. Seperti yang dikatakan oleh penyajak Sana'i, tetapi dengan iman, kedua-duanya iaitu moraliti dan **keadilan** dapat terus bertahan. Dalam Islam, menyembah Tuhan tidak disediakan sebagai sesuatu yang terpisah daripada moraliti dan keadilan.

Untuk menerangkan fakta ini, di sini ada satu soalan. Di manakah di dunia ini kamu lihat akan seorang yang bersalah maju ke hadapan dengan sendirinya untuk menerima hukuman? Orang yang bersalah selalunya lari daripada keadilan. Satu-satunya kuasa yang boleh membuatkan manusia menyerah kepada hukuman dengan rela ialah iman. Banyak contoh-contah ini dapat kita lihat di dalam zaman permulaan Islam. Islam telah menetapkan hukuman untuk setiap maksiat, pada waktu yang sama ia berkata, "Hukuman-hukuman adalah ditinggalkan kiranya terdapat sedikit keraguan." Islam tidak memaksa seorang hakim ataupun gabenor untuk mencari-cari orang yang bersalah

untuk mara ke hadapan buat menerima hukuman. Hal-hal begini sering terjadi di zaman Rasulullah dan Hadrat Ali. Seorang akan datang di hadapan mereka memohon untuk dihukum demi untuk menyucikan dirinya sendiri.

Seorang lelaki datang kepada Rasulullah, mengakui telah berbuat zina. Dalam hal-hal yang demikian pengakuan itu patut diulang sebanyak empat kali untuk boleh dipercayai. Rasulullah berkata, "Mungkin kamu bermaksud yang kamu telah menciumnya," lelaki itu berkata, "Tidak, ia adalah zina." Rasulullah berkata lagi, "Mungkin kamu hanya mencubitnya," dengan harapan yang lelaki itu akan berkata, "Ya," dan kemudian dia kan diampunkan. Tetapi lelaki itu memberikan jawapan yang negatif. Dialog ini akan berterusan sehingga ia adalah jelas yang zina telah dilakukan dan lelaki itu memohon agar dihukum demi untuk bebas daripada hukuman di akhirat kelak.

Terdapat satu lagi peristiwa di mana seorang wanita datang kepada Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, dan berkata, "Ya! Amir ul mukminin, aku telah berkahwin dan di dalam peninggalan suamiku, aku telah berzina dan sekarang aku mengandung. Aku ingin disucikan daripada dosaku ini." Hadrat Ali berkata, "Satu pengakuan sahaja adalah tidak memadai. Ia patut diulang sebanyak empat kali." Kemudian beliau berkata, "Hukuman untuk seorang wanita yang telah berkahwin kemudian melakukan zina ialah direjam hingga mati. Sekiranya kamu menerima hukuman ini, apakah yang akan terjadi kepada anak di dalam kandunganmu? Bayi itu tidak melakukan sebarang kesalahan dan tidak boleh direjam. Pergilah sehingga anakmu itu dilahirkan."

Selepas beberapa bulan, wanita itu datang sekali lagi. Kali ini bersama dengan anak di pangkuannya dan meminta untuk disucikan kerana bayi itu telah pun lahir. Ini adalah pengakuannya yang kedua. Sekali lagi Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, berkata, "Kami mungkin merejam kamu tetapi bayi ini tidak bersalah. Ia memerlukan susu dan ibu untuk menjaganya. Dengan itu, pergilah sekarang kerana bayi itu memerlukan kamu."

Dengan perasaan tidak selesa wanita itu pun kembali ke rumahnya dan selepas dua tahun muncul di hadapan Imam, dan berkata, "Sucikanlah aku sekarang kerana bayi ini telah pun jarang menyusu dan sedang membesar." Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, berkata, "Pergilah. Anak ini masih memerlukan seorang ibu." Ibu itu menangis sambil berkata, "Ya Allah, aku telah mengakuinya sebanyak tiga kali dan sebanyak tiga kali jugalah Imam ini mengusirku dan enggan merejamku. Aku tidak tahan dicemari dengan dosa."

Secara kebetulan, seorang munafiq yang bernama Amr bin Hani telah melihat wanita itu dan bertanya akan halnya. Dia pun menerangkan apa yang terjadi dan lelaki itu berkata, "Saya akan menyelesaikan hal ini. Berikan aku anak itu dan izinkanlah aku menjadi penjaganya." Wanita itu tidak sedar yang Ali tidak inginkannya untuk mengakui perbuatannya untuk kali keempat.

Mereka kembali kepada Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, dan wanita itu memohon untuk disucikan kerana lelaki itu telah bersetuju untuk menjaga anak itu dan mendesak untuk menerima hukuman. Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, berasa begitu tidak selesa kerana hal itu telah sampai ke kemuncaknya di mana tidak ada pilihan lain untuknya kecuali untuk mengarah agar wanita itu dihukum.

Ini adalah contoh kepada iman yang sebenarnya di dalam ugama yang memerangkan kesedaran seseorang dan menyerah kepada keadilan. Tujuan ibadah ialah untuk menghidupkan kembali cara hidup seseorang dan memberikan kesegaran dan kekuatannya. Lebih tinggi iman seseorang maka dia akan berpaling kepada Tuhan dengan lebih lagi dan lebih kuranglah maksiat-maksiat yang dilakukannya. Melakukan maksiat ataupun tidak, bukanlah menjadi kemasyghulan ilmu, ianya adalah merupakan kemasyghulan iman dan melalaikan iman membawa kepada maksiat.

Biarlah saya menerangkan satu fakta dari hal kebersihan para nabi dan para Imam. Apakah yang dimaksudkan dengan ini? Kamu mungkin berkata yang mereka tidak pernah berbuat maksiat. Itu adalah benar,

tetapi terdapat dua jawaban kepada hal ini. Satu daripadanya ialah Allah dengan sengaja menghalang mereka daripada melakukan maksiat. Jika ini adalah halnya, dengan itu, tidak melakukan dosa bukanlah satu pencapaian. Jika inilah halnya, tidak seorang pun boleh berbuat maksiat, kerana dia telah dihalang oleh satu kuasa melebihi dirinya sendiri. Dengan itu, para nabi dan imam boleh dianggap tidak memiliki sebarang ketinggian daripada orang lain melainkan mereka ini dilayan dengan diskriminasi oleh Allah. Dengan itu bukanlah persoalan keinginan mereka untuk melakukan maksiat tetapi dihalang daripada berbuat demikian oleh Allah.

Kesucian adalah darjah iman yang tinggi kepada Allah dan sentiasa memikirkannya. Seorang yang tidak beriman jarang sekali ataupun tidak pernah berfikir mengenai tuhan, orang ini adalah pada keseluruhannya lalai. Terdapat juga orang-orang lain yang kadang-kadang lalai dan melakukan maksiat dalam keadaan lepa, tetapi apabila mereka berpaling kepada Tuhan, mereka dengan natural menjauhkan diri dari maksiat. Tetapi jika iman memperolehi kedudukan kekal sentiasa berfikir mengenai Tuhan, yang sempurna, seorang itu tidak pernah lalai malah perbuatannya adalah berasaskan kepada iman.

Al Quran merujuk kepada mereka-mereka yang bergiat dalam berjual beli tetapi tidak pernah melupakan Tuhan. Ia tidak berkata dari hal menjauhkan diri daripada berjual beli dan perdagangan. Islam tidak menghalang perniagaan. Sebaliknya ia menggalakkan perkerjaan dan pada waktu yang sama berharap agar seorang itu berfikir mengenai Tuhan dan dengan itu tidak pernah melakukan dosa.⁹⁹

Biarlah saya memberikan satu contoh. Pernahkan terjadi kepada kamu yang kamu **meletakkan** tanganmu ke dalam api dengan sengaja? Ia tidak terjadi sebagai satu **undang-undang kecuali jika kamu** ingin membakar dirimu sendiri. Kenapakah kita menjauhi api? Kerana ilmu kita memberitahu yang ia adalah merbahaya dan kita pasti akan pengetahuan ini. Dalam cara ini kita adalah suci dalam

kaitan kepada api dan kepastian serta kepercayaan kita dari hal api bertindak sebagai pemeriksa.

Rakan-rakan Tuhan juga adalah tidak bersalah kerana mereka adalah pasti dari hal kuasa pembakaran dosa-dosa dan dengan itu berfikir dari hal Tuhan dan mendekatkan diri kepada moraliti, keadilan dan hal-hal yang membolehkan mereka untuk menjauhi maksiat. Dalam Islam Kehidupan di dalam kedua-dua dunia adalah saling kait mengait. Sebaliknya ugama Kristian, memisahkan perhitungan disetiap dunia. Contohnya, aspek keduniaan lain mengenai salat ialah mengingatkan Tuhan dan menakutiNya, kalau tidak mengapakah banyak upacara diperlukan. Menjadi bersih di dalam badan tidak membawa sebarang perbezaan kepada pendekaran dengan Tuhan kerana Dia berfirman, "*Apabila kamu hendak mengejakan salat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu hingga ke siku.*"¹⁰⁰

Kebersihan telah dipasangkan dengan perbuatan-perbuatan penyerahan. Sekali lagi menurut arahan, "Apabila badanmu tidak suci maka basuhlah diri kamu keseluruhannya." Tempat ibadah kamu mestilah halal dan tidak dirampas. Begitu juga dengan tikar sembahyang dan pakaian-pakaian kamu. Jika seutas benang daripadanya telah diperolehi dengan cara yang haram, salatmu adalah batal dan tidak sah. Sekali lagi, ibadah patut dicantum dengan penghormatan kepada hak-hak orang lain. Jika sebuah rumah dirampas dengan paksa, ibadah sembahyang di dalamnya adalah tidak sah baginya yang telah melanggar hak-hak **pemilikny**a. Rumah yang demikian patut dibeli oleh perampasnya demi untuk mendapat ganjaran kepada ibadah-ibadahnya ataupun kepuasan hati pemiliknya patut dijaga terlebih dahulu. Hal yang sama juga digunakan kepada pakaian dan permaidani lebih-lebih lagi cucai terpaksa **dibayar** oleh penyembah, ia perlu dibayar.

Kemudian kita diberitahu untuk menghadap kaabah ketika salat.¹⁰¹ Di manakah kaabah? Ia adalah merupakan rumah ibadat yang pertama sekali dibina untuk beribadat kepada Allah. Setiap orang mesti menunaikannya sambil berdiri menghadap ke arah masjid yang pertama yang dibina

oleh Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail. Kenapakah kita perlu menghadapnya? Adakah Allah di sana? Al Quran berkata, [*"Ke manapun kamu menghadap di situlah wajah Allah."*]¹⁰² Mengapakah kita perlu menghadap kaabah? Ia bermaksud sebagai satu pengajaran sosial kepada semua orang untuk menghadap satu tempat kerana menghadap sebarang arah yang dikehendaki oleh seseorang, beerti perpecahan dan kacau bilau. Dengan itu, menghadap ke rumah ibadat yang pertama adalah penyerahan.

Sekali lagi kita telah diberitahu iaitu terdapat masa yang terbatas untuk penyerahan, mahupun kepada minit.¹⁰³ Waktu bagi ibadat salat subuh ialah di antara terbit fajar hingga terbit matahari, dan mengerjakannya walaupun satu minit sebelum fajar ataupun satu minit selepas terbit matahari menjadikannya tidak sah. Kamu tidak boleh memberikan sebab mengantuk, kerana ini tidak ada maknanya bagi Tuhan kerana semua waktu adalah sama kepadaNya. Tetapi tujuan memberikan perhatian kepada masa ialah untuk melatih dan mendidik manusia. Ketepatan pada waktu yang sama juga digunakan untuk waktu salat zohor, asar, maghrib dan Isyak.

Salat dan ibadat tidak dapat dipisahkan. Di dalam salat kamu adalah terbatas **dari** mengerjakan apa saja yang kamu suka, seperti mengenangkan sesuatu yang sedih dan mengetawakan **peristiwa** yang lucu. Salat ialah mengawal perasaan-perasaan. Tidak boleh menoleh ke sebarang arah kecuali satu titik di hadapan, tidak boleh menjeling pada apa-apa pun yang mungkin menarik perhatian kamu. Kamu juga tidak dibenarkan untuk makan dan minum ketika salat. Semua penyimpangan-penyimpangan demikian adalah berlawanan dengan jiwa ibadah yang memerlukan pengawalan diri secara total.

Fakta yang lain ialah pengawalan badan. Pergerakan yang tidak diperlukan oleh anggota-anggota badan sewaktu berdiri, sewaktu ruku' dan sujud adalah tidak dibenarkan. Seluruh badan mesti tenang dan setimbang sebelum mengucapkan rangkai kata 'Allahu Akbar.' Sekiranya kamu merasa sakit di setengah behagian daripada badan kamu,

berehatlah untuk seketika di dalam posisi yang sama sebelum menyambung salat kamu.

Sekarang kita datang ke badagian salat yang lain yang beerti hanya perhatian kepada Tuhan, dan kita mengucapkan rangkai kata, "Salam ke atas semua hamba-hamba Allah yang saleh."¹⁰⁴ Ini adalah pengumuman keamanan dan kebajikan terhadap semua makhluk. Ini beerti mencampurkan ibadah kepada Tuhan dengan hal-hal pelajaran. Di dalam hal-hal spiritual, lebih banyak seseorang melupakan dirinya sendiri, adalah lebih baik, tetapi dari sudut sosial, seorang itu tidak boleh melupakan orang lain.

Di dalam bab pertama Al Quran yang kita bacakan sebagai sebahagian daripada ibadah salat, "Hanya Engkaulah yang kami sembah dan hanya kepada Engkau sajalah kami meminta pertolongan." Di sini kita tidak menggunakan perkataan 'Aku' tetapi kita menggunakan perkataan 'kami' demi untuk menunjukkan yang semua orang-orang Islam adalah berkaitan di dalam masyarakat Islam. Di dalam Islam 'Aku' sentiasa digantikan dengan 'kami'. Semua ini adalah pelajaran untuk dipelajari. Apabila kita berkata, "Allahu Akbar" adakah kita sedang menggambarkan ketakutan kita kepada Tuhan? Adalah natural bagi manusia untuk takut kepada apa saja yang lebih besar daripadanya, samaada ia adalah gunung, laut ataupun orang yang berkuasa. Tetapi apabila kita berkata, "Allah Maha Besar" di dalam cara yang menawan, tiada sesuatu yang lain dan tiada seorang pun yang boleh menakutkan kita dengan kebesaran mereka, semua benda adalah tidak penting dibandingkan denganNya.

Hadrat Ali berkata, "Allah telah menjelmakan dirinya di dalam jiwa orang-orang yang benar-benar beriman dan dengan itu setiap benda lain yang tidak berkaitan dengan Allah dipandang kecil pada kaca mata mereka."¹⁰⁵

Kekecilan dan kebesaran adalah sudah tentunya, relatif. Jika kamu adalah di tempat-tempat yang lebih kecil sebelum kamu datang ke dewan ini, maka dewan ini akan kelihatan begitu besar untuk kamu, sebaliknya juga adalah benar. Dengan itu, mereka-mereka yang mengenali kebesaran

Tuhan, menganggap benda-benda lain tidak beerti. Sa'di berkata yang bagi orang-orang sufi tiada sesuatu pun yang ujud kecuali Tuhan dan hanya mereka-mereka yang memahami kebenaran sedar makna kata-katanya manakala orang-orang lain mengkritiknya kerana kata-katanya itu. Beliau kemudian berkata, "Jika tidak ujud sesuatupun melainkan Allah dengan itu apakah dia langit dan bumi dan manusia dan raksaksa dan binatang buas? Beliau menjawab soalan ini sendiri dengan berkata yang semua benda-benda ini adalah terlalu kecil untuk berkata dari hal keujudan mereka dibandingkan dengan lautan dan setitik air.

Apabila kamu mengucapkan rangkai kata 'Allah Maha Besar' dengan penuh keikhlasan, kebesaranNya menjelma di hadapan kamu dan dengan itu tiada ada benda lain yang cukup penting untuk dipuji ataupun ditakuti ataupun ditunjukkan kerendahan diri. Dengan cara ini, penyerahan kepada Tuhan membawa kepada kebebasan; kamu menjadi Hamba Allah tetapi bebas dalam kaitan dengan benda-benda lain. Setiap perkataan yang berikutnya di dalam salat mempunyai makna yang menggambarkan kebesaran Tuhan, "Allah Maha Besar. Maha Suci Allah, puji-puji bagi Allah, Kesucian bagi Tuhanku yang Maha Besar dan aku sedang memujiNya. Maha Suci Tuhanku yang Maha Tinggi dan aku sedang memujiNya."

Banyak rangkai kata-rangkai kata lain yang telah digunakan di dalam ibadah salat. Seorang bertanya kepada Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, mengapakah di dalam setiap rakaat ibadah salat terdapat dua kali sujud dan hanya satu ruku. Sudah tentu kamu tahu yang sujud menunjukkan lebih banyak kemaluan daripada ruku'. Dalam sujud, kepala iaitu bahagian badan yang paling penting, diletakkan ke tanah yang rendah, sebagai tanda kemaluan dan ibadah.

Sebagai jawapan, Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, berkata, "Di dalam sujud yang pertama kamu sedang mengingatkan diri kamu sendiri yang kamu adalah dicipta daripada tanah dan di dalam sujud yang kedua kamu ingat yang kamu akan mati dan kembali kepada tanah dan

dengan mengangkat kepalamu sekali lagi, kamu ingat akan hari bila kamu akan dibangkitkan semula untuk hidup yang akan datang.¹⁰⁶ Biarlah saya memberitahu kamu berkaitan dengan kepentingan sembahyang harian iaitu setiap orang adalah bertanggungjawab bukan sahaja dalam melaksanakan perbuata-perbuatan penyerahannya sendiri tetapi juga untuk sekalian ahli keluarga. Rangkai kata ini telah dikatakan kepada Rasulullah, "Ajaklah keluargamu bersembahyang dan bersabarlah dengannya." Arahan ini bukan sahaja kepada Rasulullah; semua kita adalah bertanggungjawab untuk melaksanakannya.

Bagaimana pula dengan kanak-kanak? Patutkah mereka dilatih mengerjakan salat dari kanak-kanak? Suruhannya ialah kanak-kanak patut diajar untuk mengerjakan ibadah salat dari usia tujuh tahun. Sudah tentu, mereka tidak dapat melafazkan ayat-ayatnya dengan sebutan yang betul tetapi mereka boleh dilatih untuk menjalankan bertuknya sebagai satu tabiat apabila mereka memulakan pelajaran awal mereka. Walau bagaimanapun, perlu diingat yang paksaan tidak boleh digunakan di dalam hal ini. Mereka perlu dianjurkan dan diberi peluang untuk malakukannya dengan rela. Terdapat banyak cara penganjuran seperti memuji, ganjaran, menunjukkan kasih sayang yang lebih banyak dan menyediakan keadaan sekeliling yang membantu untuk mencapai perbuatan yang demikian.

Membawa seorang kanak-kanak ke upacara sembahyang berjemaah di masjid adalah satu cara yang berkesan untuk menganjur dan melatih beragama. Malah orang-orang dewasa juga terpengaruh dengan semangat beribadah dalam berkumpul. Kelalaian dalam membuatkan ziarahan tabii ke tempat-tempat penyerahan mengakibatkan kekurangan yang kerap dalam kecenderungan untuk melakukan ibadah salat. Ini adalah khususnya benar bagi kanak-kanak yang tidak dibesarkan untuk menganggap hal ini sebagai tugas ugama dan mereka yang apabila sampai ke usia kekelakian, agak lalai terhadapnya.

Sekiranya tentangan dikemukakan yang masjid-masjid adalah sentiasa tidak dijaga dengan cukup bersih untuk menarik orang ramai ataupun khutbah-khutbah yang disampaikan kadang-kalanya membosankan, ini adalah hal-hal yang boleh diperbaiki dan bukannya alasan untuk mengeneipkan tugas-tugas agama. Al Quran berkata. *"Apakah yang memasukkan kamu ke dalam Saqar (nereka)? Mereka menjawab, "Kami dahulu tidak termasuk orang-orang yang mengerjakan salat dan kami tidak pula memberi makan orang-orang miskin dan adalah kami membicarakan yang batil bersama-sama dengan orang-orang yang membicarakannya." (74:42-45)¹⁰⁷*

Sekarang kamu faham mengapa dalam Islam ibadah salat telah dipanggil tiang agama oleh Rasulullah kerana setiap benda akan diterima apabila ibadah salat dilaksanakan dengan betul. Di akhir kehidupannya, Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, menjemput orang ramai untuk memberi perhatian kepada kata-kata dari hal salat yang lebih penting. Kamu mungkin telah mendengar yang pada hari Ashura (10 Muharam) apabila Imam Hussain dan pengikut-pengikutnya telah syahid, kesyahidan Imam Hussain terjadi di waktu zohor, dengan itu pada waktu tengah hari kebanyakan daripada ahli keluarga dan para sahabat beliau masih hidup, dan hanya tiga puluh orang daripada mereka dibunuh sebelum tengah hari. Salah seorang daripada sahabat Imam sedar yang waktu telah pun tengah hari dan sudah masuk waktu untuk mengerjakan salat. Beliau meminta Imam untuk mengadakan upacara sembahyang berjemaah. Imam itu bersetuju dan berkata, "Kamu telah mengingati salatmu dengan itu semuga Allah menjadikan kamu seorang yang berserah di dalam salatmu."

Adalah layak bagi pahlawan ini untuk diperkatakan sedemikian oleh Imam itu. Pada sebarang keadaan, mereka mengerjakan salat bersama-sama di medan perang, ibadah salat yang dipanggil 'salat dalam ketakutan,' menurut faqih, mengandungi dua rakaat dan bukannya empat kerana ianya perlu cukup ringkas untuk memerhatikan barisan pertahanan daripada musuh dan apabila setengah daripada

tentera mengerjakan salat yang setengah lagi bersiap sedia jika musuh menyerang. Kemudian kumpulan itu bertukar tempat untuk menjalankan ibadah salat dan tugas ketenteraan.

Imam Hussain, semoga rahmat Allah bersamanya, mengerjakan ibadah salat dengan cara ini, tidak jauh daripada barisan musuh. Musuh yang tidak berperasaan malu itu tidak pun meninggalkan mereka dalam ketenangan mahu pun di dalam waktu ini dan meneruskan serangan-serangan dengan panah-panah dan anak panah-anak panah mereka dan dengan menggigit lidah, mengejek tentera-tentera yang berserah diri ini. Dua daripada lelaki yang melindungi Imam dalam ibadah salat itu jatuh disebabkan oleh anak panah-anak panah musuh. Salah seorang daripada mereka ialah Said bin Abdullah Hanafi yang berada di saat akhir kematiannya apabila Imam menamatkan salatnya. Apabila Imam menghampirinya, Said berkata, "Oh Abu Abdullah. Telahkah aku menjalankan Tugasku?" Beliau cuba berkata yang beliau berharap untuk berbuat lebih daripada itu.

Ini adalah ibadah salat Imam Hussain di Karbala. Di medan peperangan Karbala, sedang beliau tunduk ke hadapan beliau telah ditusuk oleh satu anak panah di dadanya, yang dicabutnya dari belakang. Di dalam sujudnya, wajah sebelah kanannya diletakkan di atas tanah kerana beliau telah terjatuh dari kudanya. Pada saat ini, beliau berkata, "*Dengan nama Allah dan dengan pertolongan Allah dan dengan ugama Rasul Allah dan tidak terdapat sebarang kebesaran ataupun kuasa kecuali pada Allah yang Maha Tinggi, Maha Besar Oh Allah rahmatilah Muhammad dan keluarganya yang suci.*"¹⁰⁸

Sebagai kesimpulan saya berdoa agar Tuhan menganugerahkan kita keakhirian yang gembira, memberikan kita ganjaran ibadah dan penyerahan kita kepadanya, menjadikan kita orang-orang yang benar-benar mengerjakan salat, mensucikan niat kita, melindungi kita daripada jin dan manusia dan memberikan keselamatan kepada sekalian al marhum dan ar marhamah kita.

Perbincangan kelapan

Taubat (I)

Dan (ingatlah kisah) Dzun Nun (yunus) ketika ia pergi dalam keadaan marah, lalu ia menyangka bahawa kami tidak akan mempersempitkannya (menyulitkannya), maka ia menyeru dalam keadaan yang seperti gelap. Bahawa tidak ada Tuhan selain Engkau, Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku adalah termasuk orang-orang yang zalim. Maka Kami telah memperkenankan doanya dan menyelamatkannya daripada kedukaan. Dan demikianlah Kami selamatkan orang-orang yang beriman.” (21: 87-88)¹⁰⁹

Dalam perbincangan saya yang akhir, saya telah menerangkan yang jika ibadah dan salat dijalankan dengan betul, akhirnya akan memimpin kepada pertalian yang sebenarnya dengan Tuhan. Manusia, menerusi ibadah akan menjadi hamba Allah yang sebenar dan hamba yang sebenar mempunyai pertalian yang betul dengan Tuhan. Dengan lain perkataan, untuk menjadi hamba Allah yang sebenar menunjukkan perjalanan yang suci yang memuncak dalam pertalian dengan Tuhan.

Malam ini saya ingin berbincang tentang peringkat perjalanan suci yang pertama, titik di mana kita mesti memulakan perjalanan kita ke arah pertalian dengan Allah. Dan ini ialah apa yang kita perlukan hari ini, kita masih belum mengambil sebarang langkah dalam jalan yang suci ini, bagi mereka-mereka yang sedang bergerak dalam arah ini.

Jika kita adalah makhluk yang praktikal, kita patut sedar akan langkah pertama dan peringkat pertama dan bagaimana kita patut memulakan ibadah kita.

Langkah yang pertama untuk pertalian dengan Tuhan ialah taubat, yang merupakan tajuk perbincangan saya malam ini. Apakah yang dimaksudkan dengan taubat dan apakah fitrah fisiologikalnya dan apakah akibatnya dari sudut spiritual? Untuk kebanyakan daripada kita, ia nampaknya sebagai satu hal yang mudah tetapi adakah kita pernah berfikir untuk menganalisisnya dari sudut ilmu jiwa? Taubat ialah satu sifat manusia yang membezakannya dari binatang-binatang. Manusia memiliki beberapa bakat yang tinggi dan kualiti-kualiti yang terpilih yang tidak didapati dalam binatang-binatang. Salah satu daripadanya ialah taubat. Ia bukan sahaja beerti hanya melafazkan rangkai kata, "Aku memohon keampunan dari Tuhan, yang Maha Tinggi dan aku bertaubat kepadaNya."¹¹⁰

Ia bukanlah sesuatu yang hanya dilafazkan dari mulut. Ia adalah merupakan peringkat kejiwaan dan rohani, satu revolusi fikiran dan rangkai kata yang di atas menggambarkan peringkat itu, tetapi ia bukanlah peringkatnya sendiri. Dengan itu, jika kita mengucapkan rangkai kata ini beberapa kali dalam sehari, ini tidak beerti yang kita telah bertaubat. Taubat yang sebenarnya sekali sehari membawa kita peringkat demi peringkat lebih dekat kepada Tuhan.

Sebagai pengenalan, biarlah saya katakan iaitu terdapat perbezaan antara benda-benda yang tidak hidup dan benda-benda yang tidak hidup kenyataannya ialah benda yang tidak hidup tidak mempunyai sebarang kemampuan untuk menukar tujuan yang mereka ikuti dengan kuasa mereka sendiri seperti revolusi bumi mengelilingi matahari ataupun pergerakan bintang-bintang di orbit-orbit mereka ataupun seketul batu yang dijatuhkan daripada satu ketinggian dan ditarik ke bawah oleh kuasa graviti. Di sana mesti terdapat satu faktor luar yang boleh membebaskan mereka daripada tujuan-tujuan tabii mereka.

Di satu pihak yang lain, benda-benda hidup seperti

tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang mempunyai kebolehan untuk menukar tujuan diri mereka dan jika mereka berjumpa dengan keadaan-keadaan yang tidak selaras dengan kehidupan mereka dan penyambungannya, mereka sendiri akan menukar tujuan mereka. Apabila seekor biri-biri, seekor merpati ataupun seekor lalat menemui sesuatu halangan di dalam perjalanannya, ia akan menukar arahnya malah hingga ke satu tahap seratus lapan puluh darjah, dengan itu bergerak di satu arah yang bertentangan.

Malah tumbuhan juga boleh memilih dan menukar arah di dalam limit-limit dan keadaan-keadaan yang tertentu. Apabila akar-akar sebatang pokok sampai ke seketul batu, mereka akan menukar haluannya.

Dalam hal ini, manusia juga adalah seperti tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang. Taubat sebenarnya adalah pengalihan haluan, tidak semudah seperti tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang, tetapi sesuatu yang lebih kompleks dan bernilai untuk dianalisa.

Taubat adalah revolusi batin manusia menentang dirinya sendiri. Tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang tidak bertindak berlawanan dengan diri mereka sendiri, tetapi manusia mempunyai kebolehan untuk berbuat **demikian**. Bangunnya satu kumpulan manusia menentang kumpulan yang lain adalah merupakan satu hal yang natural dan biasa kerana kita mengharapkan agar orang-orang yang ditindas bangun menentang orang-orang yang menindas. Ini juga adalah benar dari hal **kebangkitan** sebuah negara ataupun bangsa yang lain. Tetapi kebangkitan seorang menentang dirinya sendiri bukanlah sesuatu yang sangat mudah dan biasa. Kenapakah ianya terjadi? Sebabnya ialah: disamping memiliki satu badan, manusia adalah secara intelek dan spiritual satu makhluk yang kompleks. Manusia adalah merupakan campuran keganasan binatang dan hawa nafsu di satu pihak manakala di pihak yang lain ialah kualiti-kualiti malaikat. Kadang kala si babi mengambil alih arahan, tidak memberikan pilihan lain kepada keganasan, hantu ataupun malaikat untuk bertindak. Tiba-tiba satu bahagian memberontak menentang undang-undang ini dan

merosakkannya bagi pihak dominasi yang lain terhadap aspek-aspeknya.

Manusia yang diliputi dosa ialah seorang yang dikuasai oleh binatang liar ataupun hantu yang mana di dalamnya kualiti-kualiti malaikat dan kehormatannya telah dipenjarakan. Taubat ialah kebangkitan kualiti-kualiti yang mulia di dalam dirinya menentang aspek-aspek yang keji dan jahat, mengakhiri **penguasaan** mereka dan memusnahkan semua kekuatan-kekuatan mereka.

Sebaliknya juga adalah benar dan aspek-aspek asas manusia boleh menewaskan aspek-aspek mulia itu dan memerintah seseorang ke arah kemusnahannya sendiri. Adalah benar yang semua naluri dan kekuatan-kekuatan yang dianugerahkan kepada **manusia mempunyai** kegunaan dan mesti digunakan mengikut tempat dan masa yang betul. Tetapi terdapat limit untuk setiap satu daripada mereka yang mesti diperhatikan.

Seekor kuda dan anjing mesti dijaga demi untuk menjadikannya berguna. **Terdapat** syarat-syarat untuk perhatian yang betul buat mereka dan limit untuk menggunakan mereka. Untuk seorang kanak-kanak bermain adalah perlu demi untuk menggunakan tenaga-tenaga berlebihan dan untuk kanak-kanak itu belajar.

Adalah salah didikan untuk menghalang seorang kanak-kanak daripada sifat bermainnya yang natural. Adalah tidak natural untuk memaksanya menghadiri masyarakat orang-orang dewasa. Adalah salah bagi seorang mubaligh untuk memaksa anak lelakinya yang masih muda untuk memakai pakaian dan serban seorang mullah dan menghalangnya daripada mengikuti kehendaknya yang natural untuk bermain dengan kanak-kanak lain.

Kamu mungkin telah menemui kanak-kanak yang disebabkan oleh cadangan ayahnya yang mendesak untuk beberapa tahun, mengerjakan salat dan perbuatan-perbuatan penyerahan yang lain untuk beberapa tahun, tetapi apabila dewasa mereka tiba-tiba bertukar menjadi merdeka tanpa mengenali sebarang limit di dalam penipuan mereka. Kenapakah ianya demikian? Kerana naluri-naluri

natural telah ditekan dengan alasan untuk memajukan pelajaran-pelajaran spiritual yang lebih tinggi. Sudah tentu, kecenderungan ke arah kellahian dan ibadah membentuk sebahagian daripada fitrah kanak-kanak tetapi ia tidak perlu dikuatkan hingga ke satu tahap untuk memeriksa semua naluri-naluri naturalnya yang lain, setiap satunya mempunyai bahagian dan kepentingan dalam membentuk manusia yang sempurna. Jika tidak, apabila seorang kanak-kanak secara tidak sengaja terlihat sebuah filem sexi ataupun terjumpa dengan wanita, keseluruhan struktur yang dibina dengan paksaan akan runtuh dan mengakibatkan kemusnahan dan kerusakan yang tidak akan dapat diperbaiki lagi.

Taubat adalah agak berlawanan dengan perwatakan di atas. Apabila seseorang tenggelam dengan dalamnya di dalam maksiat dan nafsu, dan kualiti-kualiti malaikat di dalamnya tidak dikenyangkan, satu balak tiba-tiba menjelma. Manusia bukan sahaja memiliki satu mulut; ia memiliki beratus-ratus mulut untuk disuap, mulut nafsu, mulut cinta, dan mulut ibadah. Roh mesti disuap dengan ibadah dan penyerahan. Tetapi apabila ianya kelaparan, hasil kepada ketidakselesaian ini adalah buruk sekali. Seorang anak **mudaya** yang kaya dan segalanya telah diberikan untuknya, tiba-tiba membunuh diri. Setiap orang akan terfikir-fikir mengapa dia berbuat demikian. Alasannya ialah kerana kuasa yang suci telah dipenjarakan di dalamnya mengakibatkan kesakitan yang sangat yang melebihi daya tahannya daan mengambil jalan keluar itu. Kamu bertemu dengan seorang yang hidup mewah di dalam sebuah kebun yang cantik akan tetapi dia **masih** tidak berpuas hati dan tidak selesa. Oleh kerana dia adalah kekurangan nikmat-nikmat spiritual yang diperlukan olehnya dan mesti dihasilkan di dalam batinnya dan bukan lahirnya.

Dengan itu, taubat adalah reaksi jiwa manusia yang suci dan mulia, menentang sifat kebinatangannya yang rendah, tentangan yang suci oleh kualiti-kualiti malaikat menentang syaitan dan binatang-binatang buruk di dalam dirinya.

Bagaimanakah kemunduran ini terjadi? Terutama

sekali kamu patut ingat jika elemen-elemen yang suci di dalam personaliti manusia kesemuanya berada di luar tindakan dan dibelenggu keseluruhannya dan membuatkan perbezaan sebagai satu hal yang tidak mungkin, kemudian seseorang tidak akan dapat memperolehi kurnia taubat yang suci. Tetapi hanya dengan kehadiran beberapa orang yang baik dan suci sesebuah negara boleh menggerakkan revolusi, dengan itu keujudan bebepa elemen yang baik dan mulia di dalam diri manusia boleh memungkinan taubat. Sekiranya seseorang itu kenal akan Tuhan, taubat ini mungkin mengambil bentuk berpaling kepada Tuhan. Jika tidak, ia akan mengambil bentuk yang lain dan mungkin membawa kepada kegilaan.

Kita memanggil taubat satu reaksi. Apabila kamu melontarkan sebiji bola ke tanah, ia akan melantun. Melontar adalah aksi dan lantunan adalah reaksi. Berapa tinggi lantunan bola itu bergantung kepada dua benda: Pertama, kehebatan aksi, iaitu maksiat. Jika ianya adalah kecil, reaksinya akan menjadi kecil dan jika ia adalah besar, reaksi di dalam jiwa akan menjadi besar. Dengan itu, lebih kejam seseorang itu, dan lebih besar jenayahnya, lebih hebat lagilah reaksinya. Juru terbang kapal terbang Amerika yang mengebom Hiroshima, ketika melihat bandar yang dibomnya dan orang-orang tua serta muda yang telah dihapuskannya, kesedarannya telah merasai kepedihan hingga apabila ia kembali ke negaranya untuk menerima kalungan bunga di lehernya, dia adalah seorang yang berbeza keseluruhannya, walaupun sebab yang utama dia telah dipilih untuk tugas itu ialah kerana kekejamannya dan perasan tidak pedulinya. Dia boleh tersenyum dengan pujipujian yang disimbahi ke atasnya tetapi di dalam **kediamannya** yang tersendiri apabila dia bersendirian dengan kesedarannya dia telah merasai dirinya sebagai seorang penjenayah yang bukan-bukan hingga dia mengakhiri hidupnya di rumah orang-orang gila.

Bushr ibn Artas adalah seorang general Muawiyah yang paling **kejam**. Polisi Muawiyah ialah untuk menghantarnya atau orang-orang yang keras hati sama seperti dia sebagai

ketua-ketua tentera untuk menembusi barisan hafapan Ali dan berbuat seberapa banyak kerusakan yang mungkin. Mereka telah dibebaskan untuk membunuh, membakar, merampas dan memusnahkan. Pada satu ketika Bushr ini telah menyerang Yaman, melakukan banyak jenayah termasuk menawan dan memenggal kepala dua orang lelaki Ubaidullah ibn Abbas, sepupu Ali yang menjadi gaenor di sana. Selepas itu disebabkan oleh perbuatannya yang **huduh** itu kesedarannya telah mengganggunya dengan begitu banyak sekali sehingga tidak sesaat pun samaada di dalam tidur ataupun sedar dapat dia melupakan perbuatannya yang berdarah itu. Akhirnya dia keluar dan menunggang kuda kayu di atas jalan raya dengan pedang kayu di satu tangan dan cemati di tangan yang lain, diikuti oleh kumpulan kanak-kanak yang meneriak dan mentertawakannya.

Faktor yang kedua di mana kehebatan reaksi taubat bergantung kepada **fitrah kesedaran seseorang dan kekuatan imannya**. Inilah sebabnya mengapa kesalahan yang kecil yang susah untuk dipanggil maksiat membangkitkan kesedaran mereka-mereka yang tegas dan kuat jiwanya, sementara kebanyakan daripada kita boleh melakukan beratus-ratus kesalahan ini setiap hari tanpa merisauinya.

Kesucian dan kekuatan jiwa seseorang sentiasa berada di tahap taubat. Salah seorang daripada orang-orang ini ialah guru saya Haji Mirza Ali Agha Sirazi. Pada satu ketika beliau telah melawati kami di Qum dan kemudian menjemput saya untuk menemaninya ke satu perhimpunan, di mana, seperti yang terjadi, sajak-sajak Parsi dan Arab telah dibacakan. Beliau mengambil bahagian yang aktif dalam perbincangannya dan adalah di kalangan mereka-mereka yang membaca sajak. **Tidak pernah saya sedar** yang beliau mempunyai ilmu yang dalam di dalam bidang ini. Sajak ini adalah dari penyajak Sa'di dan Hafiz dan lain-lain seperti mereka. Sudah tentu, untuk membacakan sajak, terutamanya sajak yang begini adalah tidak berdosa. Tetapi membaca sajak di waktu malam adalah tidak begitu baik dan apabila kami meninggalkan rumah itu beliau tetap mengulang

kata-kata taubat seolah-olah beliau telah melakukan dosa yang besar sementara ramai di antara kita tidak akan risau dari hal perbuatan-perbuatan yang boleh dianggap lebih salah.

Hukuman-hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah kepada manusia yang demikian ialah yang kita adalah tidak bernilai untuk mereka. Manusia ini mempunyai tabiat untuk bangun dua jam sebelum subuh dan adalah dengan contohnya saya faham akan erti penyerahan, ketuhanan, taubat dan penyerapan keseluruhannya di dalam Tuhan. Tetapi pagi esoknya beliau bangun terlewat dari biasa untuk salat dan beliau berkata yang ini adalah hukuman Allah kerana beliau telah mendengar sajak pada malam sebelumnya. Menurut kepercayaan beliau, seorang yang membazir dua jam di dalam pekerjaan yang demikian adalah tidak bernilai untuk dua jam yang diperlukan buat berapat dengan Tuhan.

Saya boleh memberikan kamu contoh yang lain. Jika kamu meninggalkan cermin di tempat yang kamu fikir udaranya adalah tulin dan baik, kamu akan melihat selapis habuk yang terkumpul di atasnya sejam kemudian. Walaupun kamu tidak merasa akan adanya sebarang debu di udara sebelum ini ataupun di atas dinding ataupun perkakas-perkakas rumah. Apabila dinding kotor tidak menunjukkan sebarang kotoran yang jelas dan jika ia dihitamkan dengan belangkin, kamu tidak dapat membezakan sebarang tanda kotoran ataupun lumuran di atasnya.

Apabila Rasulullah duduk di dalam perhimpunan, baginda dengan banyak kalinya mengucapkan perkataan-perkataan yang berikutnya sebagai taubat, "Aku merasai tanda-tanda kekeruhan di hatiku dan setiap hari aku bertaubat darinya sebanyak tujuh puluh kali."¹¹¹ Benda-benda demikian seolah-olah seperti cermin yang jelas untuk kita tetapi bagi mereka adalah kabur dan keruh. Walaupun bercakap dari hal Tuhan kepada kita manusia kelihatan keruh kepadanya di samping melihat Tuhan di dalam cermin keujudan kita.

Telah diriwayatkan oleh Ummu Salmah dan lain-lain

iatu dua bulan sebelum kewafatannya, di mana sahaja Rasulullah duduk ataupun berbuat sesuatu, baginda sentiasa melafazkan do'a yang berikut "Puji-puji bagi Allah. Aku memohon keampunan dariNya dan aku bertaubat dariNya." Ummu Salmah berkata, "Saya bertanya baginda mengapa beliau melafazkan taubat begitu kerap sekali dan baginda menjawab yang beliau telah diarah untuk berbuat demikian. Kemudian barulah kami sedar yang surah terakhir Al Quran telah diwahyukan kepada Baginda dan baginda telah merasa yang ia adalah pengumuman pengakhirannya. Surah ini ialah surah 110 yang mengandungi tiga ayat seperti berikut, *"Apabila telah datang pertolongan dan kemenangan, dan kamu lihat manusia masuk agama Allah dengan berbondong-bondong, Maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan mohonlah ampun kepadaNya, Sesungguhnya Dia adalah Maha Penerima Taubat."*¹¹²

Surah ini diwahyukan kepada baginda lebih lewat daripada ayat yang menyatakan dari hal kesempurnaan agama Islam dan Khilafat Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, dan ia memberitahu baginda yang tugasnya telah dijalankan dan telah sampai masanya bagi baginda untuk memikirkan tentang dirinya dan inilah sebabnya mengapa baginda terus menerus memuji Allah dan memohon keampunan daripadaNya.

Tetapi kita makhluk yang malang ini adalah seperti dinding yang berbelangkin dan maksiat yang berulang-ulang tidak melahirkan sebarang reaksi di dalam jiwa kita. Saya tidak tahu di mana dan untuk berapal lama di dalam jiwa kita, kita telah sesat dan sekarang juga mesti berpaling kepada Tuhan. Kemudian kita akan berada di titik mula perjalanan kita yang suci.

Seorang lelaki datang kepada Hadrat Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, meminta nasihat. Beliau berkata, *"Janganlah menjadi seperti mereka-mereka yang merindui hidup sesudah ini tetapi tidak berbuat apa-apa pun untuknya."* Sebenarnya, setengah daripada kita adalah seperti ini. Kita menuntut yang kita mencintai Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, tetapi ia bukanlah cinta yang benar kerana jika

ia adalah benar, nescaya kita akan memainnya dengan aksi. Orang-orang begini menganggap yang Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, memerlukan orang banyak, walaupun mereka bukanlah pengikut- pengikut yang benar. Tingkah laku yang sama juga adalah benar bagi mereka-mereka yang meratapi Imam Husain, semuga rahmat Allah bersamanya, tanpa diikuti oleh amal baik. Tetapi jika ia adalah cinta yang benar, mereka akan berbuat sesuatu untuk membuktikannya.

Nasihat Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, yang kedua ialah, *"Janganlah menjadi seperti mereka-mereka yang merasai bahawa taubat itu adalah perlu akan tetapi menanggung-nangguhkannya."* Orang ramai sentiasa berfikir yang mereka adalah terlalu muda untuk mula bertaubat kerana mereka melihat orang-orang tua beribadat dan bertaubat. Tetapi kebenarannya ialah usia muda adalah waktu untuk bertaubat. Ranting yang muda dapat diluruskan, tetapi apabila ia menebal, ia tidak akan melentur dengan sendirinya untuk mengubah bentuknya. Di dalam usia tua tiada tenaga lagi yang tinggal untuk mempraktikkan taubat. Pada waktu itu, belakang kita ialah untuk tunduk dengan dosa-dosa untuk melakukan taubat yang berkesan. Rumi, seorang penyajak, memberitahu sebuah cerita dari hal seorang lelaki yang telah menanam sejenis semak di jalanan. Apabila ia matang, beliau telah disuruh untuk mencabutnya, tetapi beliau berkata, "Ia adalah terlalu awal. Tiada apa pun untuk digesa-gesakan. Ia dapat dicabut dengan mudah." Beliau tetap memberikan alasan yang sama tahun demi tahun. Tetapi semak itu semakin menebal dan akar-akarnya semakin tegap dan duru-durinya semakin tajam dan lebih merbahaya, sementara lelaki itu menjadi tua dan bertambah lemah dan tidak mampu menarik semak itu bersama-sama dengan akarnya keluar.

Penyajak ini bermaksud untuk mengatakan yang kejahatan berakar dengan cepat di dalam diri seseorang. Kamu dapat membuangnya apabila usiamu masih muda tetapi apabila kamu menjadi tua kamu menjadi semakin tidak berdaya untuk menghalang mereka. Ia kemudiannya

adalah lewat untuk berbuat apa-apa pun. Saya bersumpah demi Tuhan yang melewati, walaupun satu jam adalah penting; begitu juga dengan satu malam ataupun satu jari. Hari ini adalah lebih baik daripada keesokkannya dan malam ini adalah lebih baik daripada malam esoknya untuk bertaubat. Sama seperti seorang membasuh dirinya untuk bersembahyang, dengan itu seorang itu patut terlebih dahulu bertaubat sebelum mengerjakan sebarang perbuatan penyerahan seperti salat, puasa, membaca al Quran, mengerjakan haji ataupun menghadiri ceramah-ceramah agama.

Seorang datang kepada Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, mendakwa dengan tegas akan niatnya untuk bertaubat. Imam itu sedar yang beliau tidak tekun dan beranya kepadanya, "*Tahukah kamu apakah dia Taubat? Ia adalah perbuatan yang bernilai untuk manusia yang tinggi, ia adalah peringkat fikiran yang suci yang membuatkan kamu rasa bahawa Allah telah menganugerahkan ke atasmu rahmatNya dan kamu dikelilingi oleh malaikat-malaikat. Kamu kehilangan egoismamu dan kamu rasa yang kamu telah disucikan.*"¹¹³ Seorang itu tidak perlu pergi kepada mubaligh ataupun manusia lain untuk bertaubat. Bertaubatlah kepada Tuhanmu sepertimana firmanNya di dalam Al Quran, "*katakanlah, 'Hai hamba-hambaku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa.'*" (39:53)¹¹⁴

Ayat yang berikutnya telah dipetik daripada hadis suci, "Raungan (taubat) orang-orang yang berdosa adalah lebih berharga kepadaKu daripada puji-pujian (kepadaKu), dengan itu kamu patut mengeluh dan meraung di malam-malam yang bernilai ini. Jadilah hakim dan badan pemeriksamu sendiri, mengakui semua dosa-dosa mu dan yakinalah yang Allah akan mengampunimu dan membersihkan jiwamu. Kemudian kamu akan merasai kemanisan ibadah, maksiat dan kenikmatan yang diperolehi daripada mereka seolah-olah begitu kecil sehingga tidak akan cenderung untuk melakukan mereka lagi ataupun

untuk menipu, memfitnah dan menuduh orang lain.”

Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, telah mengambil enam keadaan sebagai keperluan untuk taubat: Dua membentuk **dasarnya**, dua lagi adalah syarat penerimaannya manakala dua yang lain ialah untuk kesempurnaannya. Keenam-enam fakta ini akan dihuraikan di dalam perbincangan saya yang akan datang.

Kegembiraan yang sangat bagi orang-orang yang suci ialah sentiasa mengakui kesilapan-kesilapan, kesalahan-kesalahan, kehendak-kehendak dan kemiskinan-kemiskinan mereka kepada Tuhan dengan berkata yang mereka tidak menunjukkan apa-apa pun kecuali kelalaian sementara Allah tidak menganugerahkan yang lain kecuali bantuan dan rahmat. Doa yang berikutnya telah dipetik daripada Imam Hussain, semuga rahmat Allah bersamanya, *“Rabbku! apabila aku memerhatikan dosa-dosaku, aku diselubungi rasa takut tetapi apabila aku memandang rahmatMu, aku dipenuhi oleh harapan.”*¹¹⁵

Biarlah saya mengatakan beberapa perkataan dari hal tragedi Karbala. Pada 9 hb. Muharam, sehari sebelum kesyahidan Imam Hussain, semuga rahmat Allah bersamanya, tentera Umar ibn Sa's memulakan serangan atas arahan Ubaidullah ibn Ziad yang berniat untuk **melancarkan peperangan di waktu malam**. Imam Hussain, semuga rahmat Allah bersamanya, meminta tempoh melalui adiknya Abul Fadlal-Abbas untuk satu malam. Untuk menghilangkan syak wasangka yang beliau berniat untuk menangguhkan peperangan beliau pun berkata, “Wahai adikku, Allah sendiri tahu yang aku cinta untuk mengerjakan salatku untukNya dan malam ini yang merupakan malam yang terakhir untuk hayatku, aku lebih gemar untuk berbuat demikian dan untuk bertaubat serta memohon keampunan dariNya.”

Ini adalah merupakan satu malam yang dipenuhi dengan kegembiraan bagi mereka, dipenuhi dengan harapan untuk syahid. Mereka membersihkan dan mengemaskan diri mereka serta menggunting rambut. Mereka mengeneipkan satu kemah semata-mata kerana ini. Seorang akan berada di

dalam dan dua orang akan berdiri di luar apabila salah seorang daripada mereka mula berselorah. Seorang yang lain memberitahunya yang ini bukannya masa untuk keriang dan bergembira. Beliau menjawab yang sebagai undang-undang dia tidak akan berjenaka tetapi beliau merasa yang malam itu adalah malam untuk keriang.

Apabila orang-orang lain di pehak musuh mendekati kemah itu, mereka mendengar bunyi besing seperti lebah dan bertanya apakah ia. Mereka diberitahu yang Imam dan ahli keluarganya sedang sibuk berdo'a dan menyeru Nama Tuhan. Imam itu menghabiskan malam itu dengan penyerahan dan ibadat. Beliau melihat akan hal-hal keluarganya dan selepas itulah beliau memberikan khutbah yang fasih dan yang terakhir kepada pengikut-pengikutnya.

Biarlah saya meyakini kesalan di Karbala malam itu, kesalan yang benar di mana taubat-taubat mereka diterima. Hurr ibn Yazid Riahi. Beliau adalah pahlawan Kufa yang berani. Apabila Ibn Ziad ingin menghantar beribu-ribu orang untuk kali pertama menentang Imam Husain, semoga rahmat Allah bersamanya, Hurr ialah orang yang dipilihnya. Dalam berbuat demikian beliau telah menindas dan tersalah layan ahli keluarga Rasulullah. Dikatakan yang Hurr telah dilihat gementar seperti daun. Periwat yang sama begitu terperanjat dan mendekatinya lalu bertanyakan sebabnya dan samaada beliau takut. Hurr memberitahunya, "Tidak, aku tidak takut untuk berlawan tetapi aku melihat diriku sendiri di persimpangan antara syurga dan neraka dan aku sedang terpinga-pinga akan jalan yang patut aku ambil."

Akhirnya beliau memilih jalan yang benar. Perlahan-lahan beliau memalingkan kudanya dengan cara di mana orang lain tidak tahu akan apa yang ingin dilakukannya. Apabila beliau sampai ke satu tahap, beliau memacu kudanya hingga beliau tiba ke kemah Imam dengan perisai terbalik ke belakang sebagai tanda datang untuk keamanan.

Melihat Imam, beliau menjerit, "Adakah taubatku diterima?" Imam berkata, "Ya." Kewiraannya begitu tinggi sekali sehingga beliau tidak menyalahkan Hurr atas kelakuannya yang lampau. Hurr memohon agar Imam

membenarkannya untuk pergi berperang. Imam berkata, "Kamu adalah tetamu kami. Turunlah dari kudamu dan tinggallah bersama kami untuk seketika." Tetapi beliau berasa malu, membisikkan kepada dirinya dengan rasa malu disebabkan oleh tindakannya yang lampau, yang telah melakukan maksiat terhadap keluarga Rasulullah. Inilah sebabnya beliau sekali lagi meminta agar Imam mengizinkannya untuk pergi dan berperang dengan musuh, yang sedang menyerang, kalau tidak seorang dari anak kecil akan melihatnya dan ini akan membuatkan beliau mati kerana malu.

Perbincangan Kesembilan

Taubat (II)

“Ya Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberikan rahmat kepada kami, niscaya pastilah kami termasuk orang-orang yang rugi.” (7:23)¹¹⁶

Dalam perbincangan saya yang lalu, saya telah pun menghuraikan yang taubat adalah langkah yang pertama bagi orang-orang yang menyerah di dalam jalan untuk pertalian dengan Allah dan saya berjanji untuk menyebut di dalam perbincangan ini akan perghuraian Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, dari hal syarat-syarat dan tingkat tubat. Sebelum berbuat demikian, saya ingin menjawab soalan ini, “**Bilakah** masa untuk taubat dan bilakah ianya akan diterima?”

Seseorang itu mempunyai masa untuk bertaubat sepanjang waktu hidupnya dan sebelum kedatangan mati. Apabila seseorang itu berada di dalam genggaman maut, tidak ada masa lagi yang tinggal untuknya selamat menerusi taubat. Mengikut interpretasi hadis, waktu kematian ini ialah ketika di mana seseorang merasa dan melihat mati dan mendapat bayangan dunia yang akan datang.

Taubat di dalam dunia yang akan datang tiada mempunyai makna kerana seseorang itu tidak berada di dalam kedudukan untuk bertaubat ataupun ia tidak boleh menjadi benar lagi. Tetapi sebab mengapa di saat kematian taubat tidak akan diterima lagi telah diterangkan di dalam Al

Quran. *"Maka iman mereka tiada berguna lagi bagi mereka tatkala mereka melihat siksa kami. Itulah sunnah Allah yang telah berlaku terhadap hamba-hambaNya. Di waktu itu binasalah orang-orang kafir. (40:58)"*¹¹⁷

Kenapakah ia demikian. Kerana taubat bukan sahaja beerti kesal ataupun berpaling dari jalan yang salah disebabkan oleh satu faktor ataupun yang lain. Taubat adalah benar apabila revolusi batin mengambil tempat di dalam diri seseorang, mengakibatkan kebangkitan terhadap semua hawa nafsu, keburukan dan perbuatan-perbuatan keji serta dominasi ke atas semua mereka.

Melihat kedatangan balasan Ilahi dan kemudian mengalami kepercayaan dan di sini taubat bukanlah satu revolusi batin. Al Quran berkata dari hal Firaun, *"Hingga bila Firaun itu telah hampir tenggelam berkatalah dia: 'Saya percaya bahawa tidak ada Tuhan melainkan Tuhan yang dipercayai oleh bani Israil dan saya termasuk orang-orang yang berserah diri (kepada Allah). (10:90)"*¹¹⁸

Selagi Firaun masih hidup beliau berkelakuan seperti raja yang zalim dan tidak ada sesuatu pun dan tiada bicara yang dapat menginsafkannya. Beliau memilih pertandingan di antara ahli-ahli sihirnya dan Musa; beliau menunjukkan sikap lebih memberontak dan ingin membunuh Musa dan kaumnya. Beliau mengejar mereka dalam pelarian mereka dan, apabila beliau di saat lemas di dalam laut dan tidak terdapat jalan lari lagi, beliau bertaubat dan melahirkan kepercayaannya kepada Tuhan Musa. Tetapi adalah terlalu lewat untuk menerima taubatnya kerana ia adalah bukan revolusi batin yang benar. Taubatnya adalah disebabkan oleh ketidakupayaannya di dalam kecelakaan. Dengan itu, mereka berkata kepadanya, "Sekarang? Apabila kamu dahulunya memberontak? Dengan lain perkataan, "Mengapakah kamu tidak bertaubat sejam yang lalu apabila kamu bebas untuk berbuat demikian." Kerana, tatkala itu, ia adalah perubahan hati yang sebenar. Penjenayah manakah di dalam dunia ini yang tidak kesal si saat hukuman. Tetapi jika ia menunjukkan rasa kesal dan taubat sebelum ditangkap, kemudian barulah kita boleh katakan yang dia

sedang berubah secara spiritual.

Sekarang, sebab mengapa taubat di dunia akan datang adalah tidak diterima, ialah kerana penjenayah itu telah pun menyaksikan hukuman di sana dan akibat kepada perbuatan-perbuatannya dan dengan itu taubatnya bukanlah berbentuk revolusi yang benar. Tambah lagi, kematian adalah seperti luruhnya buah daripada pokok. Selagi ia masih tetap sebagai sebahagian daripada pokok, ia bergantung kepada udara, air dan makanan yang diperolehi oleh pokok itu. Walaupun sejam sebelum luruh, masih terdapat peluang untuk buah itu menjadi semakin masak dan manis tetapi sebaik sahaja ia jatuh, setiap kemungkinan untuk penbesaran pun berakhir.

Manusia adalah hasil fitrah dengan semua keupayaan untuk orang itu menjadi baik ataupun buruk. Sekiranya kita berbuat dosa, kita adalah wabak seperti buah yang busuk. Taubat ialah satu cara di mana seseorang di beri makanan apabila seorang masih hidup, bukan dalam kematian ataupun selepasnya. Semua perubahan dan revolusi turun dan naik adalah berkaitan dengan dunia ini sementara di dunia yang lain, mereka semuanya berhenti dan berakhir.

Contoh yang lain ialah seorang bayi di dalam rahim ibunya. Semua makanan dan kesihatannya adalah bergantung kepada ibunya tetapi sebaik sahaja ia lahir, pergantungan yang total pun berakhir dan aturan yang baru pun didirikan untuk hidupnya yang agak berbeza dari yang lampau. Di dunia yang akan datang juga, semua benda adalah berbeza daripada aturan dunia ini.

Ali, semuga rahmat Allah bersamanya berkata, "*Hari ini ialah waktu untuk melakukan amal dan bukannya perhitungan dan esok (di akhirat adalah masa untuk perhitungan dan bukannya untuk melakukan amal.*"¹¹⁹

Beliau tidak bermaksud yang di dunia ini tiada hukuman. Setengah-setengah dari kecelakaan yang menimpa kita ialah hukuman-hukuman. Tetapi sekali lagi ia tidak beerti yang semua hukuman untuk perbuatan-perbuatan yang buruk dikenakan di dunia ini. Dengan itu, jika seseorang tidak menerima hukuman di sini ia tidak beerti yang seseorang itu

agak suci dan 'buku' nya agak jernih.

Di satu pihak, jika kejadian seperti banjir menusnahkan orang ramai, adakah ia disebabkan oleh perbuatan-perbuatan mereka dan hukuman-hukuman mereka di dunia ini? Tidak. Kata-kata Ali yang di atas berkata yang dunia ini ialah untuk amal dan bukannya hisab, dunia yang akan datang ialah untuk hisab dan bukannya amal. Itulah sebabnya mengapa taubat yang diucapkan sebelum maut adalah tidak sah, iaitu, ia mesti dilafazkan ketika masih terdapat waktu dan peluang untuknya.

Allah berfirman di dalam Al Quran, "*Dia memberikan janji-janji kepada mereka dan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka, pada hal syaitan itu tidak menjanjikan kepada mereka selain daripada tipu belaka.*" (4:120)¹²⁰

Seorang lelaki datang kepada Hadrat Ali untuk bertaubat dan apabila Imam itu sedar yang lelaki itu adalah jahil dari hal kepentingan taubat, beliau pun berkata kepadanya, "Tahukah kamu apakah yang dimaksudkan dengan taubat? Ia adalah kedudukan yang tinggi. Ia mengandungi enam syarat untuk penerimaannya dan dua dari syaratnya yang akhir ialah syarat untuk kesempurnaannya? Apakah keenam-enam fakta ini?

Yang pertama ialah menyesali apa yang telah berlaku. Ia beerti memerhati perbuatan yang hitam dan merasa bersalah dan malu tentangnya hingga ia membuatkan hatimu terbakar. Al Quran berkata, "*Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan.*" (5:90)¹²¹

Setiap orang tahu betapa keji daging yang mati dan tiada terdapat sesuatu pun yang lebih sesuai daripada membandingkan mengumpat dengannya. Fitnah adalah kategori maksiat-maksiat yang sama. Setengah-setengah orang dalam menuduh orang lain memulakan perkataan-perkataan mereka dengan rangkai kata, "Telah dikatakan," dan anggaplah iaitu dengan cara ini mereka melepaskan diri mereka daripada dosa fitnah dan kemudian akan

menidakkan kata-kata mereka dan berkata yang mereka telah memetik kata-kata orang lain. Ini juga adalah maksiat dan Quran telah melarangnya dalam ayat yang beriktu. *"Sesungguhnya orang-orang yang ingin agar (berita) perbuatan yang amat keji itu tersiar di kalangan orang-orang yang beriman bagi mereka azab yang pedih di dunia dan di akhirat."* (24:19)¹²²

Mereka yang menyebarkan fitnah dari hal orang lain sedang melakukan maksiat yang besar. Hal yang sama juga mengenai pandangan yang dilemparkan kepada isteri orang dan anak-anak perempuan kepada meninggalkan salat dan puasa dan menunjukkan sikap tidak hairan kepada upacara-upacara suci di dalam bulan-bulan berkabung dan bulan puasa. Berpakaian yang tidak senonoh dikhalayak ramai adalah satu dosa lain yang sedemikian.

Rasulullah bercakap dari hal mi'rajnya dengan berkata, *"Di sana sku melihat wanita digantung dengan rambutnya dan dipalu dengan merundung berapi dan wanita yang digantung dengan teteknya dan dipukul dengan cemati. Aku bertanya siapakah mereka dan telah diberitahu, 'Mereka ini adalah wanita-wanita yang mempamirkan tubuh badan mereka dikhalak ramai.'"*

Apakah nilainya hidup yang singkat ini untuk dibiarkan diri seseorang kepada hukuman-hukuman yang suci itu. Belumkah tiba waktunya untuk datang kepada diri sendiri dan merendah diri dan menunjukkan minat terhadap apa yang telah diarahkan oleh Allah? Al Quran berkata, *"Belumkah datang waktunya bagi orang-orang yang beriman untuk tunduk hati mereka mengingati Allah dan kepada kebenaran yang telah turun (kepada mereka)."* (57:16)¹²³ Apakah gunanya mengalirkan air mata semata-mata kerana rupa, mengambil tempat taubat dan memeriksa diri sendiri dan lain-lain daripada melakukan maksiat.

Syarat kedua yang membentuk asas rujukan ialah resolusi yang tetap untuk tidak mengulangi perbuatan yang salah itu sekali lagi. Taubat tidak bergantung kepada maksiat kejahatan yang besar. Setiap jenis maksiat, samaada besar ataupun kecil, meminjamkan dirinya kepada taubah

termasuk yang kesalahan itu adalah serious di dalam niatnya.

Salah satu daripada dua syarat penerimaan taubat ialah memulangkan apa yang menjadi milik orang lain, samaada ia adalah sesuatu yang dirampas ataupun sesuatu hak yang telah dipijak di atasnya. Ia mesti dikembalikan dengan sendirinya ataupun, sekurang-kurangnya pemilik yang sebenarnya harus diberikan kepuasan. Allah tidak akan melupakannya dan begitu juga dengan orang yang telah diumpati. Beliau perlu dipuaskan. Beliau perlu memaafkan hal itu.

Saya ingin menceritakan sesuatu yang mengenai diri saya sendiri. Saya adalah seorang pelajar ugama yang muda menghadiri satu kumpulan di mana seorang telah mula memfitnah Ayatullah Hujjat yang mana saya telah menjadi muridnya untuk beberapa tahun. Saya berasa yang perbuatan ini adalah agak salah tetapi saya tidak berbuat apa-apa mengenainya. Suatu hari saya pergi ke rumahnya dan meminta untuk menemuinya. Saya dibenarkan masuk dan saya pun menerangkan yang mereka telah bercakap tentangnya dibelakangnya dan saya tidak berbuat apa-apa pun untuk menghentikan mereka. Saya berasa amat kesal tentangnya dan meminta maaf darinya.

Dengan kebesaran yang dimiliki oleh insan ini, beliau berkata, "Terdapat dua jenis fitnah berkenaan dengan manusia seperti kita, satu daripadanya ialah nusta terhadap Islam dan yang lainnya berkaitan dengan diri kita." Saya menerangkan yang beliau tidak berkata sesuatu yang menentang Islam tetapi mereka telah bercakap hanya mengenai dirinya.

Beliau memberitahu yang saya telah dimaafkan.

Dalam taubat setiap benda yang diperolehi secara haram daripada orang lain samaada ia adalah tugas ugama, rasuah ataupun sebarang perolehan yang haram atau sebarang kerosakkan yang dilakukan mesti dibayar dan diperbaiki supaya pemilik yang sebenarnya atau orang yang telah menerima kerosakan itu mesti dipuaskan. Jika kamu tidak memiliki sesuatu apa pun untuk dikembalikan dan

sebagai contoh, pemilik yang berhak sudah meninggal dunia, maka dengan itu mohonlah keampunan daripada Allah. InsyaAllah, Dia akan membuatkan orang itu puas hati. Sama juga, hak yang suci patut dibayar semula. Apakah dia hak-hak suci? Jika kamu gagal untuk menjalankan ibadah puasa ataupun salat ataupun gagal untuk mengerjakan ibadah haji yang wajib ke Mekah di samping memiliki kemampuan untuk **menanggungnya** secara fizikal dan kewangan, kamu mesti membayar semua kegagalan-kegagalan ini.

Seorang wanita yang menghadiri perbincangan saya ini telah menulis kepada saya yang beliau telah terpengaruh dengan dalamnya dengan kata-kata saya dari hal perubahan hati secara total. Beliau mengakui yang di samping pelajarannya yang tinggi dan pekerjaannya sebagai seorang guru besar sebuah sekolah beliau adalah cukup malang kerana tidak mempunyai pengenalan yang sebenar dengan Al Quran dan beliau memohon pimpinan dan **nasihat**.

Izinkanlah saya untuk memberikan jawapan yang general. Adalah perlu bagi setiap orang Islam untuk mengetahui bahasa Arab demi untuk memahami Al Quran dan do'anya sendiri. Tetapi seperti yang terjadi, dewasa ini, bahasa Inggeris adalah merupakan bahasa international dan satu cara untuk menambah pendapatan seseorang, sementara bahasa Arab diketepikan walaupun ianya sangat-sangat diperlukan oleh kita dalam ugama dan spiritual.

Fakta yang selanjutnya yang disebutkan oleh Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, dari hal syarat penerimaan taubat ialah untuk membuang semua daging-daging yang telah **tumbuh** pada diri seseorang dengan cara-cara yang haram. Ini memerlukan mortifikasi daging, pantang-larang dan disiplin diri sendiri. Ini beerti memperolehi keuntungan daripada apa saja yang halal, jujur dan betul.

Ayah saya meriwayatkan yang Razavi Khorasani, yang merupakan seorang cerdik pandai ugama, mempunyai badan yang sangat gendut. Di dalam tahun-tahun akhir hidupnya beliau telah ketemu dengan seorang petapa yang

beriman dan melalui pengaruhnya, beliau mengambil keputusan untuk membuang daging-dagingnya yang berlebihan hingga ke satu tahap di mana beliau menjadi agak ramping dan kurus. Saya tidaklah begitu gila untuk mengatakan yang kegendutannya adalah diakibatkan oleh kehidupannya yang begitu longgar, tetapi walaubagaimanapun beliau sendiri telah datang kepada kesimpulan yang seorang yang kuat ugama tidak patut menjadi begitu gemuk.

Syarat akhir yang ingin saya terangkan ialah untuk membiarkan badan yang telah merasai kemanisan maksiat, juga merasai kesakitan persimpangan dan ibadah. Puasa bukanlah suatu hal yang mudah terutama sekali jika kamu menghabiskan malammu dengan salat. Al Quran berhubung dengan taubat menyebut fakta-fakta yang berikut, *"Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang mensucikan diri."* (2:222)¹²⁴

Ini beerti yang kamu mesti mensucikan diri kamu sendiri bukan sahaja secara fisikal tetapi juga spiritual. Rasulullah adalah contoh yang baik bagi kedua-dua jenis kebersihan ini.

Al Quran juga berkata dari hal pembentukan semula diri seseorang berkaitan dengan taubat. *"Maka barang siapa sesudah melakukan kejahatan itu dan memperbaiki diri, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."* (5:39)¹²⁵ Saya telah pun menyebutkan yang kadang-kadang setengah daripada diri seseorang memberontak berhadap yang setengah lagi dan pemberontakkan ini mungkin daripada daripada pehak manusia yang rendah seperti nafsu, rasa marah ataupun keburukan ataupun oleh pehaknyanya yang tinggi seperti akal, kesedaran, fitrahnya yang sebenar dan hatinya yang dalam.

Mereka yang telah menderita penghalangan sex di dalam nama ibadah dan kebaikan tiba-tiba memaling ke arah kemerdekaan dan memberontak terhadap diri sendiri. Tetapi revolusi yang bermula hasil daripada kepercayaan kepada Tuhan dengan mengenai pehak manusia yang tinggi,

adalah suci dan diikuti oleh pembentukan semula.

Salah satu daripada keajaiban para nabi dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin manusia yang lain ialah revolusi mereka adalah berbeza daripada revolusi yang dimulakan oleh pemimpin-pemimpin masyarakat. Pemimpin-pemimpin manusia hanya berjaya membangunkan satu kumpulan ataupun kelas terhadap kelas-kelas masyarakat yang lain dan melengkapkan mereka dengan cara-cara ataupun mengalahkan musuh-musuh mereka. Revolusi-revolusi ini adalah berguna di dalam peristiwa-peristiwa di mana terdapat sebuah kelas penindas dan sebuah kelas orang-orang yang ditindas. Memanggil orang-orang yang ditindas untuk merampas semula hak-hak mereka adalah kemanusiaan dan perbuatan ini adalah menjadi sunnah dan dilakukan oleh semua nabi-nabi. Satu daripada wasiat Imam Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, kepada kedua-dua orang anak lelakinya, ialah, "*Selalulah menjadi musuh kepada penindas dan sekutu kepada orang-orang yang ditindas.*"

Apa yang tidak boleh dilakukan oleh ketua-ketua pemberontak tetapi dapat dilakukan oleh para nabi ialah untuk membangkitkan manusia menentang diri sendiri dan membuatnya bertaubat, para nabi juga boleh membuatkan penindas-penindas bangun menentang perbuatan-perbuatan mereka yang buruk. Kamu berjumpa dengan banyak bentuk seperti Abu Sufiyan dan Abu Jahl di dalam sejarah Islam yang mana orang-orang miskin dan lemah telah bangun menentang dan juga orang-orang yang zalim seperti ini telah memberontak menentang diri mereka sendiri.

Imam Musa ibn Ja'far sedang melintasi sebuah pasar di Baghdad. Beliau telah mendengar bunyi musik dan perayaan daripada sebuah rumah. Ketika beliau melintasinya, beliau telah melihat seorang wanita pembantu rumah yang keluar dengan sebakul sampah. Beliau bertanya perempuan itu samaada tuan rumah itu adalah seorang yang bebas ataupun seorang hamba. Perempuan itu amat terperanjat kan soalan ini lalu memberitahu yang dia adalah secara natural seorang

yang bebas dan seorang yang terkemuka di bandar itu. Ia mengambil masa beberapa ketika untuk pulang ke rumah. Tuannya bertanya mengapakah dia pergi dengan lamanya. Perempuan itu memberitahu akan perbualannya dengan lelaki itu dan memberikan gambaran tentangnya. Perempuan itu berkata yang teguran akhir lelaki itu ialah jika tuan rumah itu tidak menganggap dirinya bebas, dia tidak akan bersuka ria dan berpesta dengan cara yang demikian.

Daripada gambaran yang diberikan oleh perempuan itu dia sedar yang lelaki itu tidak lain dan tidak bukan melainkan Imam. Dia tidak memberikan dirinya sebarang waktu walaupun untuk memakai kasut dan terus bekejar ke pintu dengan berkaki ayam untuk berjumpa dengan Imam. Dia berlari mengikut arah yang telah diikuti oleh Imam itu seperti yang telah diberitahukan kepadanya, dan ketika menemui Imam, dia pun berlutut lalu berkata, "Kamu adalah agak benar. Saya adalah seorang hamba tetapi saya tidak mengetahuinya. Saya mahu dari saat ini menjadi seorang hamba Allah dan memulakan taubat saya."

Dia kemabli ke rumah dan membuang semua cara-cara yang membawa kepada keriangian dan sejak itu dia dengan berkaki ayam telah berjalan di atas jalan raya-jalan raya sekitar bandar Baghdad dan mendapat nama samaran 'Bashar yang berkaki ayam.' Apabila ditanya mengapa dia tidak memakai kasut, dia menjawab, "Sepertimana saya telah menghormati penemuan dengan Imam begitulah juga saya sekarang ingin mengekalkan ingatan itu sambil berjalan dengan berkaki ayam."

Bersangkutan dengan hal puak Yahudi Bani Quraida yang telah menyerang Islam dan orang-orang Islam dengan kianatnya, Rasulullah mengambil keputusan untuk menyelesaikan masalah ini untuk selama-lamanya. Mereka menyuruh baginda untuk mengirimkan Abul Babah yang mempunyai kecenderungan terhadap mereka untuk bermuafakat. Rasulullah bersetuju dan menghantarnya kepada mereka. Dia mengkianati kepercayaan ini dengan setengah pendapat yang menyebelahi orang-orang Yahudi tetapi menentang orang-orang Islam. Sewaktu kembalinya

ke Madinah, dia berasa amat malu akan perbuatannya dan pulang ke rumah, bukannya untuk melihat anak-anak dan isteri tetapi untuk mendapatkan seutas tali dan pergi ke masjid An Nabi. Dia mengikat dirinya sendiri ke sebatang tiang dan melaung, "Ya Allah, aku tidak akan membuka ikatan diriku ini sehingga taubatku diterima." Hanya pada waktu salat ataupun untuk memudahkan panggilan fitrahnya, anak perempuannya pun akan membuka ikatannya untuk beberapa ketika dan memberinya makanan dan sekali lagi dia meminta untuk dililit, menghabiskan masa yang panjang dalam ratapan dan menyesali apa yang telah dilakukannya dan berharap untuk mati kecuali jika dia dibebaskan dari dosanya.

Mereka melapurkan hal ini kepada Rasulullah dan baginda berkata, "*Kiranya dia datang kepadaku, Aku akan meminta Allah untuk mengampunkannya, tetapi oleh kerana dia telah membuatkan permintaan yang langsung kepada Allah, Dia akan berkira dengannya.*" Selepas dua atau tiga hari, wahyu Ilahi pun memberitahu Rasulullah yang Abul Babah telah diampunkan. Apabila penduduk-penduduk Madinah mendengar akan berita ini mereka bercurah-curah pergi ke masjid untuk membebaskannya, tetapi dia meminta Rasulullah untuk berbuat demikian dan Rasulullah pun melakukannya.

Mereka-mereka yang telah pergi ke Madinah tahu yang di atas salah satu daripada tiang-tiang di dalam masjid An Nabi ada tertulis 'tiang taubat'. Inilah tiangnya di mana Abul Babah telah bertaubat dan pada zamannya ia adalah sebuah tiang kayu. Selepas pengampunannya, Abul Babah, sebagai tanda bersyukur menawarkan semua harta bendanya untuk digunakan di jalan Allah, tetapi Rasulullah tidak bersetuju. Dia menawarkan 2/3 daripadanya dan sekali lagi Rasulullah menolak. Untuk kali yang ketiga Abul Babah menawarkan 1/3 daripada hartanya dan kali ini Rasulullah bersetuju. Ini adalah kerana Abul Babah memiliki tanggungjawab untuk menanggung keluarganya.

Telah diriwayatkan yang seorang lelaki telah meninggal dunia dan Rasulullah pergi untuk mejalankan sembahyang

jenazahnya. Baginda bertanya orang lelaki itu mempunyai berapa ramai anak dan harta apakah yang ditinggalkannya. Mereka berkata yang dia adalah seorang yang kaya tetapi telah mendedekahkan semua hartanya sebelum kematiannya. Rasulullah berkata, "Jika aku tahu akan hal ini, terlebih dahulu niscaya aku tidak akan menyembahyangkan jenazahnya kerana dia telah mewasiatkan anak-anak yang lapar kepada masyarakat."

Juga dikatakan yang jika seorang lelaki yang sakit ingin meniggalkan lebih daripada 1/3 dari kekayaannya untuk disedekahkan, wasiatnya ini adalah tidak diterima kerana dia telah berbuat demikian diatas katil kematiannya, walaupun ini tidak dijalankan sebagai wasiat tetapi sebagai alihan yang biasa.

Saya telah membincangkan persoalan taubat sepanjang malam-malam ini kerana malam-malam suci untuk berjaga adalah waktu yang paling baik untuk bertaubat dan memohon keampunan dari Allah agar kamu dapat diampunkan dari dosa-dosa kamu. Tetapi di dalam taubat, semua syarat yang telah saya katakan mesti dipenuhi.

Satu contoh taubat yang lain ialah Zuhair ibn Al-Qain yang menjadi sahabat Imam Husain, semoga rahmat Allah bersamanya. Beliau adalah salah seorang daripada pengikut Uthman yang percaya bahawa Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, dihalang Allah, ada masuk campur di dalam pembunuhan Uthman. Beliau sedang kembali dari Mekah ke Iraq dan oleh kerana Imam Hussain, semoga rahmat Allah bersamanya, juga sedang mengambil jalan yang sama, beliau berfikir samaada beliau patut berjumpa dengan Imam itu ataupun tidak. Disebabkan beliau adalah seorang yang benar-benar beriman di dalam hatinya, beliau takut yang Imam, sebagai cucu Rasulullah mungkin bertanyakan sesuatu yang tidak dapat dilakukannya, dengan rela dan ini adalah buruk, dengan itu, beliau pun menjauhi Imam. Tetapi di salah satu daripada tempat-tempat perhentian mereka, Imam menghantar seorang untuk membawa Zuhair kepadanya. Zuhair sebagai ketua kaum sedang berehat di dalam kemah bersama-sama dengan keluarga dan sahabat-

sahabatnya. Mendengarkan arahan ini beliau menjadi pucat lalu berkata, "Apa yang tidak aku harapkan telah terjadi."

Beliau tidak tahu berakta apa. Beliau mempunyai seorang isteri yang beriman yang berkata kepadanya, "Tidakkah kamu malu menunjukkan rasa ragu-ragu di dalam mentaati panggilan cucu Rasulullah yang patut kamu anggap sebagai satu penghormatan?" Pergilah sekarang juga." Dengan perasaan tidak rela Zuhair pun bangun pergi berjumpa dengan Imam. Tidak seorang pun tahu apa yang terjadi di antara mereka tetapi apabila Zuhair kembali beliau kelihatan berbeza. Sekarang beliau begitu riang dan gembira. Kita tidak tahu bagaimana Imam mengubahnya tetapi satu revolusi yang suci telah mengambil tempat di dalam dirinya. Serentak dengan itu beliau mula memberi arahan-arahan mengenai wasiat-harta-hartanya dan ahli keluarganya dan tergopoh-gapah untuk bersama-sama dengan Imam. Di Karbala, beliau adalah salah seorang daripada pengikut-pengikut Imam dibarisan hadapan., di mana beliau syahid bersama-sama dengan mereka. Apabila isterinya menghantar seorang hamba dengan kain kapan untuk badannya, hamba itu telah melihat satu pandangan yang memalukan. Mereka dapati yang bukan sahaja tubuh Zuhair tetapi juga tubuh tuannya ketiadaan kain kapan.

Sebagai kesimpulan saya berdoa agar Tuhan menganugerahkan kita semua kesudahan yang baik dan memberikan kita peluang untuk bertaubat dengan sebenar dan keampunan olehnya.

Hijrah dan Jihad

"Dan barangsiapa keluar dari rumahnya dengan maksud berhijrah kepada Allah dan RasulNya, kemudian kematian menimpanya (sebelum sampai ke tempat yang di maksudkan), maka sungguh telah tetap pahalanya di sisi Allah. Dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyanyang." (4:100)¹²⁶

Ugama suci Islam adalah berasaskan kepada dua tiang-tiang hijrah dan jihad (perjuangan spiritual dan ugama di jalan Allah). Al Quran telah mensucikan kedua-dua hal ini dan memuji mereka-mereka yang berhijrah dengan mendalamnya.

Hijrah beerti meninggalkan rumah dan tempat-tempat tinggal dan memulakan pergerakan ke satu destinasi yang lain demi untuk menyelamatkan ugama dan iman. Hal ini telah dirujukan di dalam banyak ayat-ayat Quran. Di zaman permulaan Islam terdapat dua kumpulan orang-orang Islam: **orang-orang** yang berhijrah dan sahabat-sahabat. Para sahabat berada di **Madinah** dan orang-orang yang berhijrah adalah orang-orang yang meninggalkan bandar-bandar mereka dan pergi ke Madinah. Hijrah dan jihad tidak boleh dibatalkan; kedua-duanya adalah darjah yang kekal yang keadaan-keadaan mungkin pada sebarang waktu membuatnya perlu.

Untuk menyingkirkan salah faham, biarlah saya terangkan yang intepritesi-intepritasi lain juga dibuat berkenaan dengan Hijrah dan jihad. Telah dikatakan,

“Seorang yang berhijrah ialah seorang yang telah meninggalkan dosa-dosa.” Adakah makna ini bersesuaian? Jika demikian, jadi kesemua orang-orang yang bertaubat di dalam dunia ini yang menjauhi dosa ialah orang-orang yang berhijrah. Dua contoh dapat diberikan di sini. Fuzeil bin Iyaz dan Bashir Hafi. Pada mulanya Fuzeil adalah seorang pencuri tetapi perubahan hati telah membuatnya menolak semua maksiat-maksiat dan bertaubat dengan ikhlas. Kemudian beliau dikenali bukan sahaja sebagai seorang yang baik tetapi sebagai seorang pemimpin dan guru kepada orang-orang lain. Di hari-hari sebelumnya beliau memanjat tembok untuk masuk ke sebuah rumah dan kebetulan dengan itu terdapat seorang yang menyerah diri yang berjaga untuk bersembahyang dan membaca Al-Quran. Beliau mendengar suara lelaki yang merdu yang membaca ayat-ayat suci Al Quran.

Apabila beliau mendengarnya, sambil duduk di atas tembok, beliau berfikir, “Ia adalah satu wahyu yang ditujukan kepadaku secara langsung. Ya, wahai Tuhan, ini adalah masanya, saat ini juga.” Beliau terus turun dari tembok dan dari saat itu, beliau meninggalkan sikap mencuri, minum dan berjudi serta apa sahaja kejahatan yang beliau boleh kepada pemilik-pemiliknyanya dan membayar semula semua ibadat-ibadat yang telah ditinggalkannya. Dengan itu dia adalah seorang yang berhijrah daripada maksiat.

Di zaman Imam Musa Kazim, semuga rahmat Allah bersamanya, terdapat seorang lelaki di Baghdad bernama Bashir Hafi. Beliau adalah seorang bangsawann yang cintakan nikmat. Suatu hari Imam sedang melintasi rumah lelaki ini apabila seorang pembantu rumah keluar untuk membuang sampah. Pada waktu yang sama bunyi musik kedengaran dari rumah itu. Ianya kedengaran seolah-olah satu keriangangan sedang berjalan di rumah itu. Imam itu pun bertanya, sambil mencela, rumah siapakah itu dan samaada tuannya adalah seorang hamba ataupun seorang yang bebas. Pembantu rumah itu menjawab dengan terperanjat, “Tidakkah kamu tahu yang ini adalah rumah Bashir Hafi.

Bagaimanakah mungkin dia menjadi seorang hamba?" Imam berkata, "Dia mestilah seorang yang bebas demi untuk berbuat demikian. Jika dia adalah seorang hamba sudah tentu perwatakannya adalah berbeza." Kemudian Imam itu pun meneruskan perjalanannya.

Sekembalinya pembantu rumah itu ke rumah, Bashir pun bertanya akan sebab kelewatannya. Pembantu rumah itu pun meriwayatkan perbualannya dengan lelaki tadi, yang menurutnya kelihatan begitu baik dan beragama. Dengan gambaran perempuan itu, Bashir sedar yang orang itu tidak lain melainkan Imam. Tiba-tiba beliau merasai satu perubahan di dalam hatinya dan dengan tergesa-gesa bertanya arah manakah yang diikuti oleh Imam. Setelah diberitahu, beliau pun dengan berkaki ayam berlari dan berjaya mendekati Imam itu. Beliau menjatuhkan dirinya ke kaki Imam, dengan tersedu-sedu mengakui minatnya untuk menjadi seorang hamba sejak waktu itu dan seterusnya, seorang hamba Allah. Beliau bertaubat dari perbuatan-pertuatannya yang lalu dan setelah kembali ke rumah, beliau pun membuang semua implemen-implemen keriang dan memulakan hidup yang baik dan menyerah diri. Dengan itu beliau boleh dianggap sebagai seorang yang telah berhijrah.

Terdapat juga interpretasi yang sama dari hal jihad. Telah dikatakan iaitu seorang mujahid (seorang yang bergiat di dalam perjuangan ugama dan spiritual di jalam Allah) ialah seorang yang memerangi 'naf'nya dan berperang dengan hawa nafsu.

Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, berkata, "*Orang yang paling berani ialah dia yang menawan nafsunya sendiri.*" Suatu hari Rasulullah sedang melintasi sebuah jalan di Madinah. Beliau telah melihat beberapa orang anak-anak muda sedang beradu untuk mengangkat batu yang berat. Rasulullah bertanya sekiranya mereka mahu agar baginda menjadi hakim dalam peraduan itu. Dengan penuh minat mereka pun bersetuju. Kemudian Rasulullah berkata, "*Adalah tidak perlu untuk mengangkat batu untuk melihat siapakah yang paling kuat. Aku boleh katakan yang orang*

yang paling kuat ialah dia yang dapat mengawal keinginannya untuk melakukan maksiat. Orang yang begini adalah seorang wira yang benar-benar berani."

Sebuah cerita telah diriwayatkan mengenai Puryayeh Vali yang dikira sebagai johan dunia dan juga sebagai simbol kepewiraan dan kelelakian. Pada suatu ketika beliau telah melawati sebuah negara untuk pertandingan gusti dengan johannya. Di jalan raya beliau bertemu seorang wanita tua yang sedang menawarkan gula-gula sebagai sedekah dan meminta orang ramai untuk mendoakan anak lelakinya. Beliau mendekati Puryayeh dan menawarkan gula-gulanya. Puryayeh bertanya untuk apakah ianya. Wanita itu berkata, "Anak lelakiku adalah johan gusti yang akan ditandingi oleh johan dari negara lain. Kami hidup dengan pendapatan yang diperolehinya daripada gusti dan jika dia tewas, kami tidak akan mempunyai apa-apa pun untuk hidup." Puryayeh berkata yang beliau adalah di satu persimpangan samaada untuk menunjukkan kekuatannya ataupun untuk menunjukkan kelelakiannya di pertandingan esok hari. Walaupun beliau adalah jauh lebih kuat daripada lawannya, beliau bergusti dengan cara untuk memberikan kemenangan kepada lawannya. Beliau berkata yang pada waktu beliau tiba-tiba terasa yang hatinya telah dibuka oleh Allah dan beliau terasa seolah-olah beliau dikelilingi oleh malaikat-malaikat. Beliau memerangi nafsunya sendiri dan dengan itu bersama-sama dengan pangkat orang-orang yang suci.

Terdapat satu cerita lain dari hal Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, dan Amr ibn Abdawud, seorang johan yang telah berhadapan dengan beribu-ribu lelaki. Di dalam peperangan khandak, orang-orang Islam adalah di satu belah parit manakala musuh pula adalah di sebelah yang lain, agar pehak musuh tidak dapat menyeberanginya. Beberapa orang kafir termasuk Amr berjaya menyeberangi parit itu dan mencabar orang-o'ang Islam yang takut untuk berhadapan dengannya kerana mereka sedar akan kekuatannya. Rasulullah bertanya siapakah yang ingin menerima cabaran itu tetapi tidak seorang pun yang bergerak kecuali seorang anak muda yang dalam lengkungan

usia dua puluh tiga atau dua puluh empat tahun iaitu Ali, semoga rahmat Allah bersamanya. Rasulullah tidak melepaskan beliau pergi.

Umar berkata kepada Rasulullah yang tiada seorang pun yang mara ke hadapan, Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, mesti diizinkan untuk maju. Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, berhadapan dengan Amr dan menjatuhkan johan besar ini dan duduk di atas dadanya untuk membunuhnya. Tetapi Amr meludah ke wajah Ali kerana marah disebabkan oleh ketewasannya. Ali, semoga rahmat Allah bersamanya, begitu berang akan perwatakan yang buruk ini. Beliau bangun daripada dada musuh itu dan berjalan-jalan untuk seketika untuk mengendali marahnya. Apabila Amr bertanya akan sebab kepada keraguan beliau, beliau menjawab, "Aku berperang untuk Allah dan dalam tugas ini tidak terdapat ruang untuk marah." beginilah perihal seorang wira yang berani.

Interpretasi jihad yang lain ialah memerangi 'naf' sendiri. Rasulullah memanggil perbuatan ini sebagai 'jihad akbar.' Tetapi setengah-setengah orang telah disimpangkan dengan interpretasi ini, mereka menganggap yang hijrah hanyalah meninggalkan dosa dan jihad pula hanyalah menentang 'naf.' Dengan itu, mereka lupa yang hijrah juga beerti meninggalkan tempat-tempat yang tidak diinginkan dan jihad juga termasuk memerangi musuh-musuh luar. Dengan itu, Islam percaya di dalam dua jenis hijrah dan dua jenis jihad. Jika kita mengenepikan satu jenis di bawah dalih yang lain, kita sedang menyimpang dari ajaran-ajaran Islam.

Orang-orang suci agama kita termasuk Nabi-nabi yang suci, Imam Ali dan Imam-Imam yang lain adalah pejuang dan pengembara. Dari sudut spiritual, terdapat peringkat-peringkat yang tidak dapat dilalui kecuali perbuatan-perbuatan ini. Seorang yang tidak pernah memasuki medan jihad tidak boleh dipanggil mujahid dan seseorang yang masih belum berhijrah tidak boleh memenangi nama istimewa sebagai seorang penghijrah.

Dari kaca mata Islam, perkahwinan adalah suci menurut beberapa cara yang praktikal (tidak seperti agama

Kristian di mana pembujangan di anggap suci). Apakah sebabnya? Salah satu daripada sebabnya ialah dalam mendidik jiwa manusia. Ia adalah sejenis kedewasaan dan kesempurnaan yang tidak dapat diperolehi kecuali menerusi perkahwinan. Sekiranya seorang lelaki ataupun wanita kekal membujang hingga ke akhir hayatnya, walaupun jika hidup itu dihabiskan dalam pertapaan, penyerahan, salah dan di dalam berperangan dengan kejahatan, masih terdapat sejenis ketidakdewasaan yang boleh diperhatikan di dalam setiap orang dari mereka. Itulah sebabnya mengapa perkahwinan adalah disarankan sebagai satu sunnah yang diperlukan.

Faktor-faktor yang mujarab di dalam pendidikan manusia adalah berkesan di dalam lengkungan-lengkungan yang bersesuaian dan tidak satu pun dari mereka yang boleh mengambil tempat yang lain. Hijrah dan jihad, juga, adalah faktor-faktor yang tidak dapat diganti oleh faktor-faktor lain.

Apakah tugas individu-individu di bawah situasi yang berbeza? Kerana tidak semua situasi adalah untuk jihad dan hijrah.

Rasulullah telah memastikan hal ini dan telah memberitahu kita iaitu tugas seorang Muslim ialah untuk tekun di dalam niatnya untuk berhijrah ataupun berjihad apabila keadaan memerlukan. Dengan itu, seseorang yang tidak pernah berperang ataupun tidak pernah berfikir untuk berperang akan mati sebagai sejenis munafik di dalam kematiannya sementara mereka-mereka yang menghargai niat untuk berhijrah ataupun berperang di dalam jihad menurut keadaan-keadaan yang diperlukan, boleh memperolehi darjat penghijrah dan pendekar.

Kitab suci Al Quran berkata, "*Tidak sama antara mu'min yang duduk (yang tidak turut berperang) yang tidak mempunyai uzur dengan orang-orang yang berjihad di jalan Allah dengan harta mereka dan jiwanya. Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwanya atas orang-orang yang duduk satu derjat. Kepada masing-masing mereka Allah menjanjikan pahala yang baik (syurga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad atas orang yang duduk*

dengan pahala yang besar....." (4:95)¹²⁷

Apa yang sedang diberitahu oleh Allah kepada kita di sini ialah orang-orang Muslim yang mujahid, perwira di jalan Allah dengan harta-harta dan nyawa-nyawa mereka dan mereka yang duduk di rumah (tidak mentaati al Quran) semata-mata berdalih kerana mereka yang sedia untuk berperang sudah cukup, adalah tidak sama. Kitab suci Al Quran tidak mencela mereka yang duduk di rumah disebabkan oleh setengah-setengah kekurangan seperti buta ataupun tempang ataupun sakit, yang mempunyai mentaliti ataupun niat-niat yang jika mereka tidak cacat dalam cara ini, mereka akan menjadi orang yang pertama berkejar untuk jihad di jalan Allah. Mungkin mereka juga memiliki derjat mujahid.

Apabila, Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, pulang daripada peperangan Siffin, seorang datang kepadanya dan berkata, "Saya berharap yang saudara saya berada di dalam peperangan bersamamu." Ali berkata, "Apakah niatnya? Adakah dia mempunyai alasan ataupun tidak? Jika dia tidak mempunyai alasan untuk tidak bersama kita, adalah lebih baik dia tidak datang. Tetapi jika hatinya bersama kita, walaupun dia tidak dapat bersama kita, dia boleh dianggap telah bersama kita." Lelaki itu berkata, "Dia berniat untuk bersama kita." Ali, semuga rahmat Allah bersamanya, berkata, "Dengan itu, bukan sahaja saudaramu yang bersama kita tetapi walaupun mereka yang masih di dalam rahim ibu ataupun di dalam tulang belakang ayah-ayah mereka boleh dikira telah bersama dengan kita.

Apakah yang dimaksudkan dengan 'menanti kedatangan?' Setengah orang menganggap yang ia beerti menanti kedatangan Imam yang ke dua belas untuk muncul pada suatu hari dengan tiga ratus tiga belas orang sahabat-sahabatnya yang khas dan pengikut-pengikut lain untuk menghapuskan musuh-musuh Islam, untuk mendirikan keamanan dan kemakmuran dan kebebasan yang sempurna, untuk dinikmati oleh kita. Apa yang betul-betul dimaksudkan dengan menanti untuk bantuan (menerusi kedatangan Imam Mahdi) ialah harapan untuk bersama-

sama dengan Imam Mahdi sewaktu kemunculannya di dalam peperangan suci dan mungkin hingga memperoleh kesyahidan. Itulah yang menjadi keinginan hati setiap orang Islam dan pejuang. Ini tidak beerti duduk menanti sehingga segala-galanya diatur dan memperoleh keuntungan daripada rahmat-rahmat yang diperoleh kemudiannya. Sahabat-sahabat Rasulullah berkata, "Kami bukanlah seperti kaum Musa." Apabila kaum ini sampai ke Palastin, mereka berkata Musa, "Kamu dan Tuhan kamu boleh pergi dan memerangi musuh, dan kami akan duduk di sini sehingga segala-galanya dalam keadaan baik." Musa bertanya, Pada fikiran kamu, apakah tugas kamu? Tugas kamu ialah untuk mengejar musuh yang telah menduduki rumah kamu." Sahabat-sahabat Rasulullah berkata, "kami tidak seperti kaum Musa. Kami akan lakukan apa sahaja yang kamu arahkan." Dengan itu menanti kelegaan beerti membantu Imam Mahdi dalam peperangan dan membentuk semula dunia.

Ramai di antara kita di dalam do'a ingin untuk bersama Imam Hussain, semoga rahmat Allah besamanya, untuk memerangi keselamatan. Adakah tuntutan ini dibuat dengan penuh keikhlasan? Dalam setengah hal ya; tetapi yang lainnya tidak.

Pada malam sebelum kesyahidannya, Imam Husain, semoga rahmat Allah bersamanya, berkata, "*Aku tahu tidak terdapat sahabat yang lebih baik dan lebih setiu daripada sahabat-sahabatku.*" Seorang Shia yang terkemuka dalam pelajarannya tidak percaya yang kenyataan diatas benar-benar dibuat oleh Imam Husain, semoga rahmat Allah bersamanya, kerana menurutnya, sahabat-sahabat Imam Husain tidak berbuat begitu banyak dalam menentañ kekejaman musuh. Ia adalah tugas setiap orang Islam yang biasa untuk menawarkan khidmatnya kepada cucu Rasulullah dan anak lelaki Ali. Mereka yang menjauhkan diri dari membantunya sudah tentulah orang-orang yang zalim. Orang yang terpelajar ini berkata yang Allah membuatnya sedar akan kesalahannya menerusi satu mimpi. Beliau bermimpi yang beliau berada di medan peperangan

Karbala dan telah datang kepada Imam untuk menawarkan khidmatnya. Imam telah memberitahunya yang beliau akan memberikannya arahan pada waktu yang sesuai. Tiba waktunya untuk mengerjakan salat dan Imam memberitahunya untuk berdiri mengawal jika pehak musuh mula menyerang sementara Imam dan sahabat-sahabatnya mengerjakan salat zohor. Tiba-tiba satu anak panah dipanah ke arah beliau dan beliau tunduk untuk mengelaknya, ia menikam Imam. Beliau berkata yang di dalam mimpinya beliau berasa malu dan kesal kerana mengelak anak panah itu dan berkata tidak akan berbuat demikian di lain kali. Tetapi beliau mengulangi perbuatannya tadi, yang mengelak anak panah, sebanyak tiga kali yang sekali lagi mengenai Imam. "Aku tidak menjumpai sahabat-sahabat yang lebih baik dan lebih setia dari sahabat-sahabatku." Sahabat-sahabatnya ialah orang-orang yang praktikal, bukan kata-kata semata-mata. Pada 10hb. Muharam kebanyakan daripada sahabat-sahabat Imam telah dibunuh, sementara pada waktu tengah hari sedikit draipada mereka dan ahli keluarganya masih hidup.

Dalam peringkat peperangan yang pertama, kedua-dua pehak berhadapan dengan satu sama lin. Tentera Imam mengandungi tujuh puluh dua orang perwira, tetapi mereka kelihatan gagah dan tabah. Imam menyusun tenteranya yang kecil dan meletakkan Zahir bin Alghin sebagai ketua sayap kanan, Habib di sayap kiri dan adiknya yang berani iaitu Abul Fadzl sebagai pemegang sepanduknya sendiri. Panglima-panglima itu pun meminta kebenaran untuk memulakan peperangan.

Sementara itu, Umar Sa'd sebagai komandan pehak musuh telah berasa agak ragu-ragu untuk memulakan peperangan, berniat untuk memuaskan kedua-dua belah pehak. Beliau tetap terus menulis surat kepada Imam mencadangkan beberapa jenis kompromi. Ibn Ziad sebagai Ketu Panglima berasa sangat marah dengan tindakan ini dan memerintahnya samaada untuk bertindak dengan serentak ataupun menyerahkan arahan itu kepada orang lain.

Umar ibn Sa'd menakuti yang perbuatannya yang

berlengah-lengah itu mungkin mengakibatkan kejatuhan air mukanya dan ketinggiannya dan juga peluang untuk memperolehi pemerintahan Ray, cuba untuk membaikinya dengan menunjukkan kekejaman yang berlebihan dan adalah orang yang pertama memanah kemah Imam, memanggil orang-orang di sekitarnya untuk menjadi saksi kepada perbuatannya dan melapurkan hal itu kepada ibn Ziad.

Shaykh Ayati sentiasa berkata di dalam khutbahnya yang peperangan Karbala bermula dengan satu anak panah yang telah dipanah oleh Umar ibn Sa'd dan berakhir dengan yang lain, apabila satu anak panah beracun menikam dada Imam agar beliau berhenti mencabar lawannya dari pihak musuh dan hanya mempunyai masa untuk berdo'a kepada Allah, "Dengan Nama Allah untuk Allah dan untuk ummah Rasulullah."


Salah satu daripada sahabat-sahabat Imam Husain bernama Abaas ibn Abi Shubiyb menghadap musuh dan mencabar musuh dengan beraninya. Tidak ada seorang pun yang berani menyahut cabaran itu. Dengan marah beliau kembali ke kemah dan membuka baju perangnya dan kembali ke medan perang dalam keadaan hampir telanjang dan mencabar musuh. Sekali lagi tidak seorang pun yang berani mara kehadapan tetapi mereka dengan khianatnya melemparkan batu dan pedang-pedang patah kepada beliau yang akhirnya membunuh beliau.

Sahabat-sahabat Imam telah menunjukkan kelelakian dan kesetiaan yang menakjubkan pada hari terakhir peperang itu. Kedua-dua lelaki dan wanita melahirkan satu pandangan yang tidak dapat ditandingi dalam sejarah manusia. Abdullah ibn Ymar Kalbi adalah salah seorang daripada orang-orang yang gagah ini yang telah membawa ibu dan isterinya bersama-sama dengannya. Apabila beliau ingin ke medan perang, isterinya yang baru sahaja dikahwininya menahan dan mendesak apa yang akan terjadi kepadanya jika beliau terbunuh. Ibunya mencelah isterinya dengan memberitahu beliau agar jangan memberi perhatian kepada isterinya kerana hari itu adalah hari ujian dan

sekiranya beliau tidak mengorbankan dirinya untuk Imam, sebagai seorang ibu, beliau tidak akan memaafkannya. Abdullah bersama-sama dalam peperangan itu dan telah dibunuh. Kemudian ibunya mengambil sebatang tiang kemah dan bergegas ke pihak musuh. Imam menyuruhnya kembali kerana wanita tidak diwajibkan berperang dalam Islam dan beliau mengambil kepala anaknya lalu mencium dan menekannya dengan erat ke dadanya sambil berkata, "Syabas anakku. Aku berasa bangga denganmu." Kemudian beliau menghumbankan kepala anaknya kepada musuh seraya berkata, "Kami tidak megambil balik apa yang telah kami tawarkan untuk jalan Allah."

Di kalangan mereka yang menawarkan khidmat mereka kepadanya ialah seorang kanak-kanak berusia 12 tahun yang telah mengikat pedang di pinggangnya dan meminta kebenaran untuk berperang kerana ayahnya telah pun dibunuh. Imam berkata, "Aku takut kiranya ibumu tidak rela," anak itu menjawab, "Ibukulah yang membenarkan pemergianku dan telah memberitahuku iaitu jika akau tidak menawarkan nyawaku untuk Imam, dia tidak akan mengampukku." Adalah menjadi adat kepada orang-orang Arab untuk memperkenalkan diri mereka sendiri apabila masuk ke medan perang tetapi anak ini tidak berbuat demikian dan oleh itu kekal tidak dikenali. Peperangannya yang oroginal telah diteriakan dihadapan musuh kerana beliau berkata, "Aku adalah seorang yang mengambil Hussain sebagai Mawla, betapakah beliau seorang Mawla yang baik, oh! manusia." Beliau menganggap ini sudah cukup.

Sebagai kesimpulan saya berdo'a kepada Allah untuk menerangi hati kita dengan cahaya keimanan dan menjadikan kita penghijrah yang benar dan perwira-perwira dalm ugama Islam dan memberikan kita kejayaan menentang musuh-musuh dan membolehkan kita memenangi kepuasanNya.¹²⁸



Hijrah dan Jihad (II)

"Barang siapa yang keluar dari rumahnya dengan maksud berhijrah kepada Allah dan RasulNya dan kemudian kematian menimpanya (sebelum sampai ke tempat yang dimaksud), maka sungguh telah pahalanya di sisi Allah." (4:100)¹²⁹

Perbincangan saya yang lalu menunjukkan yang persoalan hijrah dan jihad bersama-sama, begitu kerap sekali disebut di dalam Quran. Hari ini saya ingin menambah kepada perbincangan saya yang lalu berkenaan dengan nilai kedua-dua arahan ini dalam melatih dan menyempurnakan jiwa manusia dari sudut etik dan sosial. Jika saya ingin untuk membuka semangat hijrah dan jihad, kita mesti ingat yang hijrah beerti membebaskan diri seseorang daripada beberapa kesukaan yang telah terbukti tidak diinginkan dan jihad beerti memerangi musuh dan 'naf.' Tanpa kedua-dua sifat ini, manusia akan dihina dan diperhambakan kerana hidup dalam kedudukan material dan keadaan spiritual yang hina nanunjukkan kekurangan kebebasan spiritual yang total.

